

**Jilid I
Bil. 57**



**Hari Selasa
16hb Julai, 1991**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9053]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

Dato' Dr Jeffrey Kitingan: Penahanan [Ruangan 9140]

USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995

— Y.A.B. Perdana Menteri [Ruangan 9143]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tengah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.I.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

yang bersesuaian. Semoga apabila mereka masuk dalam kehidupan biasa, dalam masyarakat, mereka akan boleh menggunakan pengalaman itu untuk meneruskan career dalam bidang yang lain dan juga bantuan-bantuan umum ada diberikan berkaitan dengan penamatan tauliah mereka ini.

PROGRAM INDUK BELIA NEGARA

2. Tun Saidin bin Adam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha membina dan membangun ketahanan jiwa di kalangan belia bagi menghadapi dekad tahun 2,000; dan
- (b) apakah Kementerian menyedari bahawa penglibatan Belia dalam persatuan-persatuan Belia di negara ini dalam angka peratus yang rendah. Sekiranya Kementerian menyedari realiti ini, bagaimana dan apakah langkah-langkah yang Kementerian akan laksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam usaha membina dan membangun ketahanan jiwa di kalangan belia, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan Program Induk Belia Negara (PIBN). Di bawah program ini, Kementerian ini telah menyediakan program-program ke arah melahirkan masyarakat belia yang berjiwa mulia, memiliki sifat-sifat jujur, amanah, terpuji budi pekerti, ikhlas, berperikemanusiaan, berfikiran positif kepada agama, bangsa dan negara, di mana penerapan nilai-nilai keagamaan dan ketatanegaraan diutamakan.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan adalah kursus, ceramah, bengkel, forum, seminar, dialog, qiamullail dan lain-lain lagi. Langkah ini diambil sebagai persediaan awalan bagi mengisi Wawasan 2020.

Di samping itu juga Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$100 juta melalui Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan program latihan perubahan sikap dan pembentukan nilai-nilai yang murni khasnya kepada generasi belia.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan sedar akan penyertaan yang rendah dari masyarakat belia dalam pertubuhan-pertubuhan belia. Menurut perangkaan Kementerian ini seramai 1.8 juta iaitu 24% belia adalah ahli persatuan belia.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi galakan kepada belia-belia berpersatuan, walaupun tidak semestinya ia tergolong dalam kategori persatuan belia.

Untuk meningkatkan lagi keahlian belia dalam pertubuhan, Kementerian ini telah melaksanakan beberapa strategi iaitu melalui kempen kepada belia bukan-berorganisasi, meluaskan dan menyusun dengan lebih teratur program-program belia dan memperkukuhkan pemimpin dan organisasi belia.

Kempen sentiasa dijalankan di semua peringkat kepada belia bukan-berorganisasi termasuk di sekolah-sekolah, pasaraya-pasaraya dan tempat-tempat bekerja mengenai fungsi dan faedah menjadi ahli persatuan. Adalah diharapkan dengan keterangan tersebut, lebih ramai

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 16hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANTLDM LUMUT—KONTRAK
PEGAWAI WANITA

1. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa orang pegawai wanita yang bertauliah bertugas di TLDM Lumut. Apabila kontrak mereka tamat, adakah Kementerian Yang Berhormat melanjutkan kontrak mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pegawai wanita yang bertauliah yang bertugas di Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM), Lumut ialah seramai 20 orang.

Kontrak mereka akan dipertimbangkan untuk dilanjutkan bergantung kepada kesesuaian pegawai dan kesediaan perjawatan dalam TLDM.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya, pegawai-pegawai wanita itu tidak pernah diserapkan oleh TLDM atau kementerian lain dan sebaliknya pula kedudukan tidak begitu dengan pegawai-pegawai lelaki yang semuanya dapat

meneruskan kerjaya mereka dengan TLDM. Adalah tidak adil Kerajaan meninggalkan pegawai-pegawai wanita selepas mereka berkhidmat selama 7-9 tahun tanpa membuat sebarang usaha konkrit untuk membantu mereka.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan pegawai-pegawai wanita itu adalah bread-winners, dengan izin, keluarganya atau orang tunggal yang mendapat pendapatan untuk menanggung keluarganya. Dan adakah Yang Berhormat bercadang menimbangkan untuk memberi gratuity atau pinjaman kepada mereka untuk membantu mereka menjadi peniaga, kalau mereka tidak dapat pekerjaan lain dengan Kerajaan? Terima kasih.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar tentang perkara ini, tetapi untuk melanjutkan tauliah mereka ini bergantung kepada kesesuaian jawatan. Jadi, dasar Kementerian khususnya TLDM Lumut, memandangkan keadaan pekerjaan dan juga anggota Tentera Laut ini, maka keperluan untuk pegawai wanita ini semakin lama semakin berkurangan. Walau bagaimanapun, di mana yang sesuai dan boleh, kita akan sedaya upaya mencari jalan supaya anggota ini dapat disambung tauliahnya seperti jawapan saya yang asal.

Bagi mereka yang telah menamatkan tauliah mereka, iaitu sehingga ini kita ada 14 orang, sedaya-upaya Kementerian akan membantu memberi latihan

belia akan turut memasuki persatuan belia yang sedia wujud.

Kementerian juga telah memperkenalkan konsep Program Induk Belia Negara (PIBN) yang bertujuan untuk perancangan dan pelaksanaan program belia secara lebih sistematik dan teratur. Program-program ini akan melibatkan para belia yang bukan-berorganisasi dan secara tidak langsung akan dapat menarik lebih ramai belia untuk turut menyertai program-program dan seterusnya menyertai persatuan belia.

Seterusnya, Kementerian juga sedang melaksanakan dengan aktif di bawah Program Malaysia Patriotik, iaitu salah satu daripada program PIBN, untuk memperkukuhkan organisasi dan pemimpin belia melalui latihan-latihan kepimpinan bagi mewujudkan pemimpin yang lebih berkesan. Adalah diharapkan dengan kepimpinan yang lebih berkesan ini, organisasi belia dapat ditadbirkan dengan lebih cekap dan efektif supaya benar-benar dapat mengisi aspirasi untuk menjadikan mereka sebagai "advertisement" yang boleh menarik lebih ramai belia untuk menjadi ahli persatuan.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa Kementerian memang mempunyai banyak program-program untuk belia. Jadi, masalahnya sama ada program-program itu dapat dijalankan keseluruhannya di peringkat daerah? Itu satu.

Yang kedua, saya ingin memberitahu bahawa pada masa ini di setiap daerah hanya diletakkan seorang pegawai belia yang terpaksa mengendalikannya ber-

puluh ribu belia. Jadi, saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian memikirkan bahawa seorang itu sudah mencukupi atau Kementerian bercadang untuk menambahkan dan meng-upgradakan lagi, dengan izin, kedudukan pegawai belia dan sukan di peringkat daerah?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan tambahan yang pertama, program induk negara yang saya nyatakan tadi 10 kesemuanya tidak semestinya dijalankan dengan serentak. Ia boleh dijalankan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan juga priority.

Menjawab soalan yang kedua mengenai kedudukan pegawai-pegawai kami di peringkat daerah, kita sedar memang tidak cukup ketika ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telahpun berunding dengan pihak JPA untuk menambahkan lagi kakitangan di peringkat Kementerian dan juga di peringkat daerah dan bukan sahaja kita hendak menambahkan tetapi juga hendak menaikkan taraf mereka ke gred yang lebih sesuai. Pada masa ini, Kementerian telahpun mewujudkan Konsep Belia Pelopor yang bertujuan untuk menolong pegawai belia di peringkat daerah untuk menjayakan program-program yang saya sebutkan tadi.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah membentuk jiwa mulia pada para belia kita. Apakah ada satu rancangan oleh Kementerian untuk mewujudkan usahawan-usahawan dari kalangan muda di kalangan belia ini? Apakah program-program yang patut dibuat dalam urusan belia yang selama ini nampaknya bidang belia berniaga ini telah diberhentikan? Apakah perlu ditambah peruntukan dan sebagainya yang boleh melibatkan belia-belia kita dalam bidang perusahaan dan sebagainya?

Dato' Ismail bin Said: Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak memberhentikan program belia berniaga. Yang sebenarnya kita memberhentikan tabung persatuan usahawan muda. Kita telahpun memulakan tabung usahawan belia yang sedang berjalan sekarang dan kita telahpun memberi peruntukan yang khusus dan memang kita teruskan dengan program ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mencari jalan bagaimana untuk mempertingkatkan mutu penyertaan belia kita dalam bidang perniagaan. Misalnya, kita mengadakan kursus-kursus perniagaan dan juga kursus-kursus cara hendak mengurus satu perniagaan dengan lebih berkesan lagi di masa-masa yang akan datang.

PUSAT RAWATAN PESAKIT JIWA

3. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pesakit-pesakit jiwa yang menjalani rawatan di Pusat-pusat Rawatan Pesakit Jiwa di Tampoi, Johor dan Tanjung Rambutan, Perak, dan bilangan pesakit jiwa yang sudah menjalani rawatan bagi tempoh tiga tahun lepas;
- (b) adakah kajian dibuat berhubung dengan punca-punca yang menyebabkan terjadinya pesakit tersebut; dan
- (c) berapakah bilangan pesakit jiwa yang dilaporkan kepada Kementerian berpunca dari Skim Cepat Kaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hospital Permai, Tampoi, Johor telah merawat 3,061 pesakit

dalam tahun 1990. Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak pula telah merawat 5,386 pesakit pada tahun yang sama. Untuk 3 tahun yang sebelumnya, iaitu dari tahun 1987 hingga 1989, sebanyak 23,488 pesakit telah mendapat rawatan di kedua-dua hospital ini.

- (b) Belum ada lagi kajian khusus dibuat bagi mengenal punca-punca yang menyebabkan terjadinya pesakit jiwa di Malaysia. Namun demikian, bagi setiap pesakit yang dirawat, pakar-pakar psikiatrik telah mengesan punca pesakit mereka demi untuk menentukan bahawa rawatan yang diberi bersesuaian dengan pesakit yang dihadapi.
- (c) Kementerian Kesihatan tidak ada menerima laporan berkenaan dengan pesakit jiwa yang disebabkan daripada Skim Cepat Kaya.

KEMAS—KONSEP KAMPUNG HALACARA BARU

4. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) dimanakah kampung-kampung halacara baru yang kita dengari;
- (b) berapakah pegawai-pegawai KEMAS semuanya di seluruh negara dan berapa orang pula yang sudah dilantik bagi tahun 1991 ini; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang supaya pegawai KEMAS ini diletak di bawah skim pencen.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ke hari ini

sebanyak 28 buah projek telah dipilih untuk dibangunkan di bawah konsep halacara baru di seluruh negara. Bilangan projek-projek mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perlis	3 buah
Kedah	4 buah
Pulau Pinang	2 buah
Perak	4 buah
Selangor	3 buah
Negeri Sembilan	3 buah
Melaka	2 buah
Johor	4 buah
Kelantan	4 buah
Terengganu	3 buah
Sabah	3 buah
Sarawak	1 buah
Pahang	2 buah

Jumlah	38 buah

- (b) Bilangan pegawai KEMAS di seluruh negara ialah seramai 12,596 orang. Mereka terdiri daripada 285 orang berjawatan tetap dan berpencen, 798 orang berjawatan kontrak dan 11,513 orang berjawatan sementara. Daripada jumlah ini, seramai 127 orang dilantik dalam tahun 1991, iaitu 14 orang berjawatan tetap, 5 orang berjawatan kontrak dan 108 orang berjawatan sementara.
- (c) Buat masa kini, Kementerian tidak bercadang untuk meletakkan mereka yang berjawatan kontrak dan sementara ke dalam Skim Jawatan Tetap dan Berpencen.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubungan dengan jawapan perkara (a) tadi, apakah kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian untuk menetapkan sesebuah kampung yang akan dijadikan tumpuan untuk projek halacara baru.

Berhubung dengan perkara (b), soalan tambahan yang kedua, apakah tugas-tugas sebenarnya pegawai KEMAS dan siapakah yang melantik mereka? Kalau Kerajaan yang melantik mereka, mengapa pula pegawai-pegawai KEMAS ini sebilangan besarnya menjalankan tugas untuk kepentingan parti UMNO?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang digunakan untuk mewujudkan kaedah halacara baru ini ialah kampung-kampung tradisional yang dikirakan sebagai berpotensi untuk dibangunkan; bagi memungkinkan Kerajaan mempermudah mengadakan infrastruktur ke kampung-kampung tradisional berkenaan bagi membantu masyarakat yang terlibat di kampung-kampung tradisional ini yang kedudukannya berselerak supaya mudah untuk meningkatkan kegiatan sosio-ekonomi mereka bagi mengeluarkan mereka dari cengkaman kemiskinan.

Yang kedua, KEMAS dilantik oleh Kerajaan. Peranan dan tugas KEMAS adalah jelas iaitu untuk membangunkan masyarakat. Dakwaan bahawa anggota KEMAS adalah bekerja hanya untuk UMNO adalah merupakan sebagai satu dakwaan yang tidak benar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kewujudan KEMAS ini untuk membangunkan masyarakat dan negara serta memberi peluang pekerjaan, jadi adakah Kerajaan bercadang untuk menambah lagi bilangan yang sedia ada daripada 12,596 yang telah dijelaskan tadi, di samping kemungkinan dipertimbangkan kenaikan gajinya?

Soalan yang kedua, apakah Kerajaan bercadang supaya bagi penyelia-penyelia KEMAS iaitu ketua KEMAS di peringkat kawasan atau jajahan diwujudkan dasar pertukaran di antara satu sama lain, bukan jauh maksudnya,

supaya mereka tidak lama berada di satu tempat terutamanya bagi peringkat ketua kawasan supaya mereka sentiasa mempunyai cabaran baru, inovasi, kreativiti dan sebagainya bagi memenuhi tanggungjawab mereka sebagai agen kepada perubahan masyarakat.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota KEMAS buat masa ini adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa membuat penelitian dan kajian dari satu masa ke satu masa. Seandainya keperluan anggota KEMAS ini di semua peringkat harus ditambah, maka penambahan mereka ini akan dibuat mengikut keperluan. Dari segi kenaikan gaji ataupun imbuhan, ini juga merupakan sebagai perhatian kepada Kerajaan untuk memberikan sebarang pertimbangan mengikut persesuaian masa dan keadaan.

Bagi soalan kedua, masalah sama ada kemungkinan ditukar; pertukaran antara jajahan ini juga merupakan sebagai perkara yang sentiasa menjadi perhatian kepada Kerajaan dan kiranya keperluan untuk pertukaran bagi memungkinkan pegawai-pegawai KEMAS ini mendapat pendedahan, ianya juga akan sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan.

MAKANAN HALAL/HARAM DI HOTEL/RESTORAN

5. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil ke atas hotel/restoran kelas mewah yang mencampuradukkan makanan halal dan haram; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar dengan "cheap sale" yang dibuat oleh gedung-gedung membeli belah tidak mengikut peraturan; jika ya, apakah langkah dan tindakan yang diambil.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975, ianya tidak mewajibkan seseorang peniaga itu menggunakan tanda halal atau apa-apa perbahasan seumpamanya. Mereka juga tidak dikehendaki mendapatkan sijil halal terlebih dahulu jika ingin menggunakan perbahasan sedemikian. Walau bagaimanapun, jika perbahasan tersebut digunakan, ianya hendaklah menepati kehendak-kehendak peruntukan undang-undang ini, iaitu makanan yang disediakan hendaklah dari jenis halal dan boleh dimakan oleh orang-orang Islam.

Pemeriksaan ke atas hotel/restoran sentiasa dibuat oleh Kementerian dengan kerjasama pegawai-pegawai daripada Jabatan Agama Islam bagi menentukan peruntukan undang-undang berhubung dengan perbahasan halal dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat. Pemeriksaan dibuat tanpa mengira sama ada tempat tersebut tergolong di bawah kategori hotel/restoran kelas mewah atau sebaliknya. Jika terdapat kesalahan dilakukan oleh mana-mana pihak, maka Kementerian tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Mengenai soalan kedua, para peniaga yang mengadakan jualan murah dikehendaki mengikut prosedur di bawah Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987. Prosedur-prosedur ini termasuklah mengemukakan notis kepada Kementerian dengan menyatakan tempoh masa jualan murah tersebut dan butir-butir barang-barang yang akan ditawarkan. Dengan mengemukakan notis ini, Kementerian dapat menjalankan pemeriksaan bagi menentukan tidak ada penyelewengan berlaku khusus dari segi harga lama dan harga yang ditawarkan semasa jualan murah. Dalam usaha untuk menentukan supaya proses jualan

murah ini berjalan mengikut lunas-lunas undang-undang yang diwujudkan, Kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas gedung-gedung perniagaan yang menawarkan jualan murah kepada orang awam. Di sepanjang tempoh penguatkuasaan peraturan ini, iaitu sejak 1-1-1988 hingga 30-6-1991, sebanyak 33,052 notis untuk mengadakan jualan murah telah diterima. Daripada jumlah ini sebanyak 16,149 pemeriksaan telah dibuat dan Kementerian telah mengambil tindakan ke atas 503 kes penyelewengan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah cara-cara penyiataan atau pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk mengenalpasti kesalahan-kesalahan tersebut?

Yang kedua, apakah hukuman yang dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan?

Tuan Yang di-Pertua: Tersebut di mana—ada dua soalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kedua-dua perkara.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua sekali?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai Kementerian bersama-sama dengan pegawai Jabatan Agama iaitu pemeriksaan biasa supaya makanan itu tidak dicampuradukkan dan sebagainya. Hukuman yang akan dikenakan pula adalah bergantung kepada berat atau ringannya kesalahan tersebut.

DEMAM DENGGI DI ITM— KAWALAN

6. Puan Hajah Rakibah binti Abdul Manap minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa beberapa orang penuntut ITM di Shah Alam telah mengidap penyakit demam denggi dan demam kepialu hingga ada yang membawa maut, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi untuk mencegah dan mengawal penyakit denggi dan penyakit demam kepialu (typhoid) adalah berlainan. Langkah-langkah pencegahan dan pengawalan untuk penyakit denggi yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah berikut:

- (1) melakukan kajian Aedes secara menyeluruh di tempat tinggal penuntut dan kakitangan serta kawasan persekitaran ITM supaya dapat menentukan sejauhmana perkembangan penyakit tersebut;
- (2) menghapuskan punca pembiakan di semua tempat yang mungkin menjadi tempat membiak nyamuk Aedes dengan kerjasama dari pihak Majlis Perbandaran Shah Alam dan ITM;
- (3) kes-kes denggi yang telah dikesan diasingkan dan diberi rawatan segera supaya tidak berlaku perebakan penyakit tersebut;
- (4) menjalankan pengesanan awal kes (early case detection) ke atas semua penuntut di institusi tersebut;
- (5) semburan pengasapan diambil dengan serta-merta di kawasan yang mana kes denggi dilaporkan atau disyaki;

- (6) beberapa sesi pendidikan kesihatan telah diberikan kepada penuntut dan kakitangan ITM bagi memberi pengetahuan mengenai gejala-gejala demam denggi, cara jangkitannya dan cara pencegahan penyakit tersebut. Nasihat bagi mendapatkan rawatan awal juga ditekankan; dan
- (7) aktiviti pendidikan kesihatan seterusnya diadakan dengan penglibatan secara langsung oleh pihak pengurusan ITM ke atas penuntut dan kakitangan mereka.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan kejadian kes penyakit typhoid tidak berulang lagi di institusi tersebut adalah seperti berikut:

- (1) pihak ITM telah dinasihatkan supaya sentiasa mengawasi dengan kerap dan teliti keadaan kebersihan premis makanan di institusi tersebut. Perhatian pihak institut telah diambil dari segi keperluan mengadakan peralatan yang sesuai, tahap kebersihan pengendali makanan yang memuaskan, cara-cara pengendalian makanan yang dapat mengelakkan pencemaran serta penyimpanan makanan yang selamat. Imunisasi terhadap penyakit typhoid telah juga diberi kepada pengendali makanan.
- (2) memberi pelajaran kesihatan secara nasihat dan tunjuk ajar kepada pihak pengurusan premis makanan dan pengendali makanan di ITM.
- (3) mencadangkan pihak akademik ITM dari Fakulti Teknologi Makanan, Mikrobiologi dan Pengurusan Hotel memberi ceramah dan khidmat nasihat kepada pelajar dan kakitangan serta pengendali makanan di ITM tentang kebersihan makanan.

- (4) mencadangkan satu unit kesihatan ditubuhkan di ITM bagi membolehkan ITM menjalankan aktiviti pencegahan di samping curative, bersesuaian dengan jumlah populasi yang sebesar satu kawasan operasi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan dengan terlalu panjang lebar mengenai ITM dan saya rasa sebilangan besarnya adalah tindakan-tindakan yang reactive dan bukan pro-active.

Jadi, dalam kes denggi ini, saya ingin bertanya dengan Kementerian Kesihatan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebenarnya ada satu tindakan yang berterusan di mana kawasan-kawasan yang memang dikenalpasti sebagai kawasan yang rendah seperti di tempat saya di Yong Peng dan di Parit Sulong baru-baru ini ada seorang anak pengundi telah meninggal kerana demam denggi. Oleh kerana tidak ada satu pengawasan yang dijalankan secara berterusan, bila ada denggi baru hendak buat kempen kebersihan dan sebagainya.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengenalpasti sesuatu tempat itu memang susah. Oleh sebab itu Kementerian Kesihatan mengadakan secara umum pendidikan untuk menghapuskan gejala demam denggi.

GURU TERLATIH— KEKURANGAN

7. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa pengajaran di sekolah menengah dan sekolah rendah telah terjejas kerana kekurangan guru yang berlatih;
- (b) bilangan kekurangan guru di—
- (i) Sekolah Menengah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan;

- (ii) Sekolah Rendah Kebangsaan;
- (iii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) dan (T);
- (c) mengapa Kementerian Pendidikan tidak dapat melatih guru yang cukup untuk pengajaran di semua sekolah; dan
- (d) apa langkah yang telah diambil untuk mengatasi keadaan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya sedar bahawa terdapat kekurangan guru terlatih di sekolah menengah dan rendah. Kekurangan guru terlatih ini tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana kekosongan ini telahpun diisi dengan guru-guru sandaran tanpa latihan. Guru-guru sandaran yang dipilih telah mengikuti kursus pendedahan teknik pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah dan pihak sekolah. Ini adalah untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Untuk soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, bilangan kekurangan guru di sekolah-sekolah menengah dan rendah pada tahun 1991 adalah seperti berikut:

<i>Jenis Sekolah</i>	<i>Bilangan</i>
Sekolah Menengah Kebangsaan/Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan	2,833
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C)	3,818
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T)	1,735
Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendah Kebangsaan	6,939

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak dapat melatih guru-guru dengan secukupnya di maktab-maktab perguruan oleh kerana beberapa sebab. Satunya, proses melatih guru di maktab-maktab perguruan memerlukan masa selama dua setengah tahun dan juga sukar mendapat calon-calon yang berpotensi bagi kursus-kursus tertentu.

Ketiganya, keperluan guru meningkat secara mendadak oleh kerana memenuhi perjawatan guru media, guru pemulihan dan guru pendidikan khas; dan juga keupayaan dan kemudahan di maktab-maktab perguruan kita pada masa kini adalah terhad. Jadi, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah kekurangan guru adalah:

- (i) dalam Rancangan Malaysia Keenam kita akan membina 6 buah maktab perguruan baru dalam kita menambahkan keupayaan kita untuk melatih guru-guru;
- (ii) kita meningkatkan bilangan pengambilan guru-guru pelatih dalam tahun-tahun akan datang, iaitu kita mengambil 40,000 guru terlatih dalam Rancangan Malaysia Kelima dan kita akan meningkatkan kepada 62,900 dalam Rancangan Malaysia Keenam;
- (iii) melaksanakan juga program-program latihan seperti program kembar dengan universiti luar dan dalam negeri. Adalah dijangkakan 3,240 guru akan dapat dilatih dalam Rancangan Malaysia Keenam melalui program kembar dalam negeri ini;
- (iv) di peringkat perguruan yang berijazah, kita meneruskan kursus Perguruan Lepas Ijazah bagi menambahkan bilangan guru siswazah untuk menampung

keperluan di sekolah menengah. Kursus-kursus KPLI ini telah diperluaskan dari 3 jenis kursus kepada 11 jenis kursus; dan akhirnya;

- (v) meneruskan usaha kita dalam pengambilan guru-guru sandaran untuk mengisi kekurangan guru-guru terlatih.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Berapakah bilangan guru sandaran yang telah diadakan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) sekarang dan berapa tahunkah mereka hendak menjadi guru sandaran sebelum mereka dipilih untuk latihan? Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tanyalah, jangan kata apa sebabnya.

Dr Tan Seng Giaw: Memang kita memerlukan pra-kata dahulu, kerana saya takut dia tidak faham. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah. Yang Berhormat, sila jawab.

Dr Tan Seng Giaw: . . . dan mengapa tiap-tiap tahun, entah berapa kali saya dan rakan-rakan saya di sini membangkitkan perkara mengenai kekurangan guru, termasuk guru Bahasa Malaysia, tetapi langkah yang berkesan tidak diambil. Apakah sebabnya?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama, jumlah guru sandaran, saya tidak ada data seperti itu untuk di peringkat sekolah-sekolah seperti yang disebutkan tadi. Kalau perlu saya boleh berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Keperluan untuk latihan guru sandaran atau pengambilan baru guru terlatih di peringkat maktab-maktab perguruan kita adalah berasaskan kepada keupayaan mereka dan juga kepada kriteria-kriteria untuk pengambilan guru dalam mata-mata pelajaran yang mereka pohon.

Kedua, dalam soalan itu juga Yang Berhormat telah bertanya bahawa berapa lama sebelum mereka ini diambil. Mereka ini akan diambil bila dirasa mereka ada tempat dan kelayakan mereka itu telah dipastikan.

Untuk soalan yang ketiga tadi, iaitu mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Kekurangan guru-guru.

Dr Leo Michael Toyad: . . . kekurangan guru-guru, ini memang wujud sejak beberapa tahun yang lalu dan pada masa sekarang pun masih wujud kerana keperluan guru ini adalah bukan semata-mata kita melatih guru untuk mengisi jawatan kosong, tetapi juga kita perlu menghadapi pertambahan enrolment di sekolah-sekolah dan juga keperluan tambahan bilik-bilik darjah di negara kita dalam mata-mata pelajaran yang juga bertambah dan kurikulum yang kita telah bangukan pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa saya balik ke Sarawak dahulu, banyak rungutan yang mengatakan bahawa sekolah-sekolah di luar bandar banyak menerima guru-guru yang baru tamat latihan. Jadi, sebagaimana yang Menteri katakan tadi, guru-guru ini belum tamat latihan, sampai di peringkat satu tahun setengah selepas latihan itu habis di maktab.

Soalan saya, berapa ramai guru-guru yang telah ditugaskan di luar bandar itu ditukar ke bandar-bandar dan penghijrahan guru yang telah terlatih secara field training di luar bandar

ditukar ke bandar dan berapa ramaikah guru-guru yang sama dihantar ke Sarawak, selepas tiga tahun dan dihantar balik ke Semenanjung?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memohon maaf dari Yang Berhormat, tadi saya nyatakan bahawa latihan adalah dua tahun setengah di Maktab Perguruan, bukan satu tahun setengah.

Keduanya, soalan-soalan yang lain adalah begitu teliti, Tuan Yang di-Pertua, dan saya tidak dapat menjawab di sini tanpa data-data yang tertentu.

Untuk soalan yang terakhir iaitu berapakah guru yang dipindahkan balik ke Semenanjung atau dihantar ke Sarawak—itu adalah di antara 300 dalam setahun, di mana mereka telah menjalankan tugas selama tidak kurang dari 3 tahun di negeri Sarawak atau di negeri Sabah.

KEKURANGAN TELEFON DI LUAR BANDAR

8. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimana seriusnya masalah kekurangan telefon terutamanya di kampung-kampung luar bandar dan kawasan taman perumahan baru di seluruh Malaysia. Juga menyatakan langkah-langkah yang dirancangkan untuk mengatasi masalah tersebut.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab soalan saya yang kelapan, saya minta perkataan “tanah” itu di baris ketiga dibetulkan kepada perkataan “taman”.

Tuan Yang di-Pertua: Taman.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari bahawa perlunya rangkaian

telekomunikasi sebagai alat pembangunan dan kemajuan penduduk khususnya luar bandar. Di atas kesedaran ini, Kerajaan telah memasukkan peruntukan dalam syarat pelesenan kepada Telekom Malaysia supaya bertanggungjawab dalam menyediakan rangkaian telekomunikasi ke kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan itu, sukacita juga dimaklumkan, Telekom Malaysia telah memperuntukkan sebanyak \$1.72 bilion untuk pembangunan telekomunikasi bagi kawasan luar bandar dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan sejumlah 14,149 buah telefon awam luar bandar akan dipasang dalam tempoh yang sama. Dengan pelaksanaan rancangan di atas dan peruntukan yang begitu besar, pihak Kementerian berkeyakinan permintaan dan keperluan telekomunikasi di kawasan luar bandar dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada perubahan sedikit tadi daripada “kawasan tanah perumahan baru” yang saya anggapkan sebagai “kawasan kampung tersusun” kepada “taman perumahan” maka itulah sebabnya jawapan saya tidak tepat kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawabannya tertumpu kepada kawasan luar bandar. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa sebab banyak skim-skim perumahan dalam bandar yang telah siap dan sijil layak menduduki telahpun dikeluarkan selama 3 tahun, tetapi sehingga hari ini perkhidmatan telefon masih tidak ada. Apa sebabnya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa yang lalu apabila skim-skim perumahan hendak dilaksanakan oleh pemaju, mereka tidak memasukkan

ataupun tidak memaklumkan kepada Jabatan Telekom pada masa itu ataupun Telekom Malaysia pada masa ini, yang kawasan-kawasan ini akan dibangunkan dengan perumahan. Oleh yang demikian, apabila perumahan telah siap maka barulah penghuni-penghuni tadi memanjangkan permohonan kepada Telekom Malaysia untuk rumah mereka dimasukkan dengan telefon. Buat masa-masa yang akan datang, Telekom Malaysia akan meminta Kerajaan-kerajaan Tempatan memasukkan sebagai salah satu syarat iaitu penyambungan telefon ke kawasan-kawasan perumahan sebagai salah satu syarat untuk kelulusan permohonan mereka kepada Majlis-majlis Daerah. Dengan cara ini, apabila perumahan ataupun kawasan perumahan ini hendak dibangunkan, Telekom Malaysia sedar pada masa yang tersebut bahawa perumahan ini akan siap dalam masa dua atau tiga tahun yang akan datang.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita mendengar banyak telefon-telefon baru telah dipasangkan di luar bandar. Kita mengucapkan ribuan terima kasih. Tetapi apa yang telah difahamkan bahawa telefon-telefon baru yang dipasang ini adalah telefon satu hala. Dia hanya boleh membuat panggilan sahaja tetapi tidak boleh menerima panggilan.

Pertama, adakah ini benar dan yang kedua, apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan kualiti telefon ini supaya orang kampung ini, orang luar bandar boleh juga menggunakan telefon ini untuk kegunaan industri, untuk kegunaan perniagaan yang mana mereka juga perlu menerima panggilan telefon bukan sekadar membuat panggilan sahaja.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan telefon untuk kawasan luar bandar, Kerajaan akan

cuba sedaya upaya untuk memberikan telefon yang mana penduduk luar bandar juga boleh membuat panggilan ke kawasan luar daripada tempat tinggal mereka dan pada masa ini kita mempunyai dua, tiga cara untuk membangunkan telefon awam di kawasan luar bandar. Telefon awam yang ada di bandar boleh dibangunkan di luar bandar tetapi ada kawasan-kawasan yang kita tidak mempunyai saluran, maka kita bangunkan dengan cara ATUR dan kita juga mempunyai cara yang terbaru supaya kawasan-kawasan seperti kalau di Pahang, Ulu Tembeling dan sebagainya, boleh kita salurkan dengan telefon awam ini iaitu dengan cara yang terbaru yang mana kebanyakan daripada alat-alat ini akan sampai pada penghujung tahun. Insya Allah, kawasan-kawasan di Pahang akan dapat kita bekalkan dengan telefon ini pada awal tahun hadapan.

**TABUNG PEMULIHAN RUMAH
TERBENGKALAI**

9. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang telah digunakan dalam Tabung Pemulihan Perumahan Terbangkalai; dan
- (b) berapakah bilangan projek dan unit rumah yang telah mendapat faedah dari tabung tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun 1991, jumlah peruntukan yang dikeluarkan daripada Tabung Projek Perumahan Terbangkalai ialah sebanyak \$17,539,358 manakala jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak \$234,641,000.

Soalan (b), bilangan projek yang telah diluluskan bantuan di bawah skim itu

ialah sebanyak 73 buah yang melibatkan 17,689 unit rumah kediaman dan 846 unit rumah kedai.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, apakah benar kerana terjadinya perumahan-perumahan yang terbengkalai kerana syarikat-syarikat yang membuat perumahan itu kekurangan modal?

Yang kedua, Kerajaan mengeluarkan \$234 juta peruntukan untuk membantu pemulihan perumahan terbengkalai. Kenapakah Kerajaan sendiri tidak membuat perumahan, paling kurangnya kepada 800,000 pegawai-pegawai Kerajaan? Kenapa Kerajaan sendiri tidak membuat perumahan ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kurang modal adalah di antara masalah yang menyebabkan projek-projek perumahan terbengkalai. Walaupun begitu, ada juga senarai yang panjang yang menyebabkan projek-projek terbengkalai seperti projek itu tidak ada daya maju, pengurusan kewangan yang lemah, pengurusan projek yang lemah, pemasaran yang lemah, pungutan wang pendapatan yang lemah, anggaran kos yang tidak betul dan seterusnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai masalah yang wujud. Ada yang mungkin satu daripadanya dan mungkin ada di antara beberapa dalam satu-satu projek.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, mengapa Kerajaan tidak buat untuk kepentingan kakitangannya, adalah pendekatan yang kebelakangan ini di mana pihak Kerajaan lebih rela untuk pihak swasta membangunkannya berdasarkan kepada kemampuan yang sewajarnya wujud di kalangan sektor swasta itu sendiri. Walaupun begitu, Kerajaan memudahkan kakitangan Kerajaan mendapatkan rumah masing-masing berdasarkan

kepada kemudahan-kemudahan pinjaman yang diberikan oleh pihak Kerajaan secara langsung ataupun melalui kemudahan yang ada pada EPF dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa melalui cara demikian matlamat kakitangan Kerajaan mendapatkan rumah agak lebih mudah melalui pendekatan yang saya sebutkan tadi.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut bahawa sehingga hari ini 73 skim perumahan yang dapat dipulihkan melalui Tabung ini. Saya ingin tahu berapakah jumlah skim-skim yang tidak dapat dipulihkan dan apakah sebab-sebabnya yang skim-skim ini tidak dapat dipulihkan.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagi skim-skim yang tak dapat dipulihkan apakah tindakan atau bantuan Kerajaan kepada pembeli-pembeli perumahan tersebut, khususnya kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang mendapat pinjaman perumahan Kerajaan yang tidak dapat menduduki rumah yang terbengkalai tetapi kena membayar balik ansuran pinjaman kepada Kerajaan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, permohonan kesemuanya sekali adalah sebanyak 211. Yang diluluskan seperti saya katakan tadi 73. 45 dianggap tidak layak kerana tidak memenuhi syarat-syarat seperti tidak melibatkan rumah kediaman, ada lagi ikatan di antara pemaju dengan pembeli dan mungkin rumah itu belum lagi dimulakan pembinaannya dan tidak terbengkalai begitu lama, di antara sebab mengapa tidak layak. 15 masih lagi ditangguhkan pertimbangannya. 3 ditolak terus dan 7 lagi ditarik balik. Jadi yang baki masih lagi dalam pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai masalah yang dihadapi oleh pemohon-pemohon kemudahan pinjaman Kerajaan di mana mereka sudahpun mendapat pinjaman tersebut dan ada di antaranya sudah membayar, terpaksa menanggung beban yang lebih kerana rumah yang mereka jangkakan menerimanya terbengkalai.

Ada beberapa kemudahan dan pilihan yang diberikan oleh Kerajaan pada hari ini untuk mereka iaitu:

Pertama, jika sekiranya projek perumahan agak terbengkalai 30% daripada kerja-kerjanya maka kakitangan Kerajaan yang berkenaan diberikan kemudahan untuk menggunakan baki pinjaman itu untuk membeli rumah yang lain dan juga kemudahan untuk gadaian kedua supaya mencukupkan ongkos membeli rumah yang baru.

Pilihan kedua ialah jika sekiranya rumah itu hampir-hampir hendak siap, tinggal 20%, maka pihak Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan menganjurkan supaya peminjam-peminjam kemudahan pinjaman perumahan itu untuk mewujudkan satu jawatankuasa kerja mereka di mana Kementerian Kewangan akan membantu mereka untuk menyelesaikan pembinaan projek tersebut.

Opsyen ketiga ialah jika sekiranya peminjam tadi enggan meneruskan pembelian rumah tersebut maka dia ada pilihan untuk membayar apa juga pinjaman yang telahpun dibayar, kemudian itu diberi kemudahan untuk menggunakan baki yang diperuntukkan olehnya untuk membeli rumah pada masa-masa yang akan datang.

Dan opsiyen yang ketiga, jika sekiranya mereka

Tuan Yang di-Pertua: Yang keempat! (*Ketawa*)

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Maaf, yang keempat. Pilihan yang keempat ialah orang yang mendapat pinjaman tadi dia membayar balik apa yang telah dibayar oleh pihak Bahagian Pinjaman Perumahan, kemudian dia mendapat 100% kemudahan pinjaman pada masa-masa yang akan datang.

Itu adalah dengan tujuan untuk meringankan beban kakitangan Kerajaan yang telah mendapat kemudahan pinjaman.

PENGUSAHA BOT LAUT DALAM

10. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah tujuan Kementerian mensyaratkan Pengusaha Bot Laut Dalam mengisi Borang Keluar/Masuk dan mengisi Buku Log operasi menangkap ikan (Log Book For Fishing Operation); dan
- (b) mengapakah ada pengusaha bot yang telah dikompaun kerana tidak mengisi Borang Keluar/Masuk dan Buku Log, tetapi ada Syarikat Perikanan Laut Dalam yang juga tidak mengisi Borang Keluar/Masuk dan Buku Log tetapi tidak diambil apa-apa tindakan oleh pihak Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tujuan mengadakan buku log ialah untuk membolehkan Kementerian Pertanian memperoleh data yang tepat dan kemaskini agar langkah-langkah berikut dapat dilaksanakan:
 - (i) pengawalseliaan sumber perikanan di laut dalam;

- (ii) mendapat maklumat mengenai kos dan pulangan operasi bot laut dalam;
- (iii) mengetahui kawasan operasi bot laut dalam; dan
- (iv) untuk panduan kepada pengurusan dan perancangan perikanan laut dalam.

Mengenai borang keluar masuk pengkalan, ianya bertujuan seperti berikut:

- (i) Dari borang keluar masuk pengkalan, pergerakan dan lokasi setiap bot laut dalam di perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia akan dapat diawasi dan dikesan dari masa ke semasa. Oleh itu sekiranya berlaku kes kecemasan di laut, bantuan segera boleh diberi oleh agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan;
- (ii) Setiap tenaga kerja terutamanya yang melibatkan nelayan-nelayan asing yang digunakan di atas bot akan dapat diawasi dan dikaji; dan
- (iii) Membantu Kementerian Pertanian membanteras kegiatan pencerobohan bot-bot asing di perairan ZEE Malaysia. Pengusaha bot boleh mencatatkan lokasi dan kegiatan bot-bot asing yang dilihat semasa di laut di dalam borang berkenaan untuk tindakan agensi-agensi penguatkuasaan berkenaan.

(b) Setiap bot laut dalam yang dilesenkan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan tiada pengecualian diberikan kepada mana-mana pihak pun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan kepada soalan (b). Oleh kerana menjadi perbualan umum di kalangan nelayan dan kalangan pegawai bahawa bot kepunyaan syarikat K & I dan syarikat yang seperti itu kadang-kadang mengisikan borang itu kemudian daripada masa yang sepatutnya, pada hal nelayan sekiranya berlaku kelambatan mereka akan diambil tindakan. Adakah di sana suatu keistimewaan yang diberi kepada bot-bot kepunyaan syarikat K & I?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyatakan bahawa tidak ada keistimewaan yang diberikan kepada mana-mana pihak. Semua bot-bot yang dilesenkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pertanian.

PULAU PANGKOR—PEMBINAAN PADANG TERBANG

11. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada perlu sebuah lapangan terbang dibina di Pulau Pangkor memandangkan lapangan terbang terdekat dengan Pulau Pangkor yang berada di Sitiawan itu hanya 10 km darinya. Berapakah kos pembinaan Lapangan Terbang Pulau Pangkor itu dan bilakah ia akan dimulakan kerjanya dan bilakah projek itu dijangka akan disiapkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan padang terbang di Pulau Pangkor telah dimulakan di atas permintaan pihak Kerajaan Negeri

Perak. Dengan pembinaan padang terbang di Pulau Pangkor, Kerajaan Negeri berharap industri pelancongan di kawasan ini akan dapat dipertingkatkan lagi.

Kementerian ini memang sedar terdapatnya sebuah lagi padang terbang di Sitiawan. Dalam hal ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah lagi lapangan terbang baru sedang dibina untuk menggantikan padang terbang yang sedia ada di Sitiawan dan apabila lapangan terbang baru ini siap kelak, padang terbang Sitiawan yang sedia ada akan ditutup. Lapangan terbang yang baru yang dibina di Sitiawan lebih merupakan projek bagi memenuhi keperluan operasi pesawat lebih besar dari pesawat jenis "Twin Otter". Projek lapangan terbang ini apabila siap kelak adalah untuk kegunaan pihak tentera dan awam.

Projek pembinaan padang terbang di Pulau Pangkor telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak \$6 juta. Pembinaan padang terbang ini telahpun dimulakan pada pertengahan tahun 1991 dan dijadual disiapkan pada bulan Mei 1992.

Tuan Foo Piew Kok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan lokasi kedua-dua lapangan terbang itu sangat dekat dan selat di antara Semenanjung dan pulau itu sangat sempit juga, sama ada Kerajaan akan menimbang membinakan sebuah jambatan menyeberang selat itu, sebaliknya membina sebuah lapangan terbang di Pulau Pangkor.

Soalan yang kedua, apakah bezanya kos pembinaan lapangan terbang di Pulau Pangkor dan pembinaan sebuah jambatan di Pulau Pangkor menyeberangi selat itu?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi bahawa tujuan membina lapangan terbang di Pulau Pangkor ialah untuk pelancongan atas permintaan Kerajaan Negeri Perak. Mengenai jambatan, kita tidak ada cadangan untuk

membina jambatan, jadi kosnya tak adalah saya tahu kerana kita tidak ada cadangan sama sekali, tak dapatlah saya memberikan perbezaan kos membina lapangan terbang dan juga membina jambatan. Memang lokasinya dekat tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa landasan terbang di Pulau Pangkor itu panjangnya hanya 2,600 kaki dan lebarnya 100 kaki sahaja dan ia tidak mengambil seluruh pulau.

Projek pembinaan lapangan terbang Sitiawan sebenarnya sudah pun 20% siap sekarang ini, jadi jambatan tidak akan dibina.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan landasan terbang itu tidak besar dan di sini saya ingin bertanya apakah dari segi membantu pelancongan di Pulau Pangkor di mana hotel-hotel yang besar itu ada dua buah yang boleh memuatkan seramai 400 orang, apakah kegunaan kalau landasan terbang itu dibina secara kecil?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, maksud kecil tadi itu bukanlah kecil tidak boleh langsung digunakan oleh kapal-terbang—boleh turun Twin Otter iaitu panjangnya 2,600 kaki dan lebar 100 kaki—tidak mengambil seluruh Pulau, saya kata tadi.

Jadi, tujuannya ialah untuk meningkatkan pelancongan. Itulah maksudnya.

KEMALANGAN DI PERSIMPANGAN TAMAN CUEPACS, KUALA LUMPUR

12. **Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapa kemalangan telah berlaku di persimpangan Taman CUEPACS dan Batu 8 Jalan Cheras dalam masa 5 tahun yang lepas; dan

(b) bilakah Kerajaan akan mendirikan lampu isyarat di persimpangan tersebut untuk menyelesaikan masalah yang membahaya ini, dan di samping itu juga menyelesaikan kesesakan Lalulintas di jalan masuk ke Taman CUEPACS dan lain-lain estet perumahan di dalamnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, butir-butir kemalangan serius yang berlaku di persimpangan Taman CUEPACS dan Batu 8 Jalan Cheras dalam tempoh 5 tahun, iaitu tahun 1986 hingga 1990 adalah seperti berikut:

Kemalangan kematian	6
Kemalangan cedera parah	12
Kemalangan cedera ringan	37

Yang lain-lain itu adalah kemalangan kecil.

Daripada 6 kemalangan kematian itu, 3 berlaku pada tahun 1986, 2 pada tahun 1987, satu dalam tahun 1988 dan tiada apa-apa berlaku dalam tahun 1989 dan tahun 1990.

Daripada 12 kemalangan cedera parah, 6 berlaku dalam tahun 1986, satu pada tahun 1987, tiada kemalangan dalam tahun 1988, satu dalam tahun 1989 dan 4 pada tahun 1990.

Daripada 37 kemalangan cedera ringan itu, 3 berlaku pada tahun 1986, 4 pada tahun 1987, 13 dalam tahun 1988, 12 dalam tahun 1989 dan 5 dalam tahun 1990.

Untuk menjawab soalan (b), setakat ini Kementerian ini tiada perancangan untuk mendirikan lampu isyarat di persimpangan tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mempertimbangkan persimpangan ini menjadi persimpangan lampu isyarat setelah kajian untuk projek ini dilaksanakan. Sekianlah sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan berapa kemalangan yang disebabkan atas kecuaiian manusia dan berapa atas kecuaiian Jabatan yang berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Jabatan yang berkenaan itu Jabatan apa?

Tuan Lau Dak Kee: Jabatan berkenaan—Jabatan Pengangkutan ataupun . . .

Tuan Yang di-Pertua: Kerja Raya?

Tuan Lau Dak Kee: . . . Kerja Raya dan Bandaraya yang berkenaan (*Disampuk*) yang ada terlibat atas kemalangan itu. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab ya.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian yang dibuat oleh Kementerian kita, kebanyakan kemalangan ini berlaku daripada kecuaiian pemandu.

Seorang Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 59 adalah diberi di bawah ini.*)

(*Soalan No. 13. Sila lihat jawapan No. 24 pada 15-7-91*)

TV DI DAERAH BELAGA— MEMPERLUASKAN

14. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) sama ada Kementerian Penerangan bercadang memperluas-kan penerima TV di Daerah Belaga;

- (b) sama ada Kementerian bercadang memperluaskan TV Dua (Channel Two) ke Daerah Belaga; dan
- (c) sama ada terdapat rancangan untuk memperluaskan TV Tiga ke kawasan yang belum dapat menikmati "channel" tersebut di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):

- (a) Kementerian Penerangan memang bercadang untuk memperluaskan penerimaan TV di Daerah Belaga. Buat masa ini dalam Rancangan Malaysia Keenam tiada sebarang kewangan diperuntukkan untuk memperluaskan penerimaan TV di Daerah Belaga. Namun Kementerian ini akan meneruskan usaha untuk memperolehi peruntukan yang diperlukan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ke 6 dikaji semula pada pertengahan rancangan. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kos bagi membuat liputan dari TV I ke Daerah Belaga dengan mengadakan satu peralatan TVRO yang mampu menerima "signal" secara terus dari satellite Palapa adalah hampir \$1 juta. Ini adalah satu kos yang sangat tinggi bagi penyiaran satu rangkaian bagi kawasan hanya dalam jarak 3 km.
- (b) Buat masa ini Daerah Belaga hanya boleh menerima siaran TV1 melalui TVRO yang saya sebutkan tadi. Bagi penyiaran RTM TV2 ianya memerlukan satu sistem TVRO yang lebih besar. Ini adalah kerana program TV2 adalah dibawa melalui satelit intelsat bukan satelit Palapa ke Sabah dan Sarawak.
- (c) Bagi TV3, Kementerian Penerangan tidak mempunyai kuasa untuk memaksa stesyen tersebut

membangunkan atau memajukan penyiaran bagi penerimaan kawasan seperti Daerah Belaga. Namun Kementerian ini akan memaklumkan kepada TV3 di atas hasrat negeri Sarawak keseluruhannya untuk menerima Penyiaran TV3.

LANDASAN KAPALTERBANG BANDAR SRI AMAN

15. Tuan Jawan Anak Gerang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) alasan Kerajaan membina landasan kapalterbang di Bandar Sri Aman, Sarawak;
- (b) bilangan pendaratan oleh MAS setahun di landasan tersebut; dan
- (c) sama ada landasan tersebut masih mampu memberi perkhidmatannya kepada orang ramai.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Memang terdapat sebuah landasan kapalterbang di Bandar Sri Aman, Sarawak. Walau bagaimanapun, landasan ini telahpun ditutup dan pada masa ini tidak ada penerbangan berjadual yang beroperasi ke landasan terbang ini. Sekiranya landasan berkenaan perlu digunakan semula, kerja-kerja pembaikan perlulah dijalankan.

KARGO KOKO DAN LADA

16. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil langkah tertentu untuk menstabilkan harga koko dan lada selain daripada menarik balik cukai eksport.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Harga koko dan lada seperti barangan utama lain adalah tertakluk kepada keadaan bekalan dan

permintaan pasaran dunia. Memandangkan Malaysia merupakan salah satu daripada beberapa pengeluar lada hitam dan koko, sebarang usaha untuk menstabilkan harga memerlukan kerjasama dari pihak pengeluar dan pengguna dua komoditi ini.

Bagi lada, pihak Kerajaan ketika ini tidak ada rancangan untuk mengadakan skim menstabilkan harga lada hitam seperti stok penimbal. Sebarang skim penstabilan harga seperti ini memerlukan penglibatan negara-negara pengeluar yang lain dan juga negara-negara pengguna untuk mencapai kejayaan memandangkan eksport lada hitam negara ini hanya merupakan 20% dari jumlah eksport dunia.

Ketika ini Malaysia menjadi ahli Pertubuhan Lada oleh Antarabangsa (IPC) yang disertai negara-negara pengeluar utama lada dunia iaitu India, Indonesia dan Brazil. Pihak IPC telah menimbang beberapa cadangan untuk menstabilkan harga lada seperti harga eksport minima, penyimpanan stok secara sukarela dan kawalan pengeluaran lada oleh negara-negara ahli. Setakat ini hanya skim harga eksport minima telah dilaksanakan secara longgar tanpa sebarang ikatan perjanjian dan kerana itu tidak begitu berkesan.

Bagi koko pula, usaha untuk menstabilkan harga koko diuruskan di bawah Perjanjian Koko Antarabangsa yang sedia ada. Perjanjian ini yang disertai oleh negara-negara pengeluar dan pengguna koko mengandungi peruntukan stok penimbal. Walau bagaimanapun, sejak September 1990, Perjanjian ini tidak dapat melaksanakan tujuan objektifnya kerana kehabisan sumber kewangan untuk menyokong harga. Di samping itu lebihan stok koko di pasaran dunia masih berada di peringkat yang tinggi iaitu sebanyak 1.347 juta tan pada penghujung tahun 1990.

Malaysia tidak menyertai Perjanjian Koko Antarabangsa kerana negara ini berpendapat bahawa masalah harga koko yang rendah yang dialami ketika ini tidak dapat diatasi oleh Perjanjian Koko Antarabangsa dalam bentuk yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Malaysia masih yakin bahawa masalah harga koko yang rendah boleh diatasi dengan kerjasama dari kedua-dua pihak negara-negara pengeluar dan pengguna koko. Oleh yang demikian, Malaysia sebagai permulaan telah memohon untuk menyertai Pertubuhan Cocoa Producers Alliance yang dianggotai oleh kebanyakan negara-negara pengeluar koko. Dengan penglibatan kita dalam pertubuhan ini, Malaysia akan berusaha untuk mengemukakan cadangan supaya Perjanjian Koko Antarabangsa yang sedia ada diganti dengan perjanjian yang mampu berfungsi dengan secara lebih berkesan.

DRAMA TAMIL TERBITAN TEMPATAN

17. Tuan G. Palanivel minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah RTM memberhentikan tayangan drama-drama Tamil yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit tempatan, tetapi mengubah sikap dengan membeli drama-drama yang diterbitkan di India. Adakah penting untuk menggalakkan pengeluaran drama-drama tempatan. Jika ianya mengenai persoalan tidak mudah mendapatkan penaja, tidak bolehkah RTM menyalurkan sebahagian dari keuntungan yang diperolehi dari lain-lain rancangan, untuk tujuan ini.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: RTM memberhentikan penyiaran drama Tamil terbitan tempatan kerana tidak mendatangkan hasil dari penayangannya. Hasil purata dari tayangan drama swasta Tamil adalah sebanyak ± \$500.00 setiap episod, manakala kos rancangan adalah diantara \$37,000.00 hingga \$40,000.00.

Persoalan subsidi tidak timbul kerana perbezaan perbelanjaan dan pendapatan adalah sangat ketara.

Sungguhpun demikian RTM tetap menyangkan rancangan-rancangan Tamil sama ada berbentuk filem ataupun drama pada hari-hari perayaan kaum India demi menghormati rakyat keturunan India dalam negara ini.

Oleh kerana penyiaran rancangan-rancangan RTM dalam bahasa Malaysia adalah program-program yang dicipta berasaskan kepada semua kaum dan semua rakyat negara ini, saya suka menyeru kepada masyarakat Malaysia keturunan India supaya menggunakan kesempatan penyiaran rancangan yang disebutkan itu. Rancangan-rancangan ini disediakan dengan bahasa yang sangat mudah dan mampu difahami oleh seluruh lapisan masyarakat Malaysia dan matlamatnya adalah untuk membolehkan rakyat negara ini menikmati siaran-siaran yang boleh membawa perpaduan yang lebih erat kepada masyarakat majmuk negara ini.

ANGGOTA TENTERA YANG BERHENTI

18. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pertahanan menyatakan bagaimanakah kedudukan dalam masyarakat 600,000 orang bekas askar kita yang telah bersara ataupun berhenti dari perkhidmatan tentera negara kita. Adakah benar kebanyakan mereka sedang menghadapi masalah untuk mendapat pekerjaan dalam industri swasta dan juga permit, lesen dan sepertinya dari Kerajaan. Jika benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Bilangan anggota yang berhenti dalam masa 10 tahun yang lalu (1980-1990) adalah seramai 51,956 orang. Daripada jumlah tersebut seramai

5,267 orang telah berkhidmat semula dalam perkhidmatan Kerajaan sama ada di dalam sektor Kerajaan atau badan-badan berkanun. Pihak Kementerian tidak mempunyai rekod mengenai bilangan bekas tentera yang memasuki perkhidmatan swasta. Walau bagaimanapun, setakat ini tidak ada masalah bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor tersebut. Dari semasa ke semasa pihak Kementerian menerima tawaran kerja untuk bekas tentera dengan agensi Kerajaan dan swasta. Bekas tentera yang berkelayakan yang berdaftar dengan Kementerian ini telah dicalonkan kepada agensi berkenaan. Sebagai contoh, dalam tahun 1990 sahaja, seramai 3,169 orang bekas tentera telah dicalon untuk mendapat kerja di sektor awam dan seramai 3,313 orang di sektor swasta. Oleh sebab bilangan mereka yang berjaya tidak dilaporkan ke Kementerian ini oleh agensi dan bekas tentera berkenaan, maka maklumat yang tepat tidak dapat diberikan.

Mengenai permohonan mendapatkan lesen dan permit pula, pihak Kementerian sentiasa membantu bekas tentera untuk mendapatkan lesen-lesen perniagaan dan pengangkutan. Daripada tahun 1986 hingga 1990 sebanyak 995 permohonan lesen pengangkutan dan 1654 lesen perniagaan telah diterima daripada bekas tentera dan permohonan mereka telah disokong serta dimajukan kepada pihak-pihak berkenaan. Seperti juga halnya dengan pekerjaan, maklumat mengenai jumlah mereka yang berjaya tidak dapat diperolehi daripada pihak-pihak yang menimbang dan meluluskan permohonan.

Untuk mengurangkan masalah bekas tentera khususnya bagi mendapatkan pekerjaan dan peluang-peluang perniagaan, pihak Kementerian saya melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit menyediakan kursus-kursus yang berguna seperti motivasi, keusahawanan, ketukangan, penter-

nakan, memproses makanan dan lain-lain. Di antara tahun 1980 hingga 1991 seramai 36,031 orang bekas tentera telah diberi latihan dalam bidang-bidang ini.

Selain daripada itu, pihak Kementerian mulai dari peringkat 16 Mei, 1991 telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan dan Kebajikan Bekas Perajurit Pusat yang dianggotai oleh Wakil Pelbagai Kerajaan Negeri dan Wakil Kementerian bagi menyelesaikan masalah bekas perajurit di peringkat pusat dan negeri-negeri.

PEMBEDAHAN KE ATAS PESAKIT

19. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian sedar yang doktor-doktor di hospital seringkali mempamerkan keghairahan untuk membedah pesakit tanpa membuat penyelidikan atau pemeriksaan yang terperinci.

Dato' K. Kumaran: Pembedahan ke atas pesakit merupakan satu prosedur yang rumit dan memerlukan penyiasatan yang rapi serta teliti. Keputusan untuk menjalankan pembedahan dibuat apabila keperluannya benar-benar telah dipastikan. Doktor-doktor telah dilatih untuk membuat diagnosis penyakit dengan tepat melalui pemeriksaan ke atas pesakit termasuk ujian-ujian makmal, sebelum sesuatu rawatan diberi.

PENGHUTANAN DAN PENGHUTANAN SEMULA

20. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah perancangan Kementerian mengenai penghutanan (afforestation) dan penghutanan semula (reafforestation) terutama sekali dalam konteks dasar Kerajaan menyekat eksport balak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Kerajaan memberi perhatian yang utama ke atas usaha-usaha penghutanan dan penghutanan semula terutama sekali di kawasan Hutan Simpanan Kekal yang produktif yang telah dibalok dan kawasan hutan yang termusnah. Malah penghutanan dan penghutanan semula merupakan sebahagian dari amalan pengurusan hutan di Malaysia.

Antara rancangan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan ke arah penghutanan dan penghutanan semula Hutan Simpanan Kekal yang telah dibalok dan kawasan hutan yang termusnah ialah melalui rawatan silvikultur, tanaman mengaya, penanaman ladang hutan dan pemulihan hutan.

Di Semenanjung Malaysia, Hutan Simpanan Kekal yang produktif yang telah dibalok dipulih melalui dua teknik iaitu pemulihan hutan secara rawat silvikultur dan tanaman mengaya. Teknik rawatan silvikultur dapat memulih tumbuhan yang sedia ada supaya terus membesar, manakala teknik tanaman mengaya akan menambah spesies serta pokok hutan di kawasan di mana pokok-pokok telah dibalok. Rancangan penghutanan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak melalui projek ladang hutan. Spesies utama yang ditanam ialah Akasia (acacia mangium). Kelulusan kawasan penanaman hutan ialah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	39,000 hektar
Sabah	60,000 hektar
Sarawak	7,865 hektar

Kementerian juga sedang mengkaji penanaman spesies getah untuk digunakan sebagai kayu bagi memenuhi keperluan perusahaan perabot. Tujuan utama rancangan penanaman hutan ialah untuk menambahkan bekalan kayu bagi menampung pemrintaan dalam dan luar

negeri. Di samping itu secara tidak langsung tekanan ke atas Hutan Simpanan Kekal untuk mendapatkan kayu dapat dikurang di mana-mana yang akan datang.

Satu lagi rancangan yang diberi perhatian oleh Kerajaan ialah pemulihan hutan yang termusnah akibat tanaman pindah terutamanya di Sabah dan Sarawak. Kerajaan melalui Jabatan Perhutanan Negeri menjalankan aktiviti pemulihan hutan secara penghutan semula kawasan hutan yang terjejas dengan tanaman pindah melalui tanaman mengaya supaya kawasan tersebut dapat kembali kepada keadaan asalnya.

Pada keseluruhannya, perancangan Kerajaan mengenai penghutan dan penghutan semula telah dapat membantu negara di dalam menambah bekalan kayu bagi menampung permintaan dalam negeri.

KEMUDAHAN REKREASI DAN RIADAH

21. Tuan Ibrahim Mustapa minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bahawa ramai belia di desa-desa atau bandar masih kekurangan tempat untuk melakukan kegiatan rekreasi dan riadah; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah keperluan tempat rekreasi dan bersukan ini.

Dato' Ismail bin Said:

- (a) Kementerian Belia dan Sukan memang menyedari bahawa ramai belia-belie di desa dan di bandar mengalami masalah kekurangan tempat kemudahan rekreasi dan riadah. Hal ini berlaku kesan dari perkembangan kegiatan sukan dan rekreasi, pertambahan jumlah penduduk dan kekurangan tanah lapang terutamanya di kawasan bandar.

(b) Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini seperti berikut:

(1) Jangka Pendek:

- (i) Membina dan menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan sukan seperti gelanggang badminton, bolatampar, sepaktakraw, tenis, padang bola sepak, padang hoki dan padang bola jaring sesuai dengan keperluan setempat dengan diasaskan kepada taraf hidup, pendapatan dan taraf pendidikan bagi sesuatu kawasan penduduk.
- (ii) Membina dan melengkapkan peralatan Gimnasium Rakyat di seluruh negara. Setakat ini 26 buah telah dan akan diwujudkan bagi memenuhi permintaan belia-belie di desa ataupun di bandar bagi maksud rekreasi dan kecergasan.
- (iii) Mengutamakan jenis-jenis kemudahan sukan yang dapat memberi peluang kepada lebih ramai masyarakat mengambil bahagian.
- (iv) Persatuan-persatuan sukan rekreasi dan kecergasan juga sedang berusaha menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi setiap jenis sukan di seluruh negara sebagai usaha pembangunan jenis sukan itu sendiri.

- (v) Mengadakan pendekatan pelaksanaan aktiviti dengan menggunakan tempat rekreasi yang sedia ada. Antara aktiviti berikutan yang begitu menarik-minat para belia ialah Kem Tunas Nasional, pengembaraan, ekspedisi, basikal, ekspedisi bermotosikal dan laluan muhibbah.
- (2) Jangka Panjang:
- (i) Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha membina, melengkapkan dan membaikpulih kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Antara yang akan diberi perhatian termasuklah membina dan membaikpulih kemudahan-kemudahan sukan di bawah Rancangan Kemudahan Sukan Bandar-bandar Kecil seluruh negara, membina stadium baru di Perlis, meneruskan pembinaan Komplek Sukan Negara, Komplek Sukan Negeri Sembilan, Komplek Sukan Air Keroh Melaka, membaikpulih Komplek Sukan Labuan, meningkatkan taraf Komplek Belia dan Sukan Negeri, Pusat Sukan Kuala Lumpur, Perbadanan Stadium Merdeka, Stadium Larkin Johor dan Stadium Darul Aman, Kedah.
- (ii) Menyediakan satu rangka tindakan dua puluh tahun (Blue Print) berkenaan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi untuk semua lapisan komuniti selepas berunding dengan agensi-agensi yang berkenaan dan juga persatuan sukan.
- (iii) Menyelaras perancangan dan pengagihan kemudahan-kemudahan utama sukan seluruh negara bagi mencapai satu pengagihan kemudahan-kemudahan yang lebih seimbang di kawasan bandar dan luar bandar.
- (iv) Kementerian Belia dan Sukan akan menentukan piawaian-piawaian dan spesifikasi-spesifikasi mengenai kemudahan-kemudahan sukan dalam Pelan-pelan Pembangunan Bandar-bandar Baru, Pembangunan Desa dan Tataatur Perumahan. Umpamanya, dicadangkan bagi setiap seribu orang penduduk, tiga ekar mesti diperuntukkan untuk kawasan lapang dan rekreasi.
- (v) Menggalakkan pihak swasta membina kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi di seluruh negara.

ANGKATAN TENTERA— PENGAMBILAN REKRUT

22. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk menyemak semula syarat kelulusan minima bagi pengambilan rekrut-rekrut Angkatan Tentera dinaikkan kepada kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia; dan
- (b) bilakah semakan ke atas keseluruhan sekim perkhidmatan Angkatan Tentera boleh dibuat sejajar dengan perkembangan dan peranan perkhidmatan tentera masa ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Seperti yang telah diumumkan melalui akhbar baru-baru ini, Kementerian Pertahanan telahpun mengambil keputusan untuk meningkatkan syarat kelulusan minima bagi pengambilan rekrut-rekrut Angkatan Tentera kepada kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini adalah perlu memandangkan perkembangan teknologi dan kompleksiti pertahanan pada masa kini. Perkara ini malahan telahpun secara tidak rasmi dipraktikkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia sejak beberapa tahun di kebelakangan ini kerana kecanggihan peralatan yang terdapat di dalam kedua-dua perkhidmatan tersebut. Sesuai dengan keputusan di atas, Kementerian Pertahanan juga bercadang untuk meningkatkan syarat kelulusan minima bagi pengambilan Pegawai Kadet kepada Diploma dan Ijazah.

- (b) Bagi menjawab soalan Yang Berhormat yang kedua, sukacita saya memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan untuk menyemak semula peraturan-peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan serta skim gaji dan elaun Angkatan Tentera untuk dimajukan kepada Kerajaan. Jawatankuasa ini dijangka akan dapat menyiapkan semakan dan laporannya sebelum akhir bulan Julai ini.

(Soalan No. 23. Sila lihat jawapan No. 44 pada 19-6-91)

KOMPLEKS KEWANGAN MALAYSIA BERHAD— KERUGIAN TERKUMPUL

24. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada tindakan undang-undang jenayah atau disiplin telah pun diambil terhadap sesiapa kerana kerugian terkumpul sebanyak \$100 juta yang dialami oleh Kompleks Kewangan Malaysia Bhd. (KKMB) sehingga akhir tahun kewangan 1988 dan jenis dan hasil operasi penyelamat yang diambil.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada tindakan undang-undang jenayah atau disiplin yang telah diambil terhadap sesiapa atas kerugian terkumpul yang dialami oleh Kompleks Kewangan Malaysia Berhad (KKMB). Kerugian tersebut adalah merupakan kerugian biasa yang berlaku dalam urusan perniagaan Syarikat disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dan juga oleh beberapa kelemahan yang terdapat dalam pengurusan KKMB. Dengan lain perkataan, kerugian tersebut bukanlah akibat daripada perbuatan jenayah oleh sesiapa dalam KKMB dan dengan demikian keperluan untuk mengambil tindakan undang-undang jenayah adalah tidak timbul.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya bahawa Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan MARA adalah merupakan pemegang saham terbesar KKMB. PNB sebagai pemegang saham terbesar KKMB (72.9%) telah menjalankan beberapa langkah penyusunan semula yang komprehensif semenjak tahun 1989 dalam pengurusan dan struktur modal syarikat bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangan serta memperkemas urusan perniagaan syarikat. Langkah-langkah yang dijalankan oleh PNB ini adalah dibiayai oleh sumber-sumbernya sendiri tanpa melibatkan apa-apa peruntukan kewangan dari pihak Kerajaan.

Berdasarkan kepada langkah-langkah pemulihan yang telah dan akan dilaksanakan serta prospek ekonomi yang baik, KKMB dijangka dapat memperbaiki prestasinya di tahun-tahun akan datang.

MINYAK MENTAH MALAYSIA— JUALAN

25. Tuan Michael Asang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah jualan minyak Malaysia bagi enam bulan pertama tahun 1990 dan tahun 1991; dan
- (b) jumlah perbandingan keuntungan dari jualan minyak Malaysia bagi tempoh enam bulan pertama 1990 dan tahun 1991.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Jumlah jualan minyak mentah Malaysia bagi 6 bulan pertama 1990 ialah sebanyak 70.7 juta tong. Bagi tempoh yang sama dalam tahun 1991 jumlah jualan minyak mentah adalah sebanyak 74.4 juta tong.

Jumlah pendapatan daripada jualan minyak mentah Malaysia bagi tempoh enam bulan pertama bagi 1990 adalah sebanyak \$3,600 juta berbanding dengan

\$4,200 juta bagi tahun 1991 yang merupakan pertambahan sebanyak \$600 juta.

BELAJAR KE CHINA

26. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Kementerian beliau melarang penuntut-penuntut kita ke Negeri China belajar, dan apakah pendirian Kementerianya atas perkara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini merupakan perkara baru dan memerlukan kajian yang teliti mengenainya terutamanya dari Kementerian Dalam Negeri.

PERUMAHAN TERBENGKALAI

27. Dr T. Marimuthu minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) Berapa projek perumahan yang terbengkalai dan berapa projek yang telah dipulih semula;
- (b) Apakah rancangan Kerajaan untuk memulihkan projek-projek lain yang masih terbengkalai; dan
- (c) Adakah Kerajaan bercadang meminta kerjasama bank-bank dan institusi kewangan lain supaya tidak dikenakan faedah ke atas peminjam-peminjam yang rumah mereka terbengkalai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):

- (a) Sehingga 31hb Disember 1990, Kementerian ini telah dapat mengenalpasti sebanyak 381 projek perumahan swasta yang terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam masa yang sama pihak Kementerian telah dapat memulihkan sebanyak 104 projek.

(b) Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk memulihkan projek-projek lain yang masih terbengkalai. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

(i) Menyediakan bantuan kewangan melalui tabung projek perumahan terbengkalai dan tabung pemulihan usahawan.

(ii) Meneruskan usaha rundingan antara semua pihak yang terlibat untuk mendapatkan kerjasama dan tolok ansur di kalangan mereka iaitu pihak pembeli, pemaju dan institusi kewangan.

(c) Masalah projek perumahan terbengkalai adalah rumit dan melibatkan banyak pihak. Kerjasama dari semua pihak yang terlibat adalah sangat-sangat diperlukan bagi sama-sama menyumbangkan peranan masing-masing untuk pemulihan projek perumahan yang terbengkalai. Kerjasama daripada pihak bank dan institusi kewangan lain untuk tidak mengenakan faedah ke atas peminjam-peminjam yang berkenaan adalah merupakan salah satu bentuk kerjasama yang boleh diberikan dalam usaha pemulihan projek dan ianya sangat-sangat dialu-alukan. Inilah salah satu perkara yang memang dibawa ke dalam usaha perundingan oleh Kementerian ini.

PENJANAAN KUASA HIDRO

28. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

(a) strategi dan perancangan penjanaaan kuasa negara;

(b) pecahan penjanaaan atau "generation mix" yang disasarkan untuk jangka panjang bagi negara;

(c) adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan perlaksanaan penjanaaan kuasa hidro dan apakah projek-projek hidro yang akan dilaksanakan dalam dekad 1990an dan adakah ini termasuk lokasi dalam negeri Pahang;

(d) adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menggunakan tenaga nuklear untuk menjanakuasa;

(e) apakah paras kerugian kuasa dalam sistem penghantaran dan agihan Tenaga Nasional Berhad dan bagaimanakah keadaannya secara perbandingan dengan negara-negara maju; dan

(f) apakah pula usaha-usaha Tenaga Nasional Berhad untuk mengurangkan kerugian kuasa (system losses).

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, strategi perkembangan sistem penjanaaan kuasa adalah berasaskan kepada empat bahanapi iaitu hidro, gas, arang batu dan minyak, dengan objektif untuk mengurangkan penggunaan minyak dan memaksimumkan penggunaan sumber yang terdapat di negara ini seperti hidro, gas dan arang batu. Jenis-jenis loji juga dipilih dengan sebegitu cara supaya wujud "fuel switching capability" dan mengelakkan keadaan terlalu bergantung kepada sesuatu jenis bahanapi. Pemilihan kombinasi akan berasaskan kepada "least cost development option".

- (b) Pecahan penjanaan atau "generation mix" yang didasarkan sehingga tahun 1995 berbanding dengan tahun 1990 adalah seperti berikut:

Jenis Penjanaan	1990		1995	
	GWH	%	GWH	%
Hidro	6548.0	28.9	4878.2	14.34
Gas	4574.5	20.2	25984.0	76.38
Minyak	9100.7	40.2	1466.5	4.31
Arang Batu	2398.9	10.6	1691.0	4.97
Jumlah	22622.1	100.0	34019.7	100.0

- (c) Kerajaan sentiasa mengkaji kemungkinan pelaksanaan penjanaan kuasa hidro dan akan meningkatkan pelaksanaan di kawasan-kawasan yang sesuai. Projek-projek hidro yang sedang dalam pelaksanaan dalam dekad 1990an ialah:

Sungai Piah (Perak)
 Pemulihan Stesen Chenderoh (Perak)
 Pergau (Kelantan)
 Sungai Medamit (Sarawak)
 Sungai Kota (Sarawak)
 Sungai Kejin (Sarawak)
 Sungai Pasir (Sarawak)
 Melawa (Sabah)

Projek-projek yang mungkin dilaksanakan selepas projek-projek tersebut termasuklah:

Nenggiri (Kelantan)
 Liwagu (Sabah)
 Karambunai (Sabah)
 Pelus (Perak), dan
 Jelai (Pahang).

- (d) Untuk makluman Yang Berhormat, tenaga nuklear tidak termasuk di dalam dasar kegunaan empat bahanapi

negara. Namun begitu, dalam jangka panjang, penggunaan tenaga nuklear mungkin tidak dapat dielakkan.

- (e) Paras kerugian kuasa dalam sistem penghantaran dan pembahagian Tenaga Nasional Berhad ialah 12.48% pada tahun 1987/88 dan menurun kepada 11.21% pada tahun 1989/90. Paras kerugian kuasa di negara-negara maju seperti Jepun, Korea dan Taiwan ialah di antara 6%-9%.

- (f) Tenaga Nasional Berhad telah mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan kerugian tenaga (system loss). Langkah-langkah tersebut termasuklah:

(i) Mengurangkan sistem penghantaran 66KV di Kinta Valley (Perak) dan Johor/Negeri Sembilan dan menaikkan tarafnya ke 132KV menjelang 1995;

(ii) Memasang "power factor correction capacitors" bagi sistem pembahagian (agihan) terutama dalam kawasan Selangor/Wilayah Persekutuan dan di Kinta Valley (Perak), Prai/Pulau Pinang dan Kedah Selatan sebanyak 600 MVARs menjelang tahun 1995 supaya "power factor" untuk beban kelompok (group demand) tidak kurang dari 0.92; dan

(iii) Merancang penggunaan paras voltan lebih tinggi (seperti 500KV) untuk sistem penghantaran masa depan.

PERUMAHAN KOPERASI RAKYAT DIAMBILALIH

29. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapa projek perumahan Koperasi Rakyat Sdn. Bhd. di Taman Rakyat, Kuala Lumpur masih belum dilaksanakan sejak Bank Negara mengambilalih sejak tahun 1986;
- (b) mengapa pembeli-pembeli rumah di projek perumahan di Taman Rakyat tidak diberitahu tentang perkembangan bagi projek ini; dan
- (c) bilakah projek perumahan Taman Rakyat ini akan siap.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar projek perumahan Koperasi Rakyat Sdn. Bhd. diambilalih oleh Bank Negara Malaysia. Projek itu sebenarnya merupakan sebuah projek yang dijalankan oleh seorang ahli Koperasi Rakyat Sdn. Bhd., yang telah mendapat pinjaman daripada koperasi ini untuk membiayai projek tersebut. Tetapi projek ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kegagalan pihak pemajunya mendapatkan kelulusan sewajarnya daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Perkembangan projek ini tidak diberitahu kepada pihak pembeli-pembeli rumah kerana perbincangan-perbincangan di antara penerima (dengan izin, Receiver) Koperasi Rakyat, pemaju asal dan pemaju yang akan mengambilalih projek mengambil masa yang lama untuk mencapai persetujuan yang sewajarnya. Hanya pada bulan Mac 1991 ini pihak Penerima telah berjaya merundingkan satu perjanjian penyelesaian dengan pihak-pihak yang terlibat.

Mengenai pertanyaan berhubung dengan tarikh projek itu boleh disiapkan,

dukacita dimaklumkan bahawa saya tidak dapat menyatakannya kerana ianya bergantung kepada pihak pemaju perumahan berkenaan.

AIR DI MELAKA—KRISIS

30. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan kepada Negeri Melaka untuk menghadapi krisis kekurangan air dan berapa banyak yang telah disalur keluar;
- (b) mengapa projek memasang paip dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal masih belum dilaksanakan dan berikan butir-butir lanjut seperti kos projek, aspek kewangan, siapa kontraktor dan yang diuruskan projek ini serta sama ada tender terbuka diadakan; dan
- (c) sama ada pihak Kementerian bersetuju dengan laporan jawatankuasa penyiasatan ke dalam kekeringan Empangan Durian Tunggal bahawa kesilapan dua orang jurutera menyebabkan krisis ini berlaku dan Y.A.B. Ketua Menteri Melaka sebagai Pengerusi Lembaga Air Melaka tidak bertanggungjawab langsung.

Tuan Kerk Choo Ting:

- (a) Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan bagi mengatasi krisis kekurangan air di Melaka dalam 3 bentuk. Yang pertama ialah sebanyak \$8 juta untuk kerja-kerja kecemasan khas untuk membantu rakyat mendapat bekalan air. Kerja-kerja ini adalah kerja-kerja sertamerta seperti penggalian perigi dan mengepam air daripada sungai-sungai kecil dan tasik-tasik berdekatan dan juga untuk

penyewaan tangki bagi mengagihkan air kepada pengguna-pengguna.

Bentuk yang kedua meliputi pembinaan satu "bundled storage" untuk jangka masa pendek. Projek ini berharga lebih kurang \$35 juta dan Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak \$25 juta untuk perlaksanaannya. Bundled storage ini adalah bagi menampung air sungai lebih akibat hujan sebelum ianya dipam ke Durian Tunggal. Kerja pembinaan telah pun mula pada bulan April dan dijangka siap pada hujung tahun ini. Projek ini telah pun dilaksanakan secara turnkey oleh konsortium terdiri daripada ENERGOPROJEK (M) SDN. BHD./MMC Gas Sdn. Bhd./Angkasa—GHD Engineers Sdn. Bhd. Consortium.

Untuk memastikan keadaan krisis bekalan air di negeri Melaka tidak berulang lagi, maka Kerajaan Persekutuan juga meluluskan projek jangkamasa panjang iaitu penyaluran air dari Sg. Muar di Johor ke negeri Melaka.

- (b) Projek penyaluran air daripada Sungai Muar perlu dilaksanakan dengan segera, maka ianya akan dilaksanakan secara turnkey dan dijadualkan dalam masa kurang daripada 24 bulan untuk siap. Jika projek ini dilaksanakan secara konvensional, maka ia akan siap dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun.

Buat sekarang ini Kerajaan masih berunding dengan satu konsortium untuk menjalankan projek ini secara "Turnkey" supaya ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang sesingkatnya. Perbincangan ini akan diuruskan dengan segera dan

dijadualkan ianya dapat diselesaikan supaya pelaksanaan projek ini dapat dimulakan pada penghujung bulan Julai atau awal Ogos 1991.

Kerajaan Persekutuan akan membantu Kerajaan negeri Melaka dalam melaksanakan pembinaan projek ini dengan mengadakan peruntukan serta menguruskan perlaksanaannya.

- (c) Mengenai laporan Jawatankuasa Penyiasat ke atas kekeringan Empangan Durian Tunggal, ianya telah dilaporkan secara umum dalam akhbar tempatan bulan Mac yang lalu (21hb Mac, 1991). Terpujanglah kepada pendirian masing-masing membuat tafsiran terhadapnya. Apa yang pentingnya ianya menjadi suatu pengajaran (lesson) bagi kita pada masa hadapan.

KUMAN TAUN DI SUNGAI KELANTAN

31. Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sila jelaskan keadaan kuman-kuman taun di Sungai Kelantan yang disebutkan oleh beliau baru-baru ini. Adakah ia dalam keadaan terkawal atau dalam peringkat bahaya;
- (b) apakah punca-punca sungai itu sentiasa terdedah dengan kuman taun. Adakah kuman yang ada sekarang dari jenis yang sama dengan masa lalu. Dari kuman jenis apa; dan
- (c) bila maklumat tentang kuman itu dihebohkan, adakah ia bertujuan untuk berjaga-jaga atau bertujuan politik bagi menakutkan orang berkunjung ke Kelantan.

**Timbalan Menteri Kesihatan
(Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):**

- (a) Pada ketika itu, semasa Menteri Kesihatan membuat kenyataan, terdapat kuman taun di Sungai Kelantan. Walau bagaimanapun, dengan langkah-langkah kawalan yang diambil oleh pihak Jabatan Kesihatan dan penduduk-penduduk, contoh air yang diambil di beberapa tempat di Sungai Kelantan menunjukkan tiada mengandungi kuman pada masa kini, kecuali jika ia dicemari semula oleh kuman taun.
- (b) Punca-punca sungai itu sentiasa terdedah dengan kuman taun adalah disebabkan oleh penggunaan sungai sebagai tempat pembuangan najis, air limbah dan juga pembuangan sampah sarap di dalamnya oleh penduduk-penduduk yang tinggal di sepanjang tebing sungai tersebut. Jika najis-najis berkenaan mengandungi kuman taun maka sungai itu akan tercemar. Kuman yang ada ketika itu di negeri Kelantan adalah vibrio cholera El Tor jenis Ogawa yang berbeza sedikit dengan kuman yang menyebabkan taun pada masa lalu iaitu jenis Inaba. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis kuman taun ini yang terdapat di negara kita menyebabkan gejala-gejala dan tanda yang sama sahaja.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat tentang kuman taun itu dihebohkan adalah supaya orang awam berjaga-jaga tentang bahayanya apabila sungai itu telah dicemari oleh kuman taun dan langkah-langkah tertentu boleh diambil bagi mencegah dari infeksi dan membendung penyakit itu dari merebak. Oleh yang demikian, orang awam telah dan perlu

diberitahu mengenai langkah-langkah yang sedang dan diambil oleh pihak tertentu untuk mengawal dan mencegah daripada perebakan berlaku.

**KEMPEN MEMBURUK-
BURUKKAN MALAYSIA**

32. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Australia terlibat dalam Kempen memburuk-burukkan Malaysia di sana; dan
- (b) apakah pula tindakan Kerajaan Malaysia untuk meniadakan kebenaran Kempen memburuk-burukkan Malaysia di Australia.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi jawapan yang sama kepada soalan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong pada 20hb Jun, 1991. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

**PENDUDUK PULAU KETAM—
DAKWAAN**

33. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri ke atas sebahagian penduduk Pulau Ketam keturunan Cina yang dikatakan tidak mempunyai sebarang dokumen kerakyatan dan tidak tahu langsung bertutur dalam Bahasa Malaysia; dan
- (b) benarkan dakwaan yang mengatakan bahawa pendarat haram Hong Kong dan China diseludup masuk ke Pulau Ketam

untuk mendapatkan penyesuaian awal sebelum mendapat penempatan dan perlindungan yang lebih baik di tempat-tempat lain di Malaysia; dan

- (c) benarkah kononnya anggota-anggota parti Komunis Malaysia (PKM) yang tidak mempunyai Kad Pengenalan telah pergi ke Pulau Ketam untuk mendapatkan "Surat Beranak" atau Kad Pengenalan orang-orang yang sudah mati; dan
- (d) adakah Kerajaan sedar tentang adanya kematian di Pulau Ketam dan beberapa perkampungan-perkampungan nelayan lain yang tidak dilaporkan dengan tujuan supaya dokumen pengenalan diri si mati dapat digunakan oleh pendatang-pendatang haram dan anggota-anggota PKM; dan
- (e) jika sedar, apakah tindakan yang telah atau akan diambil untuk memberantas kegiatan yang memberi ancaman besar kepada negara kita ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Adalah menjadi tanggungjawab individu untuk memperolehi dokumen pengenalan diri seperti dokumen kerakyatan daripada Jabatan berkenaan. Sesiapa yang gagal menunjukkan bukti pengenalan diri boleh didakwa di bawah Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang.
- (b) Kementerian belum menerima sebarang maklumat atau aduan mengenai perkara yang dibangkitkan.
- (c) Tidak benar.
- (d) Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai perkara ini. Sehubungan dengan itu, Kement-

terian memohon kerjasama Yang Berhormat mengemukakan bukti untuk tindakan sewajarnya.

- (e) Kementerian Dalam Negeri sentiasa peka terhadap kegiatan-kegiatan yang memberi kesan ke atas keselamatan negara dan akan bertindak dengan tegas terhadap mana-mana pihak yang terlibat.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN/ KENDERAAN TANPA RIBA

34. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan skim pinjaman perumahan dan kenderaan tanpa riba kepada kakitangan Kerajaan. Sekiranya ya, bilakah ianya akan dilaksanakan dan jika sekiranya tidak, sila berikan sebab-sebabnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dijawab iaitu semasa menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat daripada Nilam Puri pada 10-7-91. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

CHINA TOWN/TERUMBU LAYANG-LAYANG

35. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) kesan cadangan mewujudkan China Town kepada hasrat Kerajaan mewujudkan satu budaya nasional; dan
- (b) apakah jaminan keadaan keselamatan yang boleh diberikan sekiranya cadangan memajukan Terumbu Layang-layang sebagai destinasi pelancongan menjadi kenyataan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng):

- (a) Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan terhadap cadangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Cadangan tersebut masih di dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan.
- (b) Pulau Layang-layang yang terletak dalam kawasan Perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia adalah sebahagian dari negara ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi menentukan kawasan itu selamat sepertimana tempat-tempat lain di negara ini.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

36. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pecahan bilangan pelancong-pelancong mengikut negara yang telah melawat Malaysia sepanjang tahun ini;
- (b) anggaran jumlah wang asing yang dibelanjakan oleh pelancong-pelancong yang melancong di negara sepanjang tahun ini; dan
- (c) apakah usaha Kerajaan untuk memastikan masalah kekurangan tempat-tempat penginapan kelas sederhana yang sedang dialami oleh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):

- (a) Berdasarkan maklumat terakhir yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia, adalah dianggarkan jumlah pelancong asing mengikut negara yang

mengunjungi Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Januari hingga April 1991 adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah Pelancong</i>
ASEAN:	1,180,501
Indonesia	45,541
Filipina	15,366
Singapura	935,059
Thailand	180,368
Brunei	4,167
BUKAN ASEAN:	
China	2,691
Korea	26,725
Timur Tengah	14,257
Australia	37,088
New Zealand	6,093
UK/Ireland	51,350
Jerman	24,161
Perancis	10,141
Scandinavia	21,795
Benelux	10,428
USA	30,904
Canada	10,231
Lain-lain	43,301
Jumlah	<u>1,673,701</u>

Nota: Pengiraan angka pelancong adalah berdasarkan kepada 36.3% jumlah kedatangan Singapura adalah pelancong dan 73.6% jumlah kedatangan dari lain-lain negara adalah pelancong.

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia.

- (b) Jumlah asing yang dibelanjakan oleh pelancong yang melancong di Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Januari hingga April, 1991 adalah dianggarkan \$1.1 billion.

(c) Untuk mengatasi masalah kekurangan tempat-tempat penginapan kelas sederhana, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menggalakkan peng-
u s a h a - p e n g u s a h a
apartment, kondomi-
nium atau pangsapuri
mewah menjadikan
bentuk-bentuk ke-
diaman ini bagi pengi-
napan pelancong;
- (ii) menggalakkan pembi-
naan chalet-chalet yang
boleh disewakan dengan
harga murah kepada
pelancong khususnya
kepada pelancong tem-
patan. Pengusaha-peng-
usaha diberi bantuan
kewangan melalui
pelbagai skim pinjaman
tertentu;
- (iii) menggalakkan pendu-
duk-penduduk kampung
yang mempunyai
kemampuan memberi
perkhidmatan pengi-
napan kepada para
pelancong; dan
- (iv) meminta Kerajaan-
kerajaan Negeri mem-
perbaiki rumah-rumah
rehat supaya lebih selesa
untuk kegunaan para
pelancong.

Dalam hubungan ini, saya juga saya memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan juga akan disediakan untuk pembinaan tempat-tempat penginapan berkost rendah oleh Kerajaan. Tujuannya ialah untuk menyediakan kemudahan penginapan kadar sewa bilik yang berpatutan khususnya untuk memenuhi keperluan pelancongan tempatan.

PASPORT MALAYSIA YANG DITAHAN

37. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pasport yang ditahan oleh Kementerian terhadap warga-negara Malaysia yang disyaki bekerja di Taiwan, Jepun dan Korea Selatan secara am dan khasnya di Sarawak.
- (b) apakah langkah-langkah oleh Kementerian untuk mengem-
balikan pasport-pasport tertahan kepada mereka.
- (c) apakah nasihat Kementerian dan bagaimana Kementerian mendidik masyarakat umum mengenai kesalahan-kesalahan seperti di atas.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) sejak tahun 1985 hingga 1991, sebanyak 7,757 buah pasport Malaysia telah ditahan kerana tinggal lebih masa atau disyaki bekerja tanpa kebenaran di Taiwan, Jepun dan Korea Selatan. Di antara jumlah ini sebanyak 14 buah pasport adalah daripada warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak.
- (b) Jabatan Imigresen akan menarik balik pasport-pasport daripada warganegara Malaysia yang didapati membuat kesalahan-kesalahan yang menjatuhkan imej dan maruah negara di luar negeri. Tujuan tindakan tersebut adalah untuk menyiasat sama ada pemegang-pemegang pasport-pasport tersebut benar-benar terlibat atau tidak. Pasport-pasport akan dikembalikan sekiranya disahkan tiada kes. Bagi mereka yang terus ditahan pasportnya, Kerajaan akan mempertimbangkan rayuan-rayuan dari mereka yang terlibat.

(c) Kerajaan sebenarnya telah pun memaklumkan kepada semua pemegang pasport agar mematuhi segala peraturan Imigresen di negara yang dilawati. Nasihat ini telah pun dicetak di muka belakang setiap pasport. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pemegang pasport tersebut membaca dan mematuhi. Bagi seseorang rakyat yang bertanggungjawab dan menyanjung maruah negara ini, ia akan mematuhi nasihat tersebut dan bagi yang engkar adalah wajar kemudahan perjalanan tidak diberikan kepadanya.

PENGEDAR DADAH— TANGKAPAN SEMULA

38. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa polis dibenarkan menangkap semula orang-orang yang telah dibebaskan dan dilepaskan oleh Mahkamah, khususnya, dalam kes-kes pengedaran dadah. Adakah Kerajaan tidak sedia untuk menerima keputusan-keputusan yang diberi oleh mahkamah dalam negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pihak polis sentiasa memastikan bahawa segala tindakan yang diambil termasuklah tindakan menangkap seseorang itu adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada. Oleh yang demikian, soal kenapa pihak polis dibenarkan menangkap semula tidak timbul sama sekali kerana tindakan itu adalah di dalam bidang kuasa pihak polis.

BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DI LUAR BANDAR

39. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan

setakat manakah usaha-usaha Kementerian berjaya bagi menentukan penduduk-penduduk luar bandar mendapat bekalan elektrik dan air.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat telah berjaya memperluaskan liputan penyediaan kemudahan bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar di seluruh negara. Di akhir Rancangan Malaysia Kelima, 81% rakyat luar bandar menerima bekalan elektrik dan 72% menerima bekalan air paip.

JALAN LUAR BANDAR— PEMBINAAN

40. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan seperti berikut:

- (a) sejauh manakah jalan-jalan di luar bandar dibina bagi tahun 1987, 1988 dan 1990; dan
- (b) berapakah kelas-kelas Kemas termasuk kelas ugama setakat ini di seluruh Malaysia.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, panjang jalan luar bandar yang telah disiapkan bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:

1987	75 km
1988	115 km
1990	136 km

- (b) Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kementerian Pembangunan Luar Bandar setakat ini sedang mengendalikan sebanyak 17,038 buah kelas termasuk kelas agama. Dari jumlah ini aktiviti Pendidikan Agama Islam adalah sebanyak 4,324 buah manakala

aktiviti-aktiviti lain adalah seperti berikut:

Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (ERT)	3,732
Taman Bimbingan Kanak-kanak	5,478
Rancangan Desa Usaha	438
Rancangan Pedoman tugas	405
Perpustakaan Masyarakat	168
Pendidikan Kemahiran	2,497

PENDATANG HARAM MENETAP DI MALAYSIA

41. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang kemajuan bagi menghalang pendatang haram menetap di Malaysia dari negara jiran kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan sentiasa bertindak tegas terhadap pendatang tanpa izin (PTI) dari terus masuk dan menetap di negara ini. Sejak tahun 1985 hingga Mac 1991 seramai 211,837 orang telah pun diusir keluar ke negara asal masing-masing.

Untuk memastikan masalah ini tidak berkeleua, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Mengetatkan kawalan dan rondaan di pintu-pintu masuk haram dan di kawasan-kawasan yang disyaki iaitu di sempadan dan perairan negara.
- (b) Meningkatkan kegiatan pemeriksaan, serbuan dan tangkapan di tempat-tempat yang disyaki terdapatnya kumpulan ini.
- (c) Mendakwa mereka serta orang-orang yang bersubahat dan memberi perlindungan kepada golongan ini di mahkamah.

LAPORAN MPEN

42. Tuan Fong Kui Lun minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah laporan MPEN yang telah dipakai oleh Kerajaan dalam menggubal dasar ekonomi negara selepas DEB berakhir tahun lalu dan berapakah jumlah wang telah dibelanjakan untuk menyediakan laporan MPEN dari mula hingga dibubarkan.

22-7-91

17. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan setelah tamat tempoh Dasar Ekonomi Baru adakah matlamatnya tercapai khasnya dalam membasmi kemiskinan di negara ini. Dapatkah beliau menyatakan kebaikan dan keburukan dasar ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tun Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Saya memohon izin untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Klang dan daripada kawasan Kimanis pada 22hb Julai, 1991 secara sekaligus kerana maksud soalan tersebut adalah sama, iaitu menyentuh tentang dasar ekonomi selepas 1990.

Saya percaya kedua-dua Ahli Yang Berhormat telah pun mengikuti pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini pada 17hb Jun, 1991 yang lalu serta ucapan menggulung selepas perbahasan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 25hb Jun, 1991. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan bahawa Dasar Pembangunan Nasional (DPN) digubal hasil daripada analisis yang menyeluruh tentang tahap pembangunan sosial dan ekonomi di bawah DEB di samping mengambil kira pandangan-pandangan oleh berbagai kumpulan di Malaysia termasuk Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN).

Dengan penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa penjelasan lanjut lagi.

POLIS PERONDA DALAM KAWASAN PERUMAHAN

43. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tugas sebenar polis peronda dalam kawasan perumahan;
- (b) adakah mereka disuruh menahan lalu lintas tanpa mengadakan sekatan pemeriksaan polis yang teratur; dan
- (c) adakah Kementerian sedar bahawa tindakan polis peronda di kawasan-kawasan perumahan menyekat kenderaan-kenderaan awam tanpa sekatan pemeriksaan polis yang teratur amat berbahaya dari segi keselamatan dan di samping itu menggalakkan amalan penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Tugas utama Polis Peronda dalam kawasan perumahan ialah untuk mencegah jenayah dan menguatkuasakan lain-lain undang-undang lalu lintas.
- (b) Seksyen 24, Akta Polis 1967 memberi kuasa kepada semua pegawai Polis untuk menahan sesuatu kenderaan yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan. Selaras dengan itu adalah menjadi tanggungjawab pihak Polis untuk menahan kenderaan-kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan atau membawa penumpang yang disyaki melakukan kesalahan atau yang

disyaki terlibat dalam kejadian jenayah ataupun memiliki barang-barang curi, senjata, dadah berbahaya dan sebagainya.

- (c) Tindakan Polis Peronda di kawasan-kawasan perumahan menyekat kenderaan-kenderaan awam tanpa sekatan pemeriksaan Polis yang teratur adalah terpaksa dilakukan dalam keadaan-keadaan tertentu dan yang memerlukan sahaja selaras dengan maksud yang dijelaskan tadi. Oleh itu, tindakan ini tidak harus dilihat sebagai menggalakkan penyalahgunaan kuasa atau rasuah. Tentang kegiatan rasuah Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap perkara ini dan tindakan sewajarnya adalah diambil terhadap mereka yang terbukti terlihat. Namun demikian, pihak Kerajaan sentiasa memerlukan kerjasama daripada orang awam untuk melaporkan dengan rasmi kepada pihak Polis atau BPR supaya mereka yang terlibat dengan amalan terkutuk ini dapat diambil tindakan sewajarnya.

BEKAS TAHANAN ISA—SEKATAN

44. Tuan Wong Wing On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas bekas-bekas tahanan ISA, Teo Leong Hock, Chong Kon Fatt, Loo Ming Leong dan Heng Boon Lean telah dibatalkan, jika belum kenapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kecuali bagi Teoh Leong Hock, semua syarat-syarat sekatan yang dikenakan ke atas tiga (3) orang bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dimasukkan dari pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu tidak lagi berkuatkuasa. Bagi Teoh Leong Hock, syarat-syarat yang longgar masih diteruskan untuk mengawasi proses pemulihan serta pergerakannya.

PUSAT KEBUDAYAAN CINA

45. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat nyatakan sama adakah Kerajaan akan menerima dan meluluskan plan induk yang dicadangkan oleh sebuah parti politik untuk membina bandaraya Kebudayaan Cina Malaysia di Kuala Lumpur yang dianggarkan memerlukan peruntukan \$5 juta.

Tuan Yong Khoon Seng: Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan terhadap cadangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Cadangan tersebut masih di dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan.

BELAJAR DI CHINA

46. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan mengharamkan rakyat kita pergi ke China untuk belajar. Jika ya, mengapa; dan
- (b) apakah prosedur harus dibuat sekiranya seorang rakyat mahu pergi belajar di China.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan bersedia memberi pertimbangan kepada rakyat Malaysia pergi belajar di RRC untuk mengikuti kursus-kursus peringkat ijazah lanjutan sahaja.
- (b) Beberapa syarat perlu dipenuhi, antaranya seperti berikut:
 - (i) Kursus yang akan diikuti adalah diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - (ii) Pemergian penuntut dianjurkan/dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan

Malaysia, agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu atau badan-badan antara-bangsa seperti Bank Dunia, ADB dan sebagainya yang diakui oleh Kerajaan Malaysia.

- (iii) Tempoh kursus tidak melebihi 2 tahun.

KILANG HARAM

47. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada tindakan-tindakan keras yang diambil oleh Kerajaan tempatan terhadap kilang-kilang haram dan "house industries" adalah bercanggah dengan usaha-usaha Kementerian menggalakkan perkembangan industri kecil dan juga "cottage industries" dan jika ya, apa nasihat yang akan diberi oleh Kementerian negeri atau Kerajaan Tempatan.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 27hb Jun, 1991 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Maran. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Seputeh pada 10hb Julai, 1991, kawasan Larut pada 12hb Julai, 1991 dan dari kawasan Sabak Bernam pada 23hb Julai, 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

SURI RUMAH DIANIAYAI SECARA SEKS

48. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bahawa seorang suri rumah telah dianiayai secara seks oleh beberapa orang kakitangan Polis baru-baru ini, termasuk pegawai-

pegawai berpangkat tinggi. Apakah tindakan Kementerian mengambil dan membawa pesalah-pesalah ke pentas keadilan;

- (b) adakah benar bahawa suri rumah ini telah dipaksa mengadakan perhubungan jenis dengan beberapa orang kakitangan Polis semenjak 1984; jika ianya benar, mengapa Ketua Polis Negara, melalui perkhidmatan Cawangan Khas Jabatan Polis, tidak diberitahu hingga isu ini diterbitkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini;
- (c) adakah benar bahawa mangsa tersebut dipaksa melakukan di video lucah oleh kakitangan Polis ini;
- (d) adakah penyiasatan mendalam dijalankan tentang perkara ini, dan laporan Jawatankuasa Penyiasatan dikeluarkan kepada rakyat atau tidak;
- (e) bolehkah Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini bagaimana beliau ingin mengawal keselamatan peribadi orang-orang tahanan wanita di lokap-lokap polis, terutamanya yang menunggu perbicaraan di mahkamah; dan
- (f) bolehkah Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini tentang cara beliau akan mengikuti bagi memperindungi imej pasukan Polis, memandangkan peristiwa-peristiwa seperti ini tidak mendapat sambutan positif dari kalangan rakyat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Puchong telah pun dijawab pada 17hb Jun, 1991 yang lalu di mana ianya telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut lagi.

JEMAAH HAJI MALAYSIA— KUOTA

49. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimana isu bilangan jemaah haji Malaysia yang melampau had kuota berbangkit dan apa yang mendorong pihak Arab Saudi mengeneipkan isu kuota itu dan membenarkan jemaah tersebut menunaikan haji;
- (b) adakah keistimewaan yang diberikan oleh Arab Saudi itu untuk tahun ini saja dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan Malaysia tidak termasuk dalam dasar kuota yang dikenakan oleh Kerajaan Saudi;
- (c) sila huraikan syarat kuota yang dikenakan, kuota yang diperuntukkan kepada Malaysia, dan adakah kuota itu dikira dari keseluruhan penduduk Malaysia atau berdasarkan bilangan umat Islam negara ini; dan
- (d) jika kesesakan dan pentadbiran menjadi punca kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk mengajak Arab Saudi mengadakan sidang antara-bangsa mengenai haji supaya bantuan antarabangsa dapat diberi kepada pihak tempatan untuk membolehkan kuota tadi dibesarkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Di dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam (OIC) Yang Ke 17 yang telah diadakan pada tahun 1988 di Jordan, satu resolusi telah dicapai berkenaan peraturan menghadkan kuota bilangan jemaah haji iaitu 0.1% daripada

jumlah bilangan penduduk sesebuah negara sahaja dibenarkan menunaikan fardu haji setiap tahun. Ini adalah bagi menjamin kerehatan dan keselesaan mereka yang mengerjakan haji. Kuota ini dikuatkuasakan sehingga kerja-kerja pembangunan prasarana di tempat-tempat ibadat di Tanah Suci di dalam Rancangan Pembangunan 5 Tahunnya selesai kelak.

Walau bagaimanapun, bagi Malaysia, kuota ini tidak pernah dikuatkuasakan sebelum ini. Tetapi bagi tahun 1991, Kerajaan Malaysia, telah diminta oleh pihak Berkuasa Arab Saudi untuk mematuhi resolusi kuota jemaah haji bagi tiap-tiap negara seperti yang ditetapkan itu.

Memandangkan arahan tersebut dikeluarkan agak lewat kepada Kerajaan Malaysia, sedangkan pada masa itu Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah membuat segala persiapan dari segi keperluan pembangunan dan penempatan kepada lebih kurang 27,000 orang bakal haji, maka Kerajaan Malaysia terpaksa membuat rayuan kepada pihak Berkuasa Arab Saudi.

- (b) Keistimewaan yang diberikan oleh pihak Berkuasa Arab Saudi itu memanglah bagi tahun ini sahaja. Kerajaan bercadang untuk membawa perkara ini dalam Persidangan Menteri-menteri Agama (Indonesia, Malaysia dan Brunei) yang dijadual akan diadakan dalam bulan Oktober ini supaya satu resolusi dipersetujui untuk meminta Kerajaan Arab Saudi mengadakan satu kuota bagi keseluruhan rantau Asia Tenggara. Ini adalah bagi membolehkan lebih jemaah

haji dari Malaysia, Brunei dan Singapura menggunakan kuota yang tidak digunakan sepenuhnya oleh Indonesia.

- (c) Syarat kuota itu ialah bilangan jemaah haji yang dibenarkan bagi sesuatu negara ialah 0.1% daripada jumlah bilangan penduduk sesebuah negara. Bagi Malaysia, kuota yang diperuntukkan ialah 17,000 orang sahaja iaitu 0.1% dari keseluruhan penduduk Malaysia yang dianggarkan lebih kurang 17 juta orang.

JEMAAH HAJI MALAYSIA— KUOTA

50. Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah usaha Kerajaan Malaysia untuk meminta penghapusan kuota terhadap jemaah haji Malaysia; dan
- (b) apakah Kerajaan bersedia untuk menggerakkan usaha di kalangan negara-negara Islam untuk menghapuskan kuota tersebut.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Resolusi mengenai kuota bilangan jemaah haji bagi tiap-tiap negara telah dibuat dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam (OIC) yang Ke 17 di Jordan pada tahun 1988.

Resolusi ini dibuat bagi membolehkan kerajaan Arab Saudi mentadbirkan urusan haji dengan sempurna dengan menghadkan bilangan jemaah haji sehingga kerja-kerja meng“upgrade”kan prasarana di Tanah Suci di bawah Rancangan Pembangunan 5 tahun itu selesai. Dengan demikian, Kerajaan

Malaysia tidak bercadang meminta Kerajaan Arab Saudi menghapuskan kuota ini pada ketika ini.

- (b) Kerajaan juga tidak bercadang untuk menggerakkan usaha di kalangan negara-negara Islam untuk menghapuskan kuota ini atas alasan yang sama seperti di atas.

IBADAT SUBUH BAGI PEKERJA ISLAM

51. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Adakah beliau sedar betapa ramainya pekerja-pekerja terdiri daripada orang Islam yang terpaksa bertolak ke tempat bekerja sebelum masuk waktu subuh dan tiba ke tempat kerja setelah habis subuh. Apakah langkah yang disediakan supaya mereka tetap menunaikan ibadat subuh;
- (b) setengah tempat bekerja menyediakan ruang untuk pekerja Islam menunaikan sembahyang. Adakah Kerajaan mengadakan peraturan supaya tempat sedemikian dimestikan tanpa mengira ramai mana petugasnya terdiri dari orang Islam. Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat peraturan itu; dan
- (c) memandangkan penghayatan terhadap Islam di kalangan umat kian meningkat, adakah Kementerian membuat kajian sejauhmana peratus pekerja Islam di sektor awam dan sektor swasta melaksanakan tanggungjawab baik dari segi ibadat khusus mahupun dalam tugas harian mereka. Jika tidak, adakah kajian akan dibuat. Apakah yang mendorong mereka meningkat-

kan tanggungjawab mereka. Dan apa pula punca mereka mengabaikan tanggungjawab agama pula.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, waktu kerja di kebanyakan kilang bermula pada pukul 7.00 pagi atau 8.00 pagi. Pekerja-pekerja pula pada kebiasaannya tinggal di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan tempat kerja mereka, oleh itu tidak memerlukan masa perjalanan yang panjang. Ini bermakna pekerja-pekerja Islam mempunyai ruang masa yang cukup untuk menunaikan solat Subuh sebelum pergi bekerja. Bagi pekerja-pekerja yang tinggal jauh sedikit daripada kilang tempat kerjanya, kebanyakan majikan menyediakan bas kilang bagi mengangkut pekerja mereka pada waktu yang ditetapkan.
- (b) Kerajaan sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian ke atas soal mengerjakan ibadat di kalangan pekerja-pekerja Islam di tempat-tempat pekerjaan. Melalui pemeriksaan di tempat-tempat pekerjaan, majikan-majikan sentiasa digesa menyediakan tempat dan kemudahan bagi pekerja-pekerja yang beragama Islam mengerjakan ibadat wajib. Usaha ini telah dapat memenuhi keperluan dan tanggungjawab pekerja-pekerja terhadap ibadat mereka serta menghormati nilai-nilai agama dan budaya tempatan ke arah mewujudkan keharmonian perhubungan perusahaan. Berkat dari usaha yang telah dijalankan majikan-majikan kini telah memberi perhatian khusus ke atas soal penyediaan tempat untuk

menunaikan sembahyang. Memandangkan tiada apa-apa masalah dalam perkara ini, maka Kerajaan tidak bercadang membuat lain-lain peraturan mengenainya.

- (c) Kerajaan berpendapat bahawa tanggungjawab terhadap tuntutan agama adalah merupakan kewajipan yang telah ditetapkan dalam Islam ke atas setiap umatnya. Kerajaan, melalui agensi-agensi yang telah ditubuhkan khas untuk mengurus hal ehwal agama Islam telah menjalankan berbagai program, khusus untuk menerapkan nilai-nilai Islam bagi meningkatkan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai suci itu di kalangan pekerja-pekerja Islam sama ada yang bekerja di sektor awam mahupun di sektor awam. Usaha-usaha Kerajaan dalam hal ini telah menghasilkan kejayaan yang menggalakkan. Kerajaan yakin, dengan adanya kerjasama dari pihak-pihak yang inginkan syiar Islam di negara ini ditingkatkan, kejayaan yang lebih pesat akan dapat dicapai lagi.

ATENDAN HOSPITAL PERMAI— TUNGGAKAN PENCEN

52. Dr Sanusi Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan pelaksanaan keputusan perbicaraan Tribunal Perkhidmatan Awam, kes rujuk No. 6 tahun 1986. Mengapa sebahagian dari pesara yang terlibat, contohnya Pesara Atendan Hospital, oleh (Hospital Permai, Johor Bahru), tidak menerima tanggungannya hingga sekarang.

Tuan Othman bin Abdul: Semua pesara yang terlibat di bawah Kes Tribunal No. 6/86 telah pun dibayar tunggakan pencen dan ganjaran mereka kecuali satu kes Atendan Hospital, di Hospital Permai, Johor Bahru yang

belum dibayar kerana pesara berkenaan telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, penyelarasan pencen terbitan bagi balu dan anak-anak beliau sedang diuruskan.

PEKERJA ASING

53. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kajian Kementerian ke atas cara-cara memperbaiki sistem membawa masuk pekerja asing sudah dikemukakan kepada Menteri atau tidak. Jika masih belum, mengapa. Bukankah kajian seharusnya siap disediakan menjelang akhir bulan Jun, 1991. Jika sudah, apakah pula hasil kajian ke atas bilangan pekerja asing yang berdaftar di bawah kategori-kategori berlainan. Bagaimana pula dengan bilangan pekerja asing yang Kementerian percaya tidak berdaftar dengan Kerajaan. Apakah kesan cadangan Kementerian Kewangan mengenakan levi pekerja asing ke atas kajian Kementerian Sumber Manusia sendiri, terutama sekali langkah-langkah untuk mengawal pertumbuhan pekerja asing haram kerana para majikan mungkin tidak terdorong lagi untuk mendaftarkan pekerja mereka akibat kenaaan levi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Kementerian Sumber Manusia masih mengkaji perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut.

MINYAK MENTAH— PENGELUARAN

54. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan difaham bahawa negara kita masih mengeluarkan 650,000 tong minyak sehari, iaitu melebihi keupayaan 600,000 tong sehari. Apakah asas-asas bagi Kerajaan terus menerus mengeluarkan minyak sebegitu banyak memandangkan kini negara-negara OPEC sendiri telah

mengurangkan pengeluaran ke tahap yang lebih rendah daripada tahap semasa Perang Teluk berlaku. Bilakah Kerajaan akan mengurangkan pengeluaran minyak mentah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): Jumlah pengeluaran minyak mentah negara pada setengah tahun pertama 1991 adalah pada tahap purata 600,000 tong sehari. Pengeluaran pada tahap ini adalah merupakan langkah yang telah diambil berikutan daripada keadaan pasaran dan harga minyak mentah yang mula menurun susulan daripada tamatnya Perang Teluk pada awal tahun ini.

WAWASAN 2020

55. Tuan Ong Tin Kim minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi dan projek konkrit atau rancangan telah disusun oleh Kerajaan untuk Y.A.B. Perdana Menteri iaitu memajukan negara kita menjadi sebuah negara yang maju sepenuh ertinya pada tahun 2020.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu Wawasan 2020 dan perkara berkaitan telah pun diterangkan secara terperinci oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab pertanyaan mulut di Dewan ini pada 17hb Jun, 1991. Segala dasar pembangunan sosio-ekonomi negara akan diselaraskan dengan Wawasan 2020 ini.

KOPERASI PENERIMA DEPOSIT

56. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa juta ringgit wang rakyat telah digunakan untuk membantu menyelesaikan masalah koperasi-koperasi penerima deposit (KPD); dan

- (b) apakah pihak kementerian akan memberi perhatian yang sama memperuntukkan jumlah yang sama bagi menyelesaikan masalah rakyat yang menjadi mangsa skim Pak Man Teio.

57. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pinjaman atau bantuan yang diberikan oleh Kerajaan untuk menyelamatkan pendeposit-pendeposit dalam koperasi pungutan deposit beberapa tahun lalu; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk membantu para pelabur yang terlibat dengan penipuan dalam Skim Cepat Kaya baru-baru ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Oleh kerana pertanyaan atas perkara yang sama dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah, yang juga dijadualkan untuk dijawab pada hari ini, maka saya mohon menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut serentak.

Seterusnya, oleh kerana pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Skim Cepat Kaya telah pun dijawab di Dewan ini pada 20hb Jun 1991 iaitu semasa menjawab Pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Setar, maka saya akan hanya menjawab pertanyaan berhubung dengan masalah Koperasi Pengambil Deposit (KPD) sahaja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$897.6 juta untuk diuruskan oleh institusi-institusi kewangan bagi menyelamatkan pendeposit-pendeposit dalam Koperasi Pengambil Deposit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$246.3 juta telah pun dibayar balik.

(Soalan No. 57. Sila lihat jawapan bagi Soalan No. 56)

**AGENSI KERAJAAN—
PEMBAZIRAN DI SYARIKAT**

58. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah wakil Perbendaharaan didapati kecuaiannya penyelewengan dan pembaziran di syarikat-syarikat serta Agensi Kerajaan yang mereka wakili:

- (a) apakah masalah yang mereka menghadapi dan tindakan Kerajaan terhadapnya.
- (b) kerugian Kerajaan setakat ini; dan
- (c) bidang yang mana paling serius.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebaik sahaja Menteri Kewangan mengambilalih jawatan Menteri Kewangan, saya telah mengadakan perjumpaan dengan Pegawai-pegawai Perbendaharaan yang mewakili Perbendaharaan dalam Lembaga Pengarah, Badan-Badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Kerajaan untuk menegaskan peri pentingnya pengawalan ke atas pentadbiran dan pengurusan Badan-badan dan Syarikat Kerajaan khususnya pengawalan kewangan supaya tidak menyeleweng dari matlamat penubuhan Badan-badan Berkanun dan Syarikat berkenaan.

Beliau juga telah menegaskan kepada wakil-wakil Perbendaharaan supaya menentukan tidak berlaku pembaziran yang boleh mengakibatkan kerugian kepada Agensi-agensi berkenaan, segala tindakan Lembaga Pengarah hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Selain dari itu, beliau juga telah mengarahkan wakil-wakil Perbendaharaan di dalam Lembaga supaya benar-benar memainkan peranan mereka sebagai wakil Perbendaharaan dengan tegas dan menentang segala bentuk penyelewengan yang berlaku.

Berasaskan kepada keadaan di atas, soal wakil Perbendaharaan cuai, menyeleweng dan Kerajaan mengalami kerugian tidak timbul.

**MAJISTRET DITEMPATKAN DI
MARUDI**

59. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) sama ada seorang Majistret dapat ditempatkan tetap di Mahkamah Majistret Marudi memandangkan Majistret dari Miri dan Bintulu terpaksa bertugas untuk mendengar kes-kes di Mahkamah Majistret Marudi selalunya ditangguh kerana Majistret yang bertugas terpaksa balik ke Miri dan Bintulu lagi;
- (b) sama ada Menteri Kehakiman sedar bahawa permohonan menahan (remand) mereka yang ditahan oleh pihak Polis di Marudi terpaksa dibuat kepada Majistret Kelas Dua sahaja oleh kerana Mahkamah Majistret Marudi tidak ada Majistret; dan
- (c) mengapa Mahkamah Majistret Marudi tiap-tiap kali permohonan untuk menahan (remand) orang peribumi yang ditahan kerana perselisihan dengan syarikat-syarikat pembalok secara seperti automatik diperintah tahan dengan masa maksimum iaitu empat belas hari walaupun mereka hanya dituduh melakukan kesalahan menghalang pekerja-pekerja syarikat-syarikat (wrongful restrain) sahaja.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:

- (a) Persoalan sama ada perlu atau tidaknya seorang Majistret ditempatkan secara tetap di Marudi adalah bergantung kepada keperluan semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Marudi terdapat seorang Majistret Kelas Satu (Pegawai Daerah, ialah Majistret Kelas Satu *ex-officio*) dan dua orang Majistret Kelas Dua. Sungguhpun Pegawai Daerah jarang sekali membicarakan kes-kes tetapi kedua-dua orang Majistret Kelas Dua sering menjalankan perbicaraan kes-kes mengikut bidangkuasa mereka seperti diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Rendah (Subordinate Court Act) 1948. Kes-kes yang melebihi bidangkuasa mereka dibicarakan oleh Majistret Kelas Satu dari Mahkamah di Miri. Majistret ini mengendalikan pembicaraan kes secara litar yang ditetapkan sebanyak 5 hari sebulan bagi tiap-tiap tempat. Jadual perbicaraan ini telah disusun berasaskan bilangan kes yang didaftarkan/tertangguh di Marudi berbanding dengan jumlah kes di Miri. Sehingga November 1990 terdapat sebanyak 183 kes untuk Mahkamah Majistret Kelas Satu di Marudi berbanding dengan 637 untuk Miri.

Adalah tidak benar jika dikatakan kes-kes litar selalu ditangguhkan kerana Majistret terpaksa balik ke Miri atau Bintulu. Jadual ketetapan perbicaraan adalah dipatuhi dengan sepenuhnya, Kes-kes yang telah ditetapkan perbicaraannya tidak pernah diubah atau ditangguh atas kehendak Mahkamah sendiri. Jika berlaku penangguhan, yang mana bilangannya sangat kecil, sebabnya ialah kerana permohonan penangguhan atau bantahan permulaan yang dikemukakan oleh peguam bagi pihak yang dituduh atau kadangkala di atas permohonan yang dibuat oleh pihak pendakwa. Walau bagaimanapun, penangguhan hanya

dibenarkan di atas alasan yang sah dan munasabah sahaja.

- (b) Permohonan bagi menahan (remand) adalah dikemukakan kepada Majistret Kelas Dua (Pegawai Pentadbir Sarawak—Sarawak Administrative Officers) sepertimana diperuntukkan baginya melalui peng wartaan Kerajaan. Amalan oleh pihak polis yang mengemukakan mereka yang disyaki melakukan kesalahan untuk tahanan lanjut di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah kepada Majistret Kelas Dua adalah dibenarkan oleh Kanun Acara Jenayah.
- (c) Pertanyaan seperti di perenggan (c) adalah tertakluk kepada sekatan di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (g) dan (h) dan saya tiada berhajat untuk memberi jawapan lanjut tentang isu yang berkenaan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT

18

DATO' DR JEFFREY KITINGAN— PENAHANAN

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk mencadangkan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) mengizinkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi maksud merunding satu perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu penahanan secara formal Pengarah

Yayasan Sabah, Dato' Dr Jeffrey Kitingan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kononnya terlibat di dalam suatu komplot untuk membawa Sabah keluar daripada Malaysia dan perkara ini adalah satu perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai berdasarkan sebab-sebab berikut:

Yang pertama, apabila Dato' Dr Jeffrey Kitingan ditahan pada 13 Mei 1991 untuk disoal-siasat selama 60 hari seperti dibenarkan di peruntukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, pihak Polis telah berkata bahawa penahanannya itu adalah berhubung dengan penyiasatan Polis ke dalam kononnya suatu komplot untuk membawa Sabah keluar daripada Malaysia walaupun pihak Polis tidak dapat mengemukakan sebarang bukti pun untuk meyakinkan rakyat negeri Sabah dan Malaysia, bahawa komplot sedemikian sebenarnya wujud meskipun banyak kenyataan awam dikeluarkan oleh pihak Polis selama setahun ini;

Yang kedua, pihak Polis dan Kementerian Dalam Negeri telah gagal untuk mengemukakan apa-apa bukti tentang komplot sedemikian untuk membawa Sabah keluar daripada Malaysia sungguhpun Dato' Dr Jeffrey Kitingan telah ditahan secara formal di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan telahpun dihantar ke Pusat Tahanan Kamunting;

Yang ketiga, penahanan Dato' Dr Jeffrey Kitingan dan separuh dozen orang-orang lain berhubung dengan dakwaan yang sama yang tidak terbukti itu mengesahkan Laporan Pembangunan Manusia 1991 oleh United Nations Development Programme (UNDP) mengenai tahap rendah hak-hak manusia di Malaysia dan ini hanya akan membawa kedudukan dan reputasi antarabangsa Malaysia kepada suatu tahap rendah yang baru;

Yang keempat, penahanan Dato' Dr Jeffrey Kitingan akan merupakan satu halangan yang serius dalam usaha integrasi kebangsaan, khasnya integrasi Wilayah Sabah dan Sarawak dengan Persekutuan;

Yang kelima, penahanan Dato' Dr Jeffrey Kitingan juga menimbulkan persoalan sama ada pihak Polis Malaysia telah membiarkan dirinya digunakan sebagai alat politik Kerajaan Barisan Nasional di dalam perang politik yang ia sedang melakukan terhadap Kerajaan Negeri PBS;

Yang keenam, berdasarkan sebab-sebab di atas ini, satu perbincangan segera oleh Parlimen adalah perlu untuk mempertahankan hak-hak manusia serta melindungi integrasi kebangsaan untuk memastikan:

- (i) bahawa Dato' Dr Jeffrey Kitingan dibebaskan dengan serta-merta tanpa syarat (*Tepuk*) daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun didakwa di dalam sebuah Mahkamah terbuka untuk membolehkan beliau mempertahankan dirinya terhadap tuduhan-tuduhan serius yang dilemparkan kepadanya;
- (ii) bahawa pihak Polis mengeluarkan suatu Kertas Putih mengenai kononnya wujudnya komplot untuk membawa Sabah keluar daripada Malaysia ataupun pihak Polis harus menguburkan semua sekali kononnya komplot pemisahan Sabah itu dan meyakinkan rakyat Malaysia bahawa pihak Polis tidak akan membenarkan dirinya diperalatkan di dalam perang politik Kerajaan Barisan Nasional dengan Kerajaan Negeri PBS, Sabah.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pagi ini. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan olehnya sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) kecuali beliau puas hati iaitu perkara itu ialah perkara tertentu bagi kepentingan orangramai yang berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya telah bersetuju bahawa ia perkara tertentu dan bagi kepentingan orangramai. Tetapi saya tidak bersetuju ia perlu disegerakan perbahasannya sehingga menangguhkan mesyuarat Dewan hari ini kerana saya mendapat tahu penahanan ini dibuat mengikut proses undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen iaitu di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan satu perintah yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang tersebut itu.

Oleh itu, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang

ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. (*15hb Julai, 1991*)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, banyakkah lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap. Banyak lagikah?

Ahli-ahli: Banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, saya terpaksa meminta Ahli-ahli Yang Berhormat jika hendak berucap dihadkan kepada 20 minit sahaja. Jadi beri peluang kerana kita ada hanya dua hari sahaja iaitu hari ini dan esok. Lusa telah pun dijadualkan jawapan daripada

Menteri-menteri. Sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang menyambung ucapannya. Saya beri 10 minit sahaja lagi.

3.45 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi. Oleh kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini sudah 20 tahun dalam incubation period.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap lebih daripada sejam kelmarin. Berilah peluang kawan-kawan yang lain.

Tuan Wee Choo Keong: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit lagi.

Tuan Wee Choo Keong: 20 minit bolehlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. *(Ketawa)*

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyimpan sebidang tanah seluas kira-kira 300 ekar di Pantai Dalam untuk projek rumah kos rendah bagi menempatkan semula penduduk-penduduk setinggan. Tetapi Datuk Bandar Kuala Lumpur telah meluluskan projek perumahan kos sederhana dan tinggi di atas tanah yang sama. Oleh yang demikian, dengan cara apakah yang membolehkan lebih daripada 500 keluarga setinggan di sekitar kawasan itu ditempatkan semula.

Saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pun sedia maklum tentang skandal ini. Saya berharap beliau berani mengambil tindakan yang sesuai terhadap Datuk Bandar supaya Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan supaya menarik balik perintah pembangunan untuk membina rumah kos sederhana dan tinggi di atas 300 ekar tanah yang disebut di Pantai Dalam.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Seputeh terdapat sebuah projek lagi yang dikenali sebagai Kucai Entrepreneur Park Development Order, dengan izin, menyatakan bahawa pemaju S.M.I. Berhad, syarikat yang dikawal oleh sepupu Dato' Kee Yong Wee, bekas Timbalan Menteri yang dipenjarakan sebab kes pecah amanah, harus membina rumah kos rendah terlebih dahulu. Tetapi sebaliknya, pihak pemaju telah membina kondominium mewah dan bangunan kedai dahulu. Pada hari ini rumah kos rendah tidak dibinakan. Apa yang dilakukan oleh DBKL dan Datuk Bandar adalah lebih mirip kepada orang yang berada dan orang-orang yang dhaif terus menderita.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang Kerajaan Persekutuan telah termaktub dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam, Bab IX Perenggan 14.36—Prospek Perumahan.

Penyediaan perumahan yang merupakan keperluan asas sosial akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Kerajaan terus memastikan harga rumah akan berada pada tahap yang mampu dibeli oleh rakyat dari segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Untuk mencapai hasrat ini, strategi-strategi dan program-program yang sedia ada akan diteruskan. Sektor swasta akan terus digalakkan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sementara sektor awam akan menambahkan bekalan rumah kategori ini. Tetapi langkah-langkah DBKL tidak menjalankan seperti yang termaktub di dalam Rancangan Malaysia Kelima atau Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, skandal ini ialah skandal yang sudah dicatat oleh Ketua Audit Negara. Mengikut kepada Laporan Ketua Audit Negara tersebut bahawa mukasurat 78, Perbelanjaan

Jamuan dan Layanan Sivik berjumlah \$560,249. Dan saya quote, "Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$197,996 atau 35% telah dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang tidak ada hubungan secara langsung dengan aktiviti dan tugas rasmi DBKL. Perbelanjaan tersebut tidak wajar ditanggung oleh DBKL kerana ianya lebih merupakan perbelanjaan persendirian dan peribadi yang sepatutnya dibayar oleh pegawai-pegawai yang terlibat."

Kalau ini bukan penyelewengan atau corrupt practices dengan izin, saya pun tidak boleh fahami apa maksud penyelewengan dan corrupt practices ini, dengan izin. Perkara ini sudah dirakam dan dicatatkan oleh Ketua Audit Negara dan Datuk Bandar masih tidak peduli dan tidak hormati Ketua Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara tersebut, mukasurat 77 bahawa DBKL telah mengswastakan tempat letak kereta bermeterinya semenjak tahun 1985 dan lima buah syarikat swasta telah dilantik mengendalikannya. Tunggakan sewa tempat letak kereta yang terhutang oleh lima buah syarikat tersebut telah meningkat dari \$1.7 juta pada akhir tahun 1987 kepada \$2.2 juta pada akhir tahun 1988. Butir-butirnya seperti berikut:

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Hutang 1987</i>	<i>Hutang 1988</i>
Asas Budiman Sdn. Bhd	\$170,000	\$40,000
Satupadu Sdn. Bhd	\$440,000	\$300,000
Far East Unitrade Sdn. Bhd	\$470,000	\$730,000
Norms Traffic Automation Sdn. Bhd	\$200,000	\$250,000
Saripati (M) Sdn. Bhd	\$558,000	\$590,000

Dari penyelidikan rasmi saya di Pendaftar Syarikat, saya dapati bahawa Syarikat Far East Unitrade Sdn. Bhd.

mempunyai paid-up capital sebanyak \$150,000. Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya ialah Nordin bin Sulong, Norizah binti Nordin dan Zainol binti Abdul Latiff. Dari angka yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara, Far-East Unitrade Sdn. Bhd. adalah amat ketara bahawa syarikat tersebut berhutang sebanyak \$500 pada tahun yang saya sebut tadi. Dengan yang demikian kita menyaksikan bahawa syarikat ini telah dalam keadaan "insolvent" dengan izin, oleh kerana modalnya yang begitu sedikit \$150,000 adalah tidak memadai bagi syarikat ini untuk menjelaskan hutangnya. Dan juga Saripati Sdn. Bhd juga bersama dan ia dimiliki oleh Master Carriage Sdn. Bhd dan United Straits Fuso Sdn. Bhd.

Saripati Sdn. Bhd. juga modalnya \$500,000 tetapi hutangnya \$560,000 pada tahun 1987 dan tahun 1988 \$592,000.

Syarikat Asas Budiman, ia punya paid-up capital \$180,000 dan pemegang sahamnya ialah Noraini binti Tan Sri Abdul Samad, Mohd. Marzuki bin Tan Sri Abdul Samad, Mohd. Fadhil bin Tan Sri Abdul Samad dan Mohd. Shakri bin Tan Sri Abdul Samad dan mereka sama-sama memiliki sebanyak \$45,000 masing-masing. Syarikat ini berhutang dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Kwong Yik Bank, Arab Malaysian Bank berjumlah \$2.7 juta.

Saya ingin menyoal Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan Datuk Bandar ini yang tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Syarikat tersebut, dan mengapakah Datuk Bandar tidak mengswastakan medan letak kereta di ibu kota secara tender umum? Kemungkinan orang-orang yang mengawasi Syarikat tersebut adalah kawan rapat Datuk Bandar, jikalau tidak kenapa beliau mengswastakan medan letak kereta hanya kepada mereka yang telah diperuntukkan terlebih dahulu

secara senyap dan beliau sengaja menutup kedua-dua belah mata beliau di atas tunggakan sewa yang berjuta-juta ringgit. Tindakan seperti begini oleh Datuk Bandar akan menjejaskan kepentingan rakyat dan DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sahaja yang dikemukakan oleh saya, tetapi ini bukan bererti skandal-skandal Datuk Bandar setakat ini semata-mata, ada banyak lagi skandal yang tidak terhitung oleh sesiapa pun seandainya orang ramai dapat membaca Laporan Ketua Audit Negara.

Saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara, mukasurat 80, saya quote:

“Anggaran tahunan 1988 telah diluluskan pada 27 November, 1987. Anggaran tambahan yang terakhir bagi tahun 1988 hanya diluluskan pada 31 Oktober, 1989. Bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih membuat perbelanjaan melebihi peruntukan yang dibenarkan. Sebanyak \$24.88 juta telah dibelanjakan melebihi had yang dibenarkan untuk tahun 1988. Di samping itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah membelanjakan tidak kurang daripada \$2.42 juta tanpa peruntukan dan ini menyalahi undang-undang.”

Ini membuktikan bahawa. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi ya.

Tuan Wee Choo Keong: Lima minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Wee Choo Keong: Tidak boleh? Terima kasih. Ini membuktikan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur langsung tidak menghiraukan undang-undang yang melarang beliau berbuat demikian.

Di dalam masyarakat yang wujud, orang seperti Datuk Bandar Tan Sri Elyas Omar tidak dapat memainkan peranan yang berkesan, beliau harus menyerahkan jawatannya dengan sertamerta kerana amalan yang tersebut di atas amat memalukan Kerajaan Pusat terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada hakikatnya beliau sepatutnya dipecat lebih awal lagi apabila didapati bahawa beliau menggunakan gelaran “Doktor” walhal beliau tidak dianugerahkan gelaran “Doktor” daripada mana-mana institusi pengajian tinggi. Sikap yang sedemikian adalah tidak sesuai untuk memegang jawatan bagi mana-mana organisasi, apatah lagi sebagai seorang Datuk Bandar pada halnya Peguam Negara harus mengambil tindakan untuk menuduh Tan Sri Elyas Omar di bawah Penal Code oleh kerana beliau impersonating, dengan izin, sebagai seorang “Doktor”.

Saya hairan bahawa Tan Sri Elyas Omar telah terlibat dalam berbagai skandal yang disebutkan dan beliau tidak menghormati nasihat-nasihat Ketua Audit Negara dan Dasar Kerajaan Persekutuan, bahkan Kerajaan Persekutuan masih melindungi beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

3.55 ptg.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman (Kuala Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Pada hari ini keseluruhan rakyat disarankan dengan Wawasan 2020 yang mana pada hemat saya merupakan satu, dengan izin, “tall order” atau angan-angan yang cuba menutup masalah yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Sesungguhnya sesuatu perjalanan bermula dari angan-angan, tetapi angan-angan yang satu ini amat memerlukan kejujuran, amanah dan rasa tanggungjawab golongan pelaksana. Saya menyebut hal ini kerana sebahagian dari pada matlamat yang ingin kita capai melalui Wawasan ini sebenarnya telah kita angan-angankan semenjak 20 tahun yang lalu iaitu sejak termaktubnya Dasar Ekonomi Baru.

Melalui Dasar Ekonomi Baru, Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku dan menerima banyak kemajuan telah dapat kita capai. Namun matlamat yang kita tuju masih jauh khususnya perpaduan kaum dan pembentukan sebuah masyarakat yang adil. Soalnya mengapakah matlamat ini tidak tercapai? Adakah kerana tidak ada kesungguhan politik atau, dengan izin, political will atau salah strategi? Apakah selama ini kita telah salah memberi keutamaan atau, dengan izin, priority di dalam melaksanakan program-program pembangunan dan penyusunan semula, atau adanya pengagihan rezeki yang tidak adil di kalangan rakyat, atau berlakunya pembangunan yang tidak setara di kalangan wilayah atau di antara negeri-negeri dan juga di antara sektor.

Umpamanya, di dalam dekad permulaan tahun 1980an di mana keadaan ekonomi negara mula merosot sedikit, namun di saat dan ketika itulah bermulanya Skandal BMF, Bank Bumiputra, MAMINCO, MAKUWASA, serta pembangunan industri-industri berat yang merugikan wang negara beribu juta ringgit. Tetapi yang anehnya dengan pembaziran yang begitu banyak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam wawancaranya di dalam Berita Perdana tergamak berkata; bahawa Kerajaan tidak mencukupi wang untuk melaksanakan semua projek dalam Rancangan Malaysia Kelima dan beberapa projek berkenaan terpaksa dibawa ke hadapan di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengagihan rezeki yang tidak adil melalui projek-projek raksasa itu hanya dapat melahirkan segelintir bumiputera yang menjadi jutawan. Namun kemiskinan masih terus wujud di kalangan rakyat terutama di negeri-negeri pengeluar minyak seperti Terengganu, Sabah dan Sarawak. Di Negeri Terengganu kadar kemiskinan adalah 31%, di Sabah 34.3%, di Sarawak 21%. Tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS yang telah diberi kuasa mutlak melalui perjanjian-perjanjian dengan negeri-negeri yang berkenaan untuk menguasai kekayaan minyak telah disalahgunakan. Kalau dahulu untuk membantu Bank Bumiputra sebanyak dua kali kerana penyelewengan pengurusannya, kali ini telah digunakan pula untuk membangunkan Kuala Lumpur, satu projek raksasa dengan izin "City within City" yang akan menelan belanja beratus ribu juta ringgit, melalui pembelian 51% saham dalam Syarikat Seri Kuda, Fasa pertama projek ini dalam tahun 1992-1996 akan menelan belanja sebanyak \$2,000 juta. Soalnya apakah sebenarnya keutamaan PETRONAS sebagai pemegang amanah kekayaan minyak? Tidakkah seharusnya kekayaan yang diperolehinya itu dilaburkan untuk sama menyumbang kepada pembangunan negeri-negeri yang mengeluarkan minyak yang mana secara kebetulan sama ada sengaja atau tidak, merupakan negeri-negeri yang kadar kemiskinannya tinggi— Terengganu 31%, Sabah 34.3%, dan Sarawak 21% berbanding dengan Wilayah Persekutuan yang mana kadar kemiskinannya adalah 3.8% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tentu sekali membawa inflasi. Kita berbangga dengan kadar inflasi yang rendah, tetapi pada hakikatnya setiap suri rumah merungut harga barang-barang keperluan semakin meningkat. Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada menyebut bahawa harga sayur dan ikan adalah mahal di Terengganu.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat, tetapi sayang katanya beliau tidak boleh berbuat apa-apa, sedih kerana seorang yang bertanggungjawab tidak mahu mencari jalan untuk mengatasinya.

Saya mencadangkan kepada pihak yang berkuasa supaya membuat penyelidikan yang rapi dan mendalam mengenai sistem pemasaran bahan-bahan berkenaan. Mungkin sistem pemasaran ini perlu disusun semula. Tahukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa berkemungkinan juga harga ikan itu tinggi kerana peraih kecil tempatan dikenakan bayaran-bayaran yang tidak berpatutan. Tiap-tiap kenderaan kecil seperti basikal, motosikal, beca roda tiga, van pick-up dan sebagainya yang keluar masuk Kompleks Perikanan semuanya dikenakan bayaran, bakul-bakul kecil yang dibawa bersama juga turut dikenakan bayaran.

Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berjaya dengan kemajuan FELDA dari segi memberi peneroka-peneroka penghidupan yang baru, tetapi kenapa sering kita mendengar rungutan bahawa pendapatan mereka kadangkala rendah sekali dan tidak mampu menanggung sara hidup harian. Adakah kerana mereka dibebankan dengan potongan bayaran pengurusan yang tinggi dan juga semua perbelanjaan infrastruktur dan sosial seperti jalan, bekalan air dan elektrik, hospital atau klinik dan sekolah, semuanya diambilkira dan juga dibebankan kepada peneroka.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam tanah-tanah baru tidak lagi akan dibuka, tetapi apakah perancangan untuk kepentingan generasi kedua para peneroka? Adakah mereka ini dikehendaki berhijrah dari kawasan FELDA atau sebaliknya. Perancangan

tertentu hendaklah digubal untuk memberi kepada mereka satu nilai hidup yang berpatutan sama ada di sekitar kawasan FELDA ataupun di tempat-tempat atau di kawasan-kawasan yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita berbangga dengan eksport dagangan, kita didedahkan dengan defisit perdagangan yang telah meningkat \$1,600 juta pada akhir bulan April kepada satu angka \$3,426 juta berbanding dengan lebih \$786.3 juta dalam masa yang sama tahun lepas. Bidang elektronik merupakan suatu industri yang bergiat tumbuh tetapi sebanyak 94% daripada bahan mentahnya diimport. Adakah pengimportan seperti ini dan kerana nilai ringgit kita yang rendah telah menyumbang kepada kenaikan nilai import?

Tuan yang di-Pertua, menjelang kita memasuki dekad 90an dan bermulanya Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Rancangan Malaysia Keenam, kita didedahkan pula dengan skandal Tenaga Nasional di dalam pembelian dan penyenggaraan turbine. Yang terakhir sekali penyelewengan di dalam Syarikat Sekuriti Bank Bumiputra.

Dengan pengalaman-pengalaman skandal yang lepas-lepas, tidakkah seharusnya Kerajaan bersetuju dan menerima cadangan yang hendak dibuat oleh MAPEN untuk menubuhkan badan pengawas. Setelah RRJP2 dibentangkan di dalam Dewan yang mulia inipun kita mendengar desakan untuk menubuhkan badan tersebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya. Ini semuanya membuktikan keraguan semua pihak termasuk anggota Kerajaan meragui keupayaan pihak yang berkuasa menjalankan tugas tanpa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Mungkin juga, Tuan Yang di-Pertua, badan ini boleh mengawasi

percanggahan-percanggahan seperti yang didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Kata beliau ada beberapa negeri yang melebihi quota pembalakan, tetapi dinafikan pula oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan bagi negerinya. Begitu juga dengan usaha-usaha yang ditugaskan kepada Badan-badan Kemajuan Ekonomi Negeri kerana baru-baru ini ada percanggahan di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah mendedahkan bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Johor gagal membantu usahawan-usahawan bumiputera. Ini juga telah dinafikan oleh pihak yang berkuasa Johor.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada insan yang tidak mahu kepada kemajuan tetapi, dengan izin, at what expense? Pertumbuhan ekonomi semata-mata adalah tidak mencukupi. Bermacam-macam skandal, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa telah menyerapi masyarakat kita. Kononnya Ali-Baba masih wujud. Pada hemat saya, bumiputera sudah sedar. Yang ada dalam masyarakat kita hari ini ialah "Baba-Bumi", (kalau saya diizinkan untuk menggunakan istilah ini) dalam mana bumiputera yang berpengaruh telah boleh menggunakan bukan-bumiputera untuk memperoleh kekayaan. Parti-parti politik dalam Kerajaan masih mengambil bahagian dengan cergas dalam bidang perusahaan dan perdagangan tanpa segan dan malu untuk mengumpul harta dan menakluk media-media massa. KOBENA telah diseleweng dan menanggung kerugian \$100 juta dan apakah jaminan Koperasi Belia yang akan menggantikannya tidak akan ditimpa masalah yang sama? Bila pula giliran Shamelin? Judi masih bertambah dan berleluasa. Tidakkah ini semuanya gejala-gejala yang tidak sihat? Apa yang menyedihkan ialah kepercayaan bahawa kita boleh kaya dengan cepat dengan membelakangkan tata-susila dan sistem. Dengan itu kita dapati skandal dalam tawaran-tawaran

tender di tempat-tempat yang tertinggi sehinggalah ke paras bawah di mana orang ramai boleh diperdayakan dengan Skim Pelaburan Cepat Kaya seperti yang diutarakan oleh Pak Man Telo.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sudah tiba masanya untuk kita di dalam Dewan yang mulia ini bersama merenung dan, dengan izin, search our conscience. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Segamat.

4.05 ptg.

Tuan S. S. Subaramaniam (Segamat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di bawah usul Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb Julai, 1991 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah berjaya untuk memperkenalkan satu rancangan yang begitu bermakna kepada negara dan rakyat kita pada lima tahun akan datang.

Sewaktu ini saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan di atas pembangunan yang telah dicapai di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun Rancangan Malaysia Kelima ini telah dijejaskan dengan satu tempoh kemerosotan ekonomi dunia, kita telah mencapai satu kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.7% setahun dan inilah satu kadar yang kita boleh banggakan dan dari apa saya dapat lihat dalam Rancangan Rancangan Malaysia ini, saya percaya Rancangan Malaysia Keenam ini kita boleh dapat mencapai satu kadar yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengkaji dengan mendalam, apa yang telah ditentukan untuk semua kaum yang berada di dalam negara kita dalam

Rancangan Malaysia Keenam ini, saya dapat lihat hanya satu perenggan sahaja yang menunjukkan apa yang telah ditentukan untuk kaum India dan lain-lain kaum minoriti yang berada di negara kita. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas perenggan 1.92 yang menerangkan tujuan Kerajaan di atas nasib pekerja-pekerja dari ladang-ladang. Hanya satu aspek sahaja yang telah dilupakan iaitu berhubung dengan pendidikan untuk kanak-kanak dari ladang-ladang tersebut. Kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil amatlah tidak memuaskan dan saya ingin memohon satu skim untuk menukar sekolah-sekolah ini kepada sekolah-sekolah kumpulan dengan bantuan penuh dan bukan bantuan modal untuk menyempurnakan pendidikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu aspek yang amat penting berhubung dengan kaum India ialah kedudukan lebih kurang 50% penduduk kaum India yang berada di bandar-bandar dan kawasan-kawasan sekitarnya. Dalam konteks ini marilah kita lupakan golongan profesional yang berada di bandar-bandar. Apa yang dimaksudkan di sini ialah pekerja-pekerja dari kilang-kilang, pejabat-pejabat, majlis-majlis daerah dan sebagainya dan dengan pendapatan yang rendah. Inilah satu golongan yang telah dilupakan oleh Kerajaan kita oleh kerana mereka masih banyak menduduki di kawasan-kawasan haram, rumah-rumah yang tidak sesuai dengan peluang pendidikan dan pekerjaan yang amat berkurangan. Saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk menimbang nasib mereka supaya mereka boleh diberi peluang seperti lain-lain kaum untuk mereka dapat menikmati kejayaan dari semua tindakan dan rancangan yang akan dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa kaum India di Malaysia telah menyumbangkan dengan

banyak untuk pembangunan negara ini, tetapi nampaknya pengiktirafan ini hanya diterima secara lisan. Kita masih mendengar kenyataan dari ahli-ahli politik yang tertentu bahawa kaum India telah datang ke Malaysia untuk mencari nafkah dan mereka telahpun diberi bayaran yang sewajarnya.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa inilah satu anggapan yang sangat merbahaya, oleh kerana, walaupun pada satu masa dahulu kita mempunyai satu golongan kaum India yang mempunyai dual citizenship, tetapi pada masa kini semua kaum India yang ada di negara ini dan lahir di Malaysia tidak mempunyai pertalian dengan negara India dan mereka telah membuat kesimpulan untuk menerima dan menjadikan Malaysia sebagai tanahair mereka. Oleh yang demikian, janganlah kita meragui kejujuran dan ketaatan mereka kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Majlis Perundangan Ekonomi Negara yang disediakan oleh 150 orang yang terkenal daripada berbagai latar belakang telah mengiktiraf sumbangan kaum India. Mereka juga merasa bersimpati terhadap kaum India yang merupakan kaum yang terbiar sekali dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru. Perenggan 320 dalam Laporan MAPEN berbunyi seperti berikut, saya quote:

“Pada keseluruhannya, kaum India kurang sekali mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi. Mereka telah jauh ketinggalan dalam berbagai sektor seperti guna-tenaga, pendidikan, perdagangan dan perindustrian. Kadar pengangguran mereka adalah tinggi, manakala kadar pencapaian pendidikan sungguh rendah. Demikian juga dengan penyertaan ekuiti mereka yang telah terhenti pada kadar 1% sahaja sejak tahun 1990. Majoriti dari tenaga buruh India, misalnya, didapati berada di dalam sektor perladangan,

di mana keadaan pekerjaan dan mutu hidup amat tidak memuaskan. Kadar kemiskinan di sektor perladangan juga amat tinggi. Perkembangan kemahiran, keusahawanan juga rendah. Rancangan masa depan perlu mengambilkira penyertaan kaum India dan kaum minoriti yang lebih bermakna dalam semua bidang.”

Tuan Yang di-Pertua, inilah kata-kata dari MPEN dan bukan kata-kata dari saya. Saya berasa sedih hati kerana Kerajaan tidak menerima keputusan MPEN, iaitu kedudukan yang tertinggal oleh kaum India dan kaum-kaum minoriti di negara ini. Jika perkara ini benar, saya ingin dapat tahu apakah sebabnya kaum-kaum minoriti boleh dilupakan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini oleh kerana selain daripada pekerja-pekerja ladang, saya tidak dapat melihat apa-apa cadangan iaitu rancangan yang akan memberi kepentingan kepada mereka dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini iaitu kedudukan kaum India telah menjadi lebih buruk daripada 20 tahun yang lalu. Ini telah dijelaskan oleh pucuk pemimpin kaum India dalam semua peringkat Kerajaan dan juga dalam Dewan yang mulia ini dan pada masa kini, kaum India telah merasa satu perasaan yang frustrated, dengan izin. Dalam Rancangan Malaysia Kelima sejumlah 3,210 projek dengan nilai \$58,000 juta telah diluluskan. Sejauh mana yang kita tahu tidak ada satu projek pun yang telah diluluskan kepada kaum India. Dengan kedudukan ini, pandangan kita ialah Kerajaan tidak mempedulikan kaum India dalam sebarang aktivitinya, walaupun sedikit-sebanyak bantuan diberi dari semasa ke semasa. Ini tidak mengambil kira kedudukan golongan kaum India dalam negara ini ataupun sumbangan yang telah diberikan oleh kaum India dalam pembangunan negara ini sebelum dan sejak kemerdekaan.

Inilah sebab yang utama untuk satu golongan yang kecil dalam kaum India seperti IPF (Indian Progressive Front) yang sedang memburukkan nama baik MIC dan pucuk pimpinan MIC. Apabila mereka memegang jawatan penting dalam MIC mereka tidak menyuarakan masalah seperti ini dalam Dewan yang mulia ini ataupun di mana-mana tempat, tetapi pada masa kini, oleh kerana mereka sedang menentang Kerajaan, mereka sedang memburukkan nama baik MIC dan untuk membanteras sentimen kepada parti IPF dan parti-parti pembangkang, saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk memberi. . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Kepong bangun.

Tuan S.S. Subramaniam: Tidak ada jam untuk beri dia peluang, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak ada masa, ya?

Tuan S.S. Subramaniam: Tidak ada masa. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri.

Tuan S.S. Subramaniam: Saya ingin mohon kepada Kerajaan untuk memberi lebih kepentingan kepada kaum India yang telah tertinggal dari semua aspek pembangunan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengkaji dengan mendalam kedudukan kaum India dalam beberapa sektor Kerajaan, terdapat satu anggapan yang salah oleh kaum-kaum lain terhadap kaum India. Berkaitan dengan pekerjaan, terdapat satu pendapat di mana kaum India. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong bangun.

Tuan S.S. Subramaniam: Tidak ada masa.

Dr Tan Seng Giaw: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): On a Point of order.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, point of order. Yang Berhormat dari Segamat sekarang ini berucap untuk Prai. Kalau hendak berucap untuk Prai, pergilah ke Prai. Jadi, yang pentingnya dia tidak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Peraturan yang ke berapa?

Dr Tan Seng Giaw: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak terhad kepada perkara yang dibangkitkan sekarang. Itu untuk Prai sahaja dan boss dia pakai pakaian yang mewah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Biar saya buat keputusan, Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat dari Segamat boleh teruskan.

Tuan S.S. Sumbramaniam: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pekerjaan, terdapat satu pendapat dalam mana kaum India telah mengambil satu bahagian yang besar dalam pekerjaan-pekerjaan seperti doktor, peguam, doktor gigi dan doktor veterinar. Sebenarnya, jumlah bilangan profesional dalam 4 kategori tersebut dari kaum India adalah hanya 3,619 orang. Bilangan ini menjadi hanya 0.6% dari jumlah pekerja-pekerja dari seluruh kaum India di negara ini iaitu sejumlah 585,000 orang bagi tahun 1988.

Apa yang sebenarnya kita harus lakukan ialah untuk menaikkan bilangan orang-orang profesional dari kaum-kaum lain dalam 4 kategori tersebut dan ini bukanlah kesalahan dari kaum India dan saya dapati Kerajaan sedang mencapai satu kejayaan yang baik dalam perkara ini. Sebenarnya, jika kita mengambil kira kedudukan kaum India dalam lain-lain kategori pekerjaan, kita akan dapati seperti berikut: Arkitek - 1.2%; Akauntan - 6%; Jurutera Perunding - 5%, Surveyor - 3% dan sebagainya dan trend bilangan semuanya sedang menurun dari setahun ke setahun. Perkara ini telahpun dijelaskan dalam MPEN dan Laporan MPEN telah memberi perhatian yang serius di atas perkara ini. Tetapi nampaknya dalam Rancangan Malaysia Keenam kita tidak mengambil berat masalah pekerjaan yang dihadapi oleh kaum India, iaitu mereka tidak dapat peluang dalam Kerajaan dan juga dalam swasta untuk peringkat atasan.

Saya ingin mohon kepada Kerajaan untuk memberi perhatian yang serius di atas perkara ini oleh kerana jika masalah ini tidak dapat diatasi, kita boleh dapat lihat banyak bilangan orang India yang akan bekerja di negara ini sebagai pekerja-pekerja buruh di ladang-ladang, di lombong-lombong, kilang-kilang dan Majlis-majlis Daerah dan Dewan-dewan Bandaraya, juga pekerjaan seperti drebar dan pengawal. Adakah kedudukan ini sesuai dengan matlamat Rancangan Malaysia Keenam dan juga Wawasan 2020?

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekonomi satu sektor yang amat penting ialah sektor ekuiti. Sebenarnya kaum India mempunyai hanya 1% ekuiti dalam negara kita di dalam tahun 1970 dan pada tahun 1990 ini telah meningkat kepada 1.1%.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong bangun lagi.

Tuan S.S. Subramaniam: . . . iaitu satu pencapaian 0.1% dalam tempoh 20 tahun. Perkara ini juga telahpun dibincangkan dengan mendalam dalam persidangan MPEN dan MPEN telah menyokong dengan penuh matlamat ini. Perenggan 624 dan 625 dalam Laporan MPEN telah menyokong seperti berikut, saya quote:

“Memandangkan pemilikan ekuiti kaum India tidak bertambah sejak tahun 1970 dan kekal di dalam lingkungan 1% sahaja dari jumlah saham di sektor korporat, langkah khusus perlu diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Antara langkah yang harus diambil ialah:

- (i) mewujudkan satu agensi amanah atau tabung amanah skim penyertaan saham dengan bantuan modal dari Kerajaan untuk membantu kaum India memiliki ekuiti dalam sektor korporat.
- (ii) membolehkan penyertaan berkesan kaum India di sektor kewangan melalui pemilikan-pemilikan saham majoriti dalam sekurang-kurangnya satu bank, satu syarikat kewangan dan satu syarikat insurans.
- (iii) langkah yang telah digunakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kedudukan kaum bumiputera dalam sektor korporat selama 20 tahun lampau perlu dijadikan panduan bagi langkah Kerajaan untuk membantu kaum India.
- (iv) bagi kaum minoriti lain yang menghadapi masalah yang sama seperti kaum India, langkah khusus dan serupa haruslah diambil untuk meningkatkan kedudukan mereka.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan apakah yang telah terjadi dengan sokongan ini. Ini bukanlah sokongan satu parti politik ataupun satu golongan tertentu. Ini adalah pendapat semua pihak MPEN. Apakah sebabnya perenggan ini tidak diambil kira dalam mana-mana perenggan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan adakah ini bermakna kaum India dan kaum-kaum minoriti boleh diabaikan dan dilupakan oleh Kerajaan kita.

Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Keenam ini Kerajaan akan membantu kaum India untuk memperolehi satu tabung amanah, satu syarikat insurans, satu syarikat kewangan dan satu bank India. Oleh kerana tanpa asas seperti ini kaum India akan dijejaskan kepada satu taraf yang tidak diingini tidak lama lagi. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, 3 institusi kewangan iaitu Bank Buruh, United Asian Bank, CCB dan syarikat-syarikat lain seperti insurans yang telah dipegang oleh kaum India beberapa lama telah diambilalih oleh kaum-kaum lain. Saya ingin bertanya, adakah ini munasabah dan saya berharap ini tidak akan berlaku dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya ingin membawa kepada perhatian pihak Kerajaan satu asas yang penting untuk negara kita mencapai satu peringkat pembangunan dalam sektor sains dan teknologi seperti yang telah diterangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini dan juga Wawasan 2020. Apa yang saya maksudkan ialah kepentingan bahasa Inggeris yang telahpun ditinggalkan ke belakang oleh negara kita pada 20 tahun yang lampau.

Saya ingin memuji pihak Kerajaan yang sedang mengambil tindakan yang amat positif dalam perkara ini untuk kita mencapai satu kejayaan dalam bahasa ini secepat mungkin. Tetapi, pada pendapat saya, kedudukan bahasa Inggeris dalam pentadbiran Kerajaan kita amat berkurangan oleh kerana saya

sendiri telah memerhatikan beberapa pihak yang memegang jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan kita dengan kegunaan bahasa Inggeris yang tidak memuaskan.

Saya ingin bertanya, jika mereka tidak fasih dalam bahasa Inggeris, bagaimanakah mereka akan menaiki taraf pengetahuan mereka dalam dunia moden ini dan juga untuk berkhidmat kepada negara kita? Dunia pada masa kini sedang maju dengan satu kadar yang kita tidak boleh fikirkan. Dari kenderaan ke komunikasi, negara-negara lain sedang maju dengan satu kadar yang kita tidak boleh anggap dan teknologi yang mereka gunakan sedang berpindah dengan begitu cepat. Jika kita tidak fasih dalam bahasa Inggeris di mana terdapat semua pengetahuan pemindahan dan kemajuan dalam sains dan teknologi, kemajuan kita akan terjejas seperti yang sedang berlaku di negara-negara jiran kita. Tetapi apabila kita mengkaji kedudukan negara Singapura, kita dapati negara ini sedang maju dengan begitu pesat. Walaupun negara ini tidak mempunyai apa-apa sumber selain daripada sumber manusia oleh kerana mereka sedang mengutamakan bahasa Inggeris dalam semua aspek Kerajaan dan juga dalam swasta.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sedang bekerja dengan bersungguh-sungguh dan telah mengadakan satu sistem automatik untuk menterjemahkan bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, saya berpendapat Dewan Bahasa tidak boleh berjaya untuk menterjemah semua pengetahuan yang berada dalam bahasa Inggeris oleh kerana bukan sahaja buku-buku teks harus diterjemahkan tetapi juga beribu-ribu majalah dan lain-lain berita harus diterjemahkan untuk kita mengikuti pembangunan dalam dunia ini.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan, marilah kita membenarkan bahasa

Inggeris juga sebagai bahasa rasmi kita. Marilah kita menggalakkan kegunaan bahasa Inggeris dalam semua peringkat Kerajaan dan persekolahan dan janganlah kita menolak surat-surat yang telah ditulis dalam bahasa Inggeris dalam mana-mana peringkat Kerajaan. Tanpa satu langkah yang drastic seperti ini, saya berfikir hasrat Kerajaan untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris dan juga membawa negara kita kepada satu taraf maju dalam tahun 2020 tidak boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan lagi sekali ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membentangkan satu rancangan yang amat penting kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Belud.

4.23 ptg.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jika kita menoleh ke belakang sejak kita mula merdeka dahulu, tentu sekali kita tidak dapat menafikan betapa negara kita telah mencapai begitu banyak pembangunan dan kemajuan di berbagai bidang secara perbandingan sebelum itu. Segala pembangunan untuk kemajuan itu tentu sekali adalah hasil daripada Dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima.

Namun demikian, bila kita melihat secara terperinci dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru, walaupun bagi saya dasar itu adalah satu dasar yang baik, tetapi ternyata tujuan utama serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, masih belum dicapai lagi dengan sepenuhnya. Dalam konteks ini, kita masih jauh lagi dalam perjalanan. Bagi saya, kegagalan kita dalam sudut

yang dinyatakan itu bukanlah kerana Dasar Ekonomi Baru itu tidak baik, melainkan ianya akibat daripada cara perlaksanaannya yang tidak begitu sempurna. Untuk membolehkan kita mencapai tujuan utama tersebut dengan sempurna, maka tentu sekali Kerajaan perlu membuat satu dasar lagi, bukan sahaja untuk kesinambungan kepada Dasar Ekonomi Baru yang telah tamat tempohnya pada tahun lalu tetapi bagi melanjutkan usaha untuk terus membangunkan negara kita agar ianya akan mencapai kemajuan seperti yang diharapkan. Dan sudah barang tentu atas landasan inilah yang membawa kepada penggubalan satu lagi dasar Kerajaan yang baru iaitu Dasar Pembangunan Nasional seperti yang terkandung dalam RRJP2 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tanggal 17 Jun 1991 dan telahpun diluluskan. Malangnya saya tidak dapat peluang untuk membahaskan Usul tersebut.

Namun demikian, saya berkeyakinan bahawa ianya adalah satu dasar yang baik dan komprehensif kerana skopnya meliputi Wawasan 2020 dengan objektif untuk menjadikan negara ini satu negara yang maju di rantau ini setanding dengan negara-negara maju di dunia. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, betapa pun jua baik dan komprehensifnya dasar itu, kita mestilah mengambil iktibar daripada ketidaksempurnaan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dalam konteks pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akibat dari cara perlaksanaannya.

Mungkin demi untuk memastikan tahap pencapaian yang memuaskan, perlu mewujudkan satu badan atau, dengan izin, monitoring body, yang memastikan bukan sahaja objektifnya tercapai dengan sepenuhnya tetapi juga ia dilakukan secara adil dan saksama di kalangan negeri-negeri serta rakyatnya masing-masing yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum, kebudayaan dan kepercayaan yang terdapat di negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Rancangan Malaysia Keenam ini adalah lanjutan daripada Rancangan Malaysia sebelumnya dan sekali gus adalah merupakan langkah pertama untuk menuju ke arah Wawasan 2020, maka ianya haruslah dilaksanakan dengan penuh berhati-hati supaya sebelum melangkah lebih jauh, segala kelemahan yang terdapat daripada dasar terdahulu haruslah diperbetulkan. Mana-mana yang belum tercapai dalam rancangan terdahulu haruslah diberi keutamaan untuk diatasi dalam rancangan ini kerana hanya dengan cara seperti itu sahaja maka kita akan dapat melangkah dengan pastinya untuk mencapai kesempurnaan kepada Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, di awal-awal perbincangan saya ini saya telah memperkatakan mengenai satu bahagian Dasar Ekonomi Baru yang telah tidak tercapai dengan sepenuhnya iaitu dalam segi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Dalam hal ini, saya rasa tujuan saya adalah dalam keadaan kabur jika saya tidak mengambil peluang sedikit untuk memberi penjelasan lanjut mengenainya. Bagi hemat saya, satu langkah paling bermakna yang diambil oleh Kerajaan selepas rusuhan kaum dalam tahun 1969 untuk mencapai perpaduan nasional ialah dengan mengambil keputusan untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi terutamanya di antara golongan bumiputera dengan bukan bumiputera. Peralatan yang digunakan dalam tugas ini adalah Dasar Ekonomi Baru yang menjadi objektif utama Rancangan Malaysia Kedua dan rancangan-rancangan Malaysia yang seterusnya. Apa yang tersirat di sebalik falsafah Dasar Ekonomi Baru ini adalah keadilan sosial dan kesaksamaan. Matlamat asasnya adalah apakah kekayaan, pendapatan dan peluang ekonomi dengan adil dan saksama melalui pertumbuhan ekonomi. Pendek kata ia adalah satu dasar penting untuk memperkukuhkan pandangan Kerajaan bahawa objektif dan matlamat asas negara ini adalah perpaduan nasional.

Matlamat kedua tersebut dibayangkan sebagai asas untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu yang mana sangat penting untuk memastikan kesinambungan dan keselamatan negara ini.

Tujuan Dasar Ekonomi Baru dalam konteks ini adalah untuk memupuk perpaduan nasional dan pembentukan bangsa melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira perbezaan tentang kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan lokasi geografi. Matlamat-matlamat ini seharusnya telah dicapai dalam jangkamasa dua dekad iaitu dari 1971 hingga 1990.

Tuan Yang di-Pertua, untuk seterusnya izinkan saya menggunakan negeri Sabah sebagai contoh dalam huraian saya khususnya mengenai kemiskinan. Perangkaan pertama mengenai insiden kemiskinan dalam tahun 1971 hanya tertumpu kepada Semenanjung Malaysia sahaja di mana ia telah dikurangkan daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 7.1% dalam tahun 1990. Data pertama kali muncul bagi negeri Sabah pada tahun 1976 dicatatkan pada tahap 51.2%. Mengikut RRJP2, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia pada 1990 ialah 15%, di Sarawak 21% manakala di negeri Sabah ialah 34.3%. Secara perbandingan, insiden kemiskinan di Sabah adalah yang tertinggi sekali di negara Malaysia. Inilah yang saya maksudkan awal-awal tadi supaya satu monitoring body diwujudkan untuk memastikan supaya cara pelaksanaan dasar ini dilaksanakan dengan sempurna secara adil dan saksama di kalangan semua negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Jika kita kaji mengenai latarbelakang ekonomi negeri Sabah tidak siapa yang dapat menafikan bahawa ianya adalah salah sebuah negeri yang kaya dengan sumber aslinya dan salah satu negeri

yang memberi sumbangan besar dalam konteks ekonomi kepada Malaysia. Adalah tidak munasabah jika ianya masih menjadi satu negeri yang menonjol dengan kadar kemiskinan yang begitu tinggi secara perbandingan dengan negeri-negeri yang lain dalam Persekutuan Malaysia.

Saya harap ianya bukan disebabkan kedudukan Kerajaan Negerinya sebagai Pembangkang di peringkat nasional kerana PBS keluar BN hanya pada Oktober 1990 sedangkan pada tahun 1970 Kerajaan Sabah di bawah pemerintahan USNO dahulu pun kadar kemiskinannya sudah menonjol sebagai paling tinggi. Selama negeri tersebut di bawah pemerintahan Parti BERJAYA selama 9 tahun yang lalu pun demikian juga, walhal dalam segi pembangunan kemajuan, dalam segi serba-serbi pun jauh ketinggalan juga. Jadi ternyata ketinggian kadar kemiskinan dan ketinggalan pembangunan kemajuan dalam segala bidang di negeri Sabah tidak ada kena-mengena dengan kedudukannya sebagai Pembangkang di peringkat nasional. Saya sungguh merasa dukacita kerana keadaan kemiskinan dan pembangunan serta kemajuan yang sangat mengecewakan itu tetapi sebaliknya merasa kagum dengan Kerajaan kerana tidak mengaitkan dengan kedudukan Sabah sebagai Pembangkang di peringkat nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sifat Kerajaan Pusat seperti inilah yang menjadi harapan saya agar meskipun Kerajaan Negeri Sabah adalah Kerajaan Pembangkang di peringkat Pusat, namun ianya haruslah menerima hakikat bahawa Sabah masih lagi sesungguhnya sebahagian dari Malaysia dan seterusnya terus berusaha untuk menyelesaikan masalah kadar kemiskinan yang begitu tinggi dan memberi projek pembangunan yang menjadi keperluan rakyat Malaysia di Sabah.

Saya merayu kepada Kerajaan Pusat agar jangan terlalu mempercayai tuduhan-tuduhan bahawa kononnya PBS mempunyai rancangan untuk keluar

daripada Malaysia. Itu adalah tidak benar melainkan ianya adalah hanya tuduhan semata-mata. Saya sendiri adalah seorang ahli Majlis Tertinggi Parti PBS dan dengan hati yang jujur dan ikhlas saya nyatakan di sini bahawa saya tidak pernah mendengar topik itu dibangkitkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi PBS atau di mana-mana juga atau secara individu oleh para pemimpin PBS atau siapa juga orang perseorangan. Apa yang berlaku ialah memang benar bahawa kami kadangkala membincang sesuatu perkara berdasarkan kepada Malaysian Agreement dan kadangkala juga melibatkan 20 perkara seperti bila membincang mengenai soal permohonan universiti di Sabah serta permohonan tambahan royalti minyak, tetapi tujuan kami adalah ikhlas. Kami tidak mahu membangkitkan sesuatu yang tidak ada dalam peraturan Perlembagaan atau perjanjian. Tujuan kami untuk mendasarkan permohonan kami berasaskan kepada perjanjian Perlembagaan seperti Malaysian Agreement dan 20 points, dengan izin, adalah sebenarnya ikhlas yang bertujuan untuk melihat penjelmaan negara Malaysia sebagai satu negara yang teguh dan bersatupadu.

Sayogia dinyatakan di sini bahawa salah satu daripada perkara dalam 2 point iaitu kalau saya tak silap di point ke 7 menyatakan tidak ada negeri yang boleh menarik diri dari Malaysia dan kami menghormati itu dan kami buat sebagai satu pegangan hidup sebagai rakyat Malaysia di Sabah. Kalau benar Presiden Akar, Datuk Mark Koding ada mengetahui para pemimpin PBS membawanya dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi PBS, kenapa tidak melaporkan kepada polis sebaik sahaja ianya dipecat dari PBS. Kenapa tidak menggunakannya sebagai satu isu dalam pilihanraya kecil N.14 Ranau di mana beliau sendiri jadi calon menentang calon PBS di satu masa dahulu. Kenapa tidak digunakan sebagai isu untuk menjatuhkan PBS dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah dan pilihanraya Parlimen yang

lalu sedangkan beliau mengetahui bahawa itu adalah satu senjata yang paling kuat dan tajam untuk menjatuhkan PBS pada masa itu? Kenapa pula bila ada orang perseorangan atau parti politik yang ternyata bersungguh-sungguh membawa PBS kembali kepada BN, barulah mereka berkenaan mengeluarkan tuduhan-tuduhan seperti itu. Dalam persoalan ini biarlah saya serahkan kepada kita semua untuk mencari jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu bukti lagi bahawa kita tidak bertujuan seperti yang dituduh ialah meskipun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat cabaran kepada para MP PBS untuk membenteng usul mengenai 20 perkara di Dewan Parlimen, dalam ucapan beliau di salah sebuah kampung dalam Daerah Kota Belud di satu masa dahulu serta telah mendapat liputan secara besar-besaran oleh akhbar tempatan, tetapi kita tidak mahu berbuat demikian kerana kita bukan bertujuan seperti yang dituduh atau disangka. Tetapi jika benar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan atau Kerajaan menganggap perlu berbincang mengenai 20 perkara itu maka saya rasa bukan di Parlimen tempatnya kerana 20 perkara itu bukan berasal dari Parlimen, ianya berasal daripada rakyat jelata Malaysia yang tinggal di Sabah. Saya fikir ada baiknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memanggil kami para MP PBS serta pemimpin-pemimpin PBS yang lain untuk menjelaskan tujuan masing-masing demi untuk persefahaman dalam satu perjumpaan supaya tidak ada salah sangka di antara satu sama lain. Kalau itu tidak cukup maka barulah jalan yang lain akan dicari dan mungkin jika perlu membawa perkara ini balik kepada asalnya, iaitu kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup puashati di sini kerana telah mendapat peluang untuk memperjelaskan keadaan

sebenarnya untuk menggambarkan keikhlasan dan kejujuran kami dalam hal yang dinyatakan ini. Di sini saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Ghafar Baba yang menyatakan bahawa beliau telah jatuh cinta kepada rakyat Sabah di satu masa dahulu ketika melawat Sabah dan beliau juga menyatakan akan melawat Sabah sebulan sekali. Beliau telah menyatakan demikian menerusi ucapannya ketika melawat, kalau saya tak silap, di Kunak pada baru-baru ini. Kenyataan seperti itu adalah daripada seorang pemimpin agung seperti beliau adalah amat dialu-alukan. Sepatutnya semua pemimpin di peringkat Kerajaan Pusat seharusnya mencintai semua rakyat di negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia kerana apa juga negeri dan pemerintahannya, sama ada BN atau Pembangkang, selagi ianya di dalam Persekutuan Malaysia, ia tetap tertakluk kepada Kerajaan Pusat dan rakyatnya masih tetap menjadi rakyat kepada Kerajaan Pusat dan perlu dicintai oleh para pemimpin Kerajaan Pusat. Justeru itu, saya harap agar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan tidak jatuh cinta kepada segolongan tertentu sahaja tetapi hendaklah meliputi seluruh masyarakat tanpa mengira fahaman politik, termasuk masyarakat PBS kerana mereka pun mengakui hakikat bahawa mereka juga berhak untuk dicintai olehnya kerana mereka juga adalah tertakluk kepada Kerajaan Pusat. Dengan cara demikian maka terpujuklah persefahaman di antara satu sama lain. Kalaulah sifat-sifat demikian telah diamalkan oleh para pemimpin Pusat dahulu, nescaya PBS tidak akan keluar daripada BN kerana PBS merasa bahawa ianya tidak dicintai dan tidak disayangi, maka barulah ianya mengambil tindakan untuk keluar BN. Dengan cara demikian maka terpujuklah persefahaman di antara satu sama lain semoga ianya akan boleh membawa kepada perpaduan yang lebih erat demi untuk negara Malaysia yang bersatupadu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk bercakap sedikit mengenai projek pembangunan khusus sekali di kawasan saya P.136 Kota Belud. Pertama mengenai projek untuk rakyat termiskin. Berdasar kepada data yang terdapat dalam buku Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 kadar rakyat termiskin di Sabah pada tahun 1990 ialah 8.5%. Di kawasan saya, Kota Belud juga adalah tidak ketinggalan dengan masalah rakyat termiskin ini. Sejak beberapa tahun yang lalu rakyat termiskin ini telahpun dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri, bagaimanapun saya difahamkan bahawa sejak PBS keluar dari BN, saya difahamkan bahawa rakyat termiskin yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri tidak diterima oleh pihak berkuasa Kerajaan Pusat dan di sebaliknya Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan untuk membuat kajian sendiri. Dalam hal ini saya merayu pihak berkuasa Kerajaan Pusat agar memberi pertolongan kepada mereka yang benar-benar layak tanpa memilih fahaman politik kerana siapa juga mereka adalah tetap tertakluk kepada Kerajaan Pusat dan layak mendapat bantuan Kerajaan Pusat. Oleh itu, saya bermohon agar mereka yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia yang mana saya percaya butir-butirnya telahpun dikemukakan kepada pihak Jabatan berkenaan agar diberi bantuan sebagaimana mereka diperlukan layak.

Kedua, mengenai bekalan tenaga elektrik luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak \$979 juta untuk tenaga termasuk \$760 juta untuk bekalan tenaga luar bandar. Ini membolehkan bekalan elektrik 100% di Semenanjung Malaysia, 77% di Sarawak dan 73% di Sabah. Meskipun saya kecewa kerana peruntukan diberikan kepada Sabah adalah yang terendah sekali secara perbandingan, namun saya tidak berputus asa untuk terus merayu kepada Kerajaan Pusat agar memberi

layanan yang sama dengan lain-lain negeri dalam Malaysia kepada negeri Sabah. Dalam hal ini saya mohon untuk menyebut kampung-kampung yang pernah saya kemukakan sejak penggal yang lalu bagi tujuan untuk mendapatkan bekalan tenaga elektrik, iaitu yang terdapat di kawasan N.9 Kedamaian seperti Kg. Tebusan, Kg. Lasau Tentapen, Kg. Sg. Tembolian, Kg. Borah Santobolian, Kg. Gensurai, Kg. Tenatak, Kg. Pedas dan Kg. Belawan. Dan kawasan N.8 Usukan; Kg. Kelambai, Kg. Kelambai Dundan, Kg. Tg. Batu, Kg. Pengkalan Abai, Kg. Pongput, Kg. Ambang, Kg. Panih, Kg. Pandai Amas dan Kg. Seberang Punggor. Dan dalam kawasan N.7 Tempasuk; Kg. Sangkir, Kg. Batong, Kg. Mentenal, Kg. Timbang, Kg. Dudar, Kg. Teburan, Kg. Rosap, Kubang Kahak dan Kg. Kandis.

Selain daripada itu, saya juga merayu mini-hidro yang telah beberapa kali saya utarakan di Dewan yang mulia ini dapat kiranya dimulakan pelaksanaannya dalam kadar segera untuk menampung keperluan tenaga elektrik di Kampung Kia Hulu, Kampung Kia Teberik, Kampung Kia Bersatu, Kampung Kia Tenabu, Kambung Lubong-lubong dan Kampung Gaung. Bila saya bertanya mengenai kampung-kampung tersebut dalam Mesyuarat Parlimen di suatu masa dahulu maka jawapannya ialah akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Jadi, saya harap ianya akan menjadi realiti dalam Rancangan ini.

Perhubungan Asas Jalanraya

Pada tahun 1988, saya telah mengemukakan satu pertanyaan mengenai cadangan membuat jalan raya yang dipanggil Borneo-Tuaran-Kota Belud By-pass, dengan izin, dan jawapan yang diberikan oleh Menteri berkenaan pada ketika itu ialah rekabentuk pelan cadangan berkenaan sudah pun siap dibuat dan jika keadaan ekonomi negara

mengizinkan, maka ianya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Jadi, saya harap jalan raya ini akan dapat dilaksanakan dalam rancangan ini.

Pendidikan

Di satu masa dahulu, saya juga telah mengemukakan permohonan pembinaan beberapa buah sekolah di Kota Belud seperti berikut:

- (i) Cadangan Sekolah Menengah Kebangsaan di Surup untuk menampung keperluan para penuntut sekolah menengah di Zon Utara Kota Belud, dan jawapan yang diberikan ialah telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Saya harap perkara projek ini menjadi realiti dalam Rancangan tersebut. Dan begitu juga kepada beberapa sekolah rendah seperti di Kg. Pinalabu dan Kg. Kolok Kokun.

Kesihatan

Pada masa ini, saya mempunyai satu masalah iaitu akibat kakitangan doktor pakar bagi unit rawatan barah atau, dengan izin, cancer, penyakit buah pinggang dan penyakit jantung. Biasanya pesakit-pesakit yang mengidap penyakit itu dihantar sama ada di Hospital Kuching, Sarawak ataupun Hospital Besar Kuala Lumpur. Masalah yang timbul ialah meskipun pesakit itu ditanggung tambang percuma dan juga pengiringnya pergi ke Kuala Lumpur tetapi bagi kes-kes di mana diperlukan untuk menghantar pengiringnya bersama adalah berhadapan dengan masalah ketiadaan tempat tinggal ketika berada di Kuala Lumpur. Mahu tidak mahu, terpaksa tidur.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada satu minit lagi untuk menggulung.

Tuan Maidom P. Pansai: Satu minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Satu minit lagi.

Tuan Maidom P. Pansai: Lima minitlah, fasal dulu RRJP2 saya tidak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Satu minit lagi.

Tuan Maidom P. Pansai: Kalau begitu susahlah. Sebab itu, saya ketepikan begitu sahajalah points yang saya telah sediakan. Bagaimanapun, saya mohon setakat mana yang saya telah kemukakan itu agar dapat dipertimbangkan secara positif dan saya fikir saya sudah kehilangan apa yang hendak dibuat dalam masa satu minit itu melainkan untuk menyatakan sokongan saya kepada Usul ini. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dungun.

4.44 *ptg.*

Tuan Haji Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sejak beberapa hari yang lalu, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menyatakan kesyukuran ke Hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah mengilhamkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang dapat menjemahkan idealisme perjuangan masing-masing untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanahair menerusi dasar-dasar yang dinamik, progresif dan konstruktif. Rancangan Malaysia Keenam yang menelan peruntukan sebanyak \$104,000 juta ini adalah merupakan tangga permulaan dalam pendakian Dasar Pembangunan Nasional yang menuju ke matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam apabila dibaca sekaligus dengan Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020 adalah membayangkan hasrat dan aspirasi pucuk pimpinan negara untuk melahirkan "The New Malaysian" yang berasaskan kepada kekuatan akidah atau ketinggian moral, kemantapan ekonomi, kestabilan politik, ketinggian ilmu pengetahuan, taraf kesihatan yang tinggi dan keadaan sosial yang harmoni. Kelahiran generasi yang diasaskan kepada kriteria-kriteria di atas itu adalah diharapkan agar dapat melahirkan sebuah negara Malaysia maju seperti yang tersurat dan tersirat dalam falsafah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha melahirkan generasi yang berorientasikan akidah, ketinggian moral dan keluhuran budi dalam dekad mutakhir ini terlalu penting, khususnya dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Di samping kita berusaha untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan kadar kemiskinan, melengkapkan hospital-hospital dengan peralatan yang canggih, barangkali perlu dilihat juga ke arah melahirkan kumpulan insan yang mempunyai komitmen dan akauntabiliti terhadap tindaklaku yang dilakukan oleh mereka setiap hari. Kita tidak mahu melihat sepanjang perjalanan menuju matlamat Wawasan 2020 ini ada lahir, sama ada dari golongan profesional ataupun tidak profesional, mereka yang akan mempertahankan kebatilan di sebalik ciri-ciri yang rapuh dan sangat tidak muktabar ataupun berautoriti.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita pun khuatir rakyat di negara kita sekali-sekala berada di dalam keraguan apabila timbul skandal-skandal besar terjadi di kalangan profesional yang terlatih yang kita yakin boleh menyumbangkan kepada negara yang barangkali asas awal profesional mereka adalah menurut ciri-ciri yang tidak berpijak kepada akidah yang betul. Lihat

sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, kepada skandal-skandal yang berlaku di dalam negara kita dari sejak dahulu hingga ke saat-saat mutakhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan generasi yang akan mendukung cita-cita falsafah Wawasan 2020 ini, usaha mentarbiahkan rakyat ke arah memupukkan kesedaran hendaklah dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Bukan sahaja oleh pihak Kementerian Pendidikan tetapi juga oleh semua pihak yang bertanggungjawab dan yang ada relevant ataupun kaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan seyakini-yakinnya dengan penggembelangan tenaga antara rakyat dan Kerajaan yang dibantu oleh pegawai-pegawai yang bersih, cekap dan amanah serta peralatan moden dan canggih, cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang hendak menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam Tahun 2020 ini, insya-Allah, akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua,

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong bangun. Kepong hendak minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak satu dua ayat tadi memang bercita-cita seperti DAP kerana barulah dia sedar bahawa ada skandal-skandal. Adakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa sebelum seseorang itu diambil menjadi penuntut untuk kursus-kursus profesionalisme dikenakan satu ujian ataupun ditafsir berasingan selain daripada kelayakan peperiksaan? Dan adakah dia sedar bahawa semalam ada Ahli dari Parit yang Sulong ini yang bersengau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulongkah ataupun Parit yang sulong?

Dr Tan Seng Giaw: Parit Sulong ataupun Parit yang sulong kerana dia kata "Sengau". Sengau, S-E-N-G-A-U. Saya pun tidak tahulah sama ada Yang Berhormat mengambil perhatian semalam.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kami daripada parti Kerajaan lebih bertanggungjawab daripada DAP yang sentiasa menjadikan isu-isu remeh-temeh untuk kepentingan parti mereka. Jadi, tidak payahlah saya jawab lebih daripada itu. Kalau hendak, kita di luar senang.

Tuan Yang di-Pertua, bila Wawasan 2020 tercapai kira-kira 30 tahun lagi Malaysia akan menjadi negara maju dan kemajuan yang akan kita jelmakan nanti, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja untuk dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia tetapi untuk keperluan dan kepentingan manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita terus berkhidmat di peringkat antarabangsa dalam pasaran terbuka, persediaan yang canggih perlu diadakan. Antara lain, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya:

- (i) usaha memecahkan tembok monopoli negara maju terhadap negara yang sedang membangun mesti diadakan;
- (ii) mengadakan usaha untuk mendapatkan pasaran yang berpotensi di negara-negara di dunia termasuk di Benua Afrika, bukan di Afrika Selatan, lihatlah kita tengok perkembangan bagaimana Afrika Selatan diselesaikan;
- (iii) menyediakan mekanisme penggalakan perdagangan di antara negara dengan mengadakan beberapa cara ataupun menyediakan kemudahan-kemudahan kewangan termasuk peraturan urusan bank di antara

sektor swasta. Kita tidak mahu sektor swasta terlalu bertumpu kepada keuntungan monetary atau kewangan semata-mata sedangkan keuntungan kerohanian diabaikan. Banyak syarikat-syarikat besar yang membolot semua kegiatan perniagaan berkaitan tidak langsung memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan mengambil bahagian dalam downstream activity. Ini amat merugikan negara.

Dari segi pertumbuhan ekonomi negara, kehadiran mereka dapat meningkatkan pendapatan per kapita dan mengurangkan kadar pengangguran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk hari ini. Boleh sambung esok.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

dua buah bank pusat atau pihak berkuasa kewangan termasuk juga memorandum persefahaman di antara dua Kerajaan bagi mengenalpasti barangan bagi perdagangan dan penubuhan satu agensi promosi perdagangan dan pertubuhan perdagangan di setiap negara bagi mewujudkan perdagangan secara positif. Contohnya, kalau kita boleh lihat, seperti perjanjian yang telah dibuat di antara Bank Pusat Venezuela dengan Bank Negara Malaysia pada 3-8-90; Bank Markazi di Iran dengan Bank Negara Malaysia pada bulan Ogos tahun 1988; Bank Pusat Mexico dengan Bank Negara Malaysia pada 24-9-90 dan Bank Pusat Nigeria dengan Bank Negara Malaysia pada 7-9-90;

- (iv) bukan itu sahaja, malah patut diadakan juga penubuhan satu peraturan pembayaran berbagai hala di antara rantau yang boleh melicinkan lagi perjalanan perdagangan antarabangsa;
- (v) boleh juga kita menghapuskan apa jua trade restriction yang ada yang boleh menghalang dan mengganggu hubungan dagangan di antara negara-negara; dan
- (vi) berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan antara negara-negara sama ada darat, laut dan udara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam sumber gas negara mempunyai potensi untuk dieksport di samping menggalakkan penggunaannya secara langsung dalam sektor perindustrian, perdagangan dan kediaman. Gas asli sesuai menggantikan minyak memandangkan saiz rizabnya serta daripada segi kebersihan alam sekitar, keupayaannya yang tinggi dan kos ekonomi yang rendah.

Menjelang 1995 nanti gas dijangka mencapai kira-kira 30% daripada bekalan tenaga komersial utama berbanding 27% pada tahun 1990 yang lalu. Manakala pembahagian minyak berkurangan lagi dari 59% kepada 52%. Pengurangan pergantungan ke atas minyak bukan hanya dapat mencapai objektif mempelbagaikan tenaga, malahan membolehkan negara meningkatkan eksport minyaknya bagi memperolehi pertumbuhan pertukaran asing serta mengurangkan import minyak.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, projek penggunaan gas Semenanjung Fasa 2 (PGU 2) sepanjang 730 km dijangka siap tahun ini yang akan membolehkan rangkaian penyaluran gas sampai ke pusat-pusat pertumbuhan di kawasan barat dan selatan Semenanjung. Projek PGU 2 yang bernilai kira-kira \$2,400 juta mempunyai kapasiti awal menyalurkan 700 juta kaki padu gas sehari dan boleh ditingkatkan kepada kira-kira 1,000 juta kaki padu gas sehari dengan pertambahan compressor gas. Apabila siapnya, Tuan Yang di-Pertua, saluran gas itu ia akan menandakan bermulanya eksport gas ke Singapura bagi memenuhi keperluan penjana kuasa di negara itu dan juga ke negeri Siam barangkali. Saluran paip gas ini, memang bermula di Terengganu, dari Kerteh, dibawa ke Johor terus ke Singapura. Lepas itu naik ke Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan terus ke Kedah serta ke Siam. Jadi, dengan kata-kata yang lain, paip gas yang sepanjang itu bypass sahaja Terengganu.

Jadi, apabila kita melihat Rancangan Malaysia Keenam yang menumpu kepada pengagihan projek yang cara saksama, di sini, nampak sangat ketidaksaksamaan pembahagian ini. Kami di Terengganu sentiasa ditanya oleh rakyat bila lagi pelabur asing hendak datang dan kita sering menjawab kita tunggu infrastruktur yang cukup untuk mereka datang. Tetapi setiap kali

kita merencanakan infrastruktur ini, maka Terengganu tidak sangat dianaktirikan tetapi semacam, saya guna word "semacam" dilupakan sedikit ataupun buat sementara waktu.

Kita berbincang dengan pihak-pihak yang tertentu, katanya kita tidak boleh mengadakan saluran paip gas ini di Terengganu kerana memakan ongkos lebih kurang \$200 juta. Apalah sangat, \$200 juta ini kalau kita hendak compensatekan, kita hendak bayar segala kezabab, kesangsaraan rakyat Terengganu yang mengalami ini semasa Terengganu mundur dahulu. Jadi, ini menerusi Dewan yang mulia ini, saya memohon di atas nama Ahli Parlimen dari Dungun, Terengganu untuk Kerajaan, khususnya PETRONAS memikirkan semula aliran paip gas sama ada dari laut terus ke Besut dan balik ke Kerteh, termasuk Dungunlah. ataupun bawa daripada Siam balik ke Kelantan dan terus ke Terengganu balik. Pokoknya kita mahu prasarana ini ada di Terengganu dan sekira-kira rakyat di Terengganu dapat berusaha mengembelangkan tenaga bersama membangunkan negara kita ini melalui rancangan-rancangan termasuk Rancangan Malaysia Keenam ini untuk matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam kita ada dapati \$18,966 juta untuk menyambung projek-projek yang terbengkalai dalam Rancangan Malaysia Kelima dahulu. Apabila dikaji sebab-sebab tergendalanya projek-projek ini banyak diberi oleh so-called professionals ataupun expertise (pakar-pakar), antara lain ialah perancangan, antara lain ialah barangkali teknikal, antara lain ialah banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak single out satu masalah sahaja. Saya tidak nampak perancangan ini, bukan tidak nampak, saya mengatakan perancangan kadang-kadang kita tidak

berapa cermat. Misal kata empat tahun yang lalu di kawasan saya telah dirancangkan untuk mengadakan satu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan rancangan ini mendapat restu Kerajaan Negeri.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya pun pergi letak batu asas MRSM ini, tetapi enam bulan selepas itu, MRSM ini dipindahkan ke satu tempat yang lain. Kita bertanya dengan pihak MARA pada waktu itu, maka dijawablah oleh Pengerusi MARA pada waktu itu mengatakan bahawa MARA meneliti bahawa pembangunan di satu tempat yang dialihkan oleh MRSM ini tidak ada di Dungun, tetapi apabila kita meneliti jawapan ini dengan fakta yang ada di hadapan kita, terdapat bahawa apa yang dikatakan dan didakwakan oleh Pengerusi MARA pada waktu itu tidak menepati.

Jadi, hal-hal yang sebegini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh terus menerus berlaku khususnya di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Kemudian, sudahlah tidak jadi MRSM, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi melawat tempat itu, kita beritahu perkara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, tidak apalah, kita ganti dengan sebuah Politeknik. Rakyat di Dungun pada waktu itu sungguh suka hati apabila dikatakan untuk diganti dengan sebuah Politeknik, tetapi dua bulan yang lepas kata pakar daripada pihak Kementerian Pendidikan, dari segi teknikalnya, ataupun sebab-sebab tekniknya tidak viable diadakan sebuah Politeknik di dalam kawasan Terengganu Tengah, ataupun KETENGAH khususnya satu bandar yang bernama Almuktahfi Billah Shah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merayu kepada pihak Juruteknik-juruteknik ataupun profesional di Kementerian Pendidikan supaya melihat lebih jauh sedikit daripada apa yang

dilihatnya sekarang. Apabila kita melihat ke tempat-tempat lain di luar negara umpamanya, kalau kita lihat Oxford, kalau kita lihat Cornell di United States, Oxford di UK, kita dapati ini kampung, perkampungan tetapi hidupnya kampung ini adalah diasaskan kepada institusi pengajian tinggi. Jadi, kalau kita hendak bina, hendak buka kampung kita, apa salahnya kita meneruskan projek mengadakan Politeknik ini, di samping kita dapat mendirikan sebuah institusi pengajian, di samping itu juga kita dapat membuka hutan ataupun membuka kampung yang kecil ini menjadikan kampung besar.

Lihat sahaja dalam negara kita seperti Kajang atau Bangi, satu waktu dahulu, 20 tahun yang lalu Bangi is nowhere, tetapi apabila kita bangunkan sebuah universiti yang bernama Universiti Kebangsaan, maka Bangi sudah bangun dan Kajang juga sudah hidup. Inilah konsep ataupun cara kita hendak membangunkan negara kita ini dengan secara saksama dan adil. Akhirnya . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada satu minit lagi ya.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tak sampai satu minit pun. Saya menyokong Rancangan Malaysia Keenam ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kapit.

5.04 ptg.

Tuan James Jimbun Anak Punga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Julai 1991 yang lepas.

Bagi pihak rakyat kawasan Kapit, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kejayaannya membentangkan

Rancangan Malaysia Keenam. Rancangan ini adalah bukti keazaman Kerajaan untuk membangunkan negara kita ke arah penyampaian Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut baik tekad Kerajaan untuk terus memerangi kemiskinan tidak mengira bangsa. Dengan tekad ini saya yakin Rancangan Malaysia Keenam memberi harapan dan nafas baru kepada rakyat termiskin khususnya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak berterima kasih atas peruntukan \$3,200 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam. Walaupun angka ini menunjukkan peningkatan peruntukan dari apa yang diberi dalam Rancangan Malaysia Kelima, kami merasa negeri Sarawak harus diberi peruntukan lebih tinggi. Negeri Sarawak memerlukan peruntukan yang lebih tinggi kerana sepertimana yang telah dimaklumkan umum, negeri Sarawak memang tertinggal jauh dalam semua segi pembangunan. Maka, untuk membolehkan Sarawak mengejar kadar pembangunan di Semenanjung Malaysia, Sarawak perlu diberi peruntukan yang lebih tinggi. Sarawak dengan kawasan yang begitu luas memerlukan pembangunan khususnya infrastructure development, dengan izin, untuk membawa sebahagian besar rakyat luar bandar Sarawak ke aliran pembangunan negara. Oleh yang demikian, saya menyeru bahawa peruntukan lebih akan ditimbang untuk negeri Sarawak dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu peruntukan yang besar untuk pelbagai negeri yang mengandungi jumlah sebanyak \$19 billion. Dari jumlah peruntukan ini, berapa banyakkah yang akan diberi kepada negeri Sarawak dan apakah jenis projek atau program berkenaan? Saya minta Menteri yang

bertanggungjawab memberi keterangan bagi setiap buah negeri di Malaysia yang akan mendapat faedah daripada peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sungguh baik hati sudahpun meluluskan serta mengagihkan peruntukan bagi perbelanjaan pembinaan hospital baru di Sibu, Miri dan extension of General Hospital Kuching, dengan izin. Kami mengucapkan terima kasih atas peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi peruntukan yang sebegini tidak ada diberi untuk penduduk di luar bandar bagi pembinaan lebih banyak lagi klinik desa, hospital daerah dan poliklinik. Oleh yang demikian, kami meminta peruntukan yang sebegini dipertimbangkan semula supaya boleh digunakan untuk membaiki perkhidmatan kesihatan bagi penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman, lebih-lebih lagi di negeri Sarawak. Di sini saya sekali lagi merayu dan meminta supaya Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan memberi peruntukan untuk membina sebuah Hospital Daerah di Song, Bahagian Kapit di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut nisbah doktor dan penduduk di negeri Sarawak, seorang doktor bagi 5000 orang. Kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, seorang doktor bagi 2,857 orang penduduk sahaja. Kadar di Sarawak begitu tinggi. Dengan ini kami di negeri Sarawak sepatutnya diberi lebih banyak lagi doktor supaya dapat memberi perkhidmatan perubatan yang lebih baik terutama untuk rakyat yang tinggal di kawasan pesisiran dan pedalaman di hulu sungai negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan bagi meningkatkan lagi

perkhidmatan perubatan ke kawasan pedalaman dengan membina lebih banyak poliklinik dan klinik desa atau dinaikkan taraf supaya membolehkan doktor ditempatkan di kawasan pedalaman bagi memenuhi keperluan perkhidmatan perubatan yang semakin meningkat pada masa ini. Bagi mereka yang tinggal dalam kawasan pedalaman yang jauh atau tidak mempunyai klinik desa untuk memberi perkhidmatan perubatan, maka masalah ini menjadi rumit apabila tidak ada juga kemudahan perhubungan jalan raya di mana mereka bergantung sepenuhnya kepada perhubungan pengangkutan air sungai sahaja. Oleh yang demikian, saya berharap supaya perkara yang sebegini perlu diberi perhatian dan disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, kami penduduk di Sarawak ingin meminta penjelasan mengapakah sebanyak peruntukan untuk rakyat termiskin dikurangkan dari \$21 juta ke \$11 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ini? Walaupun kadar kemiskinan di negeri Sarawak telah turun dari 24.6% dalam tahun 1987 ke 21% dalam tahun 1990, tetapi sekiranya dibandingkan dengan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1990 ianya 17.3%. Ini bermakna masih banyak lagi rakyat termiskin di negeri Sarawak. Mereka ini kebanyakan tinggal di hulu-hulu sungai dan kawasan pedalaman di mana tidak pernah ada proper census dengan izin, yang telah dikerjakan untuk negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, peruntukan ini perlulah ditambah supaya lebih banyak golongan orang miskin yang diam di kawasan pedalaman mendapat faedah dari skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada penduduk negeri Sarawak di kawasan pedalaman masih bergantung sangat kepada penggunaan perhubungan pengangkutan air sungai seperti

menggunakan bot ekspres, perahu panjang, enjin sangkut menjadi perhubungan yang sangat penting di Sarawak, terutamanya di kawasan yang tidak ada mempunyai kemudahan jalanraya.

Oleh yang demikian, selama ini tidak ada peruntukan dari Kerajaan Persekutuan diterima bagi keperluan pengangkutan air. Dengan ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Negeri Sarawak memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi keperluan dalam pembangunan pengangkutan air di kawasan persisiran dan di sungai diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta peruntukan dari Kerajaan Persekutuan untuk membersihkan serta meletupkan batu-batu yang terdapat di Jeram Wong Pelagus yang telah menjadi penghalang utama kepada masalah pengangkutan air apabila musim kemarau. Apabila musim kemarau bermula, semua jenis pengangkutan air susah hendak melalui Jeram Wong Pelagus. Masalah ini menyebabkan mereka yang ingin pulang ke Belaga atau bagi orang di Belaga yang hendak ke Kapit. Ini juga menyebabkan masalah untuk menghantar barang-barang seperti minyak, beras, ration sekolah dan lain-lain yang diperlukan bagi penduduk yang tinggal di bahagian ulu Jeram Wong, Pelagus terus ke Belaga.

Banyaknya orang yang telah terkorban, mati lemas di Jeram Wong, Pelagus ini. Baru-baru ini dalam bulan Jun tahun ini 5 orang daripada 20 orang penumpang terkorban mati lemas apabila perahu yang mereka tumpang tenggelam di Jeram Wong, Pelagus.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Pertanian supaya memberi peruntukan pembangunan ternakan dan pembangunan pertanian perlu ditambah kerana kadar kekurangan zat makanan dan zat protein di Sarawak adalah di

antara negeri yang paling di Malaysia. Tambahan ini pula diperlukan untuk membolehkan lebih banyak kumpulan sasaran mendapat faedah daripada program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta Kementerian Pertanian menerusi agensinya FAMA memberi peruntukan bagi mewujudkan beberapa pasar tani di Sarawak. Pasar tani ini adalah amat penting bagi meningkatkan mobilisasi keluaran pertanian khususnya dalam keadaan yang kekurangan bekalan di satu-satu kawasan terutama di kawasan pendalaman di negeri Sarawak khususnya di Bahagian Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam, saya memohon kepada Kementerian Kerja Raya supaya kemudahan infrastruktur asas seperti jalanraya dan kemudahan sosio seperti bekalan air, kuasa elektrik, sekolah-sekolah, klinik dan perumahan perlu diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem infrastruktur yang ada sekarang di negeri Sarawak sangat kurang dan tidak baik dan hanya sepanjang 2,150 km sahaja jalanraya yang telah diturap dibanding dengan 22,472 km di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, saya meminta Kementerian Kerja Raya memberi peruntukan tambahan untuk pembinaan lebih banyak lagi rangkaian jalanraya di Sarawak.

Berkenaan dengan peruntukan yang telah diluluskan, janganlah melambatkan perlaksanaannya dan haruslah disegerakan atau dipercepatkan jika perlu, jangan tunggu sampai melarat dari setahun ke setahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian atau daerah yang belum ada mendapat peruntukan bagi pembinaan jalanraya, saya meminta Kementerian Luar Bandar memberi peruntukan untuk membina

jalanraya luar bandar. Peruntukan ini sangat berguna bagi pembinaan jalanraya supaya boleh digunakan untuk membawa hasil pertanian ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990 hanya 47% penduduk luar bandar dijangka mendapat bekalan air bersih di negeri Sarawak. Tetapi kebanyakan penduduk dari kaum Iban, Orang Ulu yang tinggal di kawasan pendalaman, di persisiran dan di ulu sungai masih belum atau langsung tidak mendapat faedah dari bekalan air. Mereka ini mendapat air untuk diminum dari sungai dan telaga yang belum atau tidak treated, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta peruntukan lebih banyak lagi diberi kepada negeri Sarawak untuk kegunaan membuat gravity feed water supply, dengan izin, ke rumah panjang, sekolah-sekolah yang terletak di ulu sungai dan kawasan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan bekalan kuasa elektrik di luar bandar Sarawak, banyak penduduk belum mendapat dan masih jauh ketinggalan. Pada tahun 1990, cuma 40% penduduk luar bandar Sarawak dijangka menikmati kemudahan kuasa elektrik. Tetapi bagi mereka yang tinggal agak lebih jauh dari bandar memang tidak ada mendapat kemudahan bekalan elektrik. Hanya mereka yang mampu membeli dapatlah menggunakan alat generator, baik bagi mereka yang tinggal di kampung-kampung ataupun di rumah panjang.

Di sini juga kami minta supaya peruntukan untuk rural electrification scheme di negeri Sarawak ditambahkan banyak lagi bagi penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya di negeri Sarawak kekurangan guru terlatih dan berpengalaman masih merupakan masalah rumit. Bagi sekolah

rendah Kerajaan, 20% daripada tenaga pengajar adalah terdiri daripada guru tidak terlatih. Sementara itu bagi sekolah menengah Kerajaan, peratus guru siswazah yang tidak terlatih adalah juga sebanyak 20%. Oleh yang demikian, kita minta nisbah guru tidak terlatih ini dikurangkan ke paras yang minima dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kemudahan fizikal dalam masalah yang harus diatasi di Sarawak adalah di bidang kemudahan pelajaran. Dalam tahun 1989, kekurangan bilik darjah adalah 2,709 bagi sekolah rendah Kerajaan dan 979 bagi sekolah menengah Kerajaan. Perkara kekurangan kemudahan fizikal perlu diambil berat dan diberi peruntukan yang cukup dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, di Bahagian Kapit iaitu kawasan saya kekurangan guru yang tidak terlatih ianya ada 153 orang di sekolah rendah dan kekurangan kemudahan dari segi fizikal adalah masalah yang amat serius dan perlu diberi peruntukan yang sepatutnya. Bilangan kekurangan fizikal adalah seperti berikut - bilik darjah 281, asrama 35, rumah guru 401, dewan makan 32, pejabat Guru Besar 29, bilik guru 29 dan bilik sumber 34.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, penduduk di Kapit memohon peruntukan untuk membina satu sekolah menengah berasrama penuh di Kapit. Sekolah yang sebegini amat perlu kerana sekolah menengah yang ada tidak cukup tempat lagi dalam lima tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak budak-budak lepasan sekolah setelah tamatnya pengajian Sijil Pelajaran Malaysia menjadi penganggur. Kebanyakan mereka pergi ke bandar untuk mencari kerja kolar biru di mana masih susah mendapatnya dan apabila mereka merasa kecewa mereka akan menjadi anti-Kerajaan.

Satu daripada cara yang Kerajaan boleh menolong murid lepasan sekolah ini ialah untuk melatih mereka dengan menyediakan sebuah sekolah vokasional di Bahagian Kapit supaya ada tempat bagi mereka berlatih menjadi tenaga mahir.

Sebuah sekolah vokasional patut didirikan di Kapit, memandangkan bahagian ini sebahagian besar daripada pengeluaran kayu-kayan negara. Dengan ada sebuah sekolah vokasional nanti maka dapatlah kita melatih tenaga mahir dalam bidang berkenaan dengan wood-based industry, dengan izin. Tujuan menempatkan sebuah sekolah vokasional di Kapit ialah supaya kita dapat menyediakan latihan bagi tenaga mahir dan kerja yang baik khasnya kepada murid lepasan sekolah di samping kemudahan kemasukan dan penglibatan usaha dalam sektor wood-based industry dan menggunakan sumber-sumber tempatan yang perlu digalakkan supaya pertumbuhan ekonomi negara dapat dicapai dengan lebih pesat serta dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembukaan tanah atau estet secara komersial di negeri Sarawak menjadi masalah utama kerana kekurangan infrastruktur dibanding dengan sektor yang sama di Semenanjung. Kemudahan infrastruktur asas seperti jalanraya dan sosio seperti bekalan air, kuasa elektrik, sekolah, klinik dan perumahan adalah amat penting bagi menarik minat para pelabur serta pekerja dalam rancangan kita untuk membangunkan tanah yang luas.

Kami di Sarawak tidak ada pilihan yang lain kerana kebanyakan penduduk di luar bandar orang petani, bagi mereka yang land is their source of livelihood, dengan izin. Oleh yang demikian, saya menyeru Kementerian Pertanian dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk menubuhkan satu projek pembangunan pertanian dan pembangunan tanah secara estate commercial di Rajang River Basin dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan komoditi pertanian negeri Sarawak adalah masih di peringkat permulaan. Masalah kos pengeluaran dan pemasaran yang tinggi yang dihadapi oleh para penguasa estet negeri ini akan memerlukan perhatian serius.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah melemparkan berbagai tuduhan dalam ucapan Yang Berhormat. Saya faham tujuannya adalah berkempen untuk memancing undi untuk pilihanraya negeri Sarawak.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah memberi gambaran yang hitam kepada industri pembalakan, seolah-olah mereka yang terlibat dalam industri pembalakan adalah kejam dan tidak memperdulikan kebajikan rakyat luar bandar. Saya ingin membetulkan gambaran itu supaya kita tidak terkeliru hasil tuduhan Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu belia luar bandar mendapat pekerjaan dalam industri pembalakan. Di antara mereka kebanyakannya yang tidak pernah ke sekolah seperti pemandu traktor, pemandu lori dan sebagainya telah mendapat pendapatan \$3,000 sehingga \$4,000 sebulan. Adakah Yang Berhormat dari Bandar Kuching sedar bahawa beratus-ratus buah rumah panjang adalah terdiri rumah panjang moden? Yang paling penting ialah sebahagian besar dari perbelanjaan pembangunan di negeri Sarawak adalah hasil kutipan dari industri pembalakan. Hasil itulah yang telah membantu Kerajaan negeri Sarawak melaksanakan projek-projek sosio-ekonomi

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

Tuan James Jimbun Anak Pungga:
... di seluruh Sarawak khasnya projek meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat. . .

Tuan James Jimbun Anak Pungga:
Projek untuk membasmikan kemiskinan. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Hendak beri jalan atau tidak? (*Ketawa*)

Tuan James Jimbun Anak Pungga:
. . . . dan dengan harapan ini, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Nilam Puri.

5.24 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan RRJP2 masih diakui bahawa Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu rakyatnya masih lagi kebanyakannya berada di bawah paras kemiskinan. Keempat negeri ini sudah tentulah peratus bumiputera yang paling tinggi.

Kerajaan yang melaungkan untuk membantu bumiputera sepatutnya memperbanyakkan peruntukan ke negeri-negeri tersebut, tetapi apa yang berlaku agak pelik di dalam RME peruntukan Kerajaan kepada negeri yang padat dengan bumiputera turun peratusnya. Misalnya:

Negeri	Rancangan Malaysia Kelima (RML)	Rancangan Malaysia Keenam (RME)
Kelantan	5.2%	3.8%
Perlis	1.1%	0.9%
Kedah	6.4%	5.1%
Terengganu	5.5%	5.0%
Sabah	5.9%	4.2%

Sedangkan negeri-negeri yang dianggap kaya, Wilayah Persekutuan, Penang dan Melaka masing-masing naik peratus yang agak tinggi. Kita bimbang negeri-negeri yang terkenal dengan kemiskinan ini akan bertambah dengan kemiskinan mereka apabila peruntukan diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kawasan saya dan juga Kota Bharu, Kelantan bila berlaku pembukaan jambatan Pasir Mas-Salur yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka hubungan utara Malaysia Barat dengan Kota Bharu sekarang ini melintasi jambatan tersebut. Oleh itu jalan daripada Pasir Mas-Salur ke Kota Bharu penuh sesak dengan kenderaan, sedangkan jalannya terlalu sempit. Kita harap pihak Kerajaan dapat mempercepatkan pembinaan jalan baru yang telah diluluskan di peringkat negeri dan di peringkat Persekutuan. Laluan kedua daripada jambatan Pasir Mas-Salur menuju ke Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan pembangunan di dalam negeri sudah tentulah aspek keselamatan paling penting sekali di Malaysia ini. Keselamatan di Malaysia diperdebatkan di kalangan rakyat daripada dahulu sehingga sekarang. Sekarang ia diperdebatkan semakin hebat.

Negara kita sering diceroboh oleh negara asing sama ada daripada selatan ataupun utara. Pernah kita dengar Tentera Singapura tersesat di Sungai Johor. Pernah juga kita dengar pendaki-pendaki gunung daripada Singapura tertinggal kelengkapan-kelengkapan tentera di Gunung Ledang, sedangkan mereka datang sebagai orang yang "hiking" ataupun mendaki gunung, tetapi bersama mereka membawa peralatan tentera. Kemudian pula kita pernah mendengar Tentera Udara Singapura mengintip ataupun menceroboh ruang udara negara kita.

Beberapa minggu yang lalu kita lihat peristiwa di negeri utara kita pula di mana selepas pembebasan 8 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri

Kelantan, tiga hari selepas itu berlaku pula pencerobohan di Padang Besar, Perlis di mana peristiwa ini dilaporkan dalam akhbar-akhbar luar negeri secara besar-besaran. Jadi persoalan timbul kepada kita, apakah telah terjadi hubungan ASEAN, rundingan-rundingan yang diadakan? Apakah hasil rundingan-rundingan itu yang menyebabkan kita lihat hubungan negara-negara ASEAN dengan Malaysia sekarang ini seolah-olah berada dalam keadaan yang tidak baik ataupun berada di tahap paras yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap mereka yang berperanan di peringkat ASEAN terutama Kementerian Luar Negeri hendaklah mempergiatkan usaha mencari jalan bagaimana hubungan baik antara negara ASEAN ini dapat dipertingkatkan. Misalnya kita melihat pencerobohan asing ke negara kita ini berada di tahap yang sungguh merbahaya, terdapat beratus pencerobohan yang dilakukan terutama sekali oleh pihak nelayan. Kenapa negara asing tidak gerun dan tidak menghormati Malaysia? Adakah tentera dan polis tidak cukup di sudut bilangan dan peralatan? Apakah negara asing tahu Malaysia tidak mempunyai kelengkapan tentera yang baik. Mereka hanya mengetahui Malaysia memiliki Sky Hawks yang boleh terhempas selepas 5 batu berlepas ke udara ataupun mereka mengetahui Malaysia memiliki helikopter Nuri yang boleh terhempas bila-bila masa ataupun dipanggil kapal untuk membawa orang membunuh diri ataupun kapalterbang yang sepatutnya berada di Muzium. Apakah mereka mengetahui bahawa Malaysia memiliki kereta kebal yang antaranya mampu berjalan 5 batu, selepas itu enginnya panas dan tidak dapat bergerak lagi? Apakah negara asing tahu amalan rasuah amat tinggi dalam pembelian senjata di negara kita seperti pernah berlaku dalam kes...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya sahabat saya dari Nilam Puri sama ada beliau telah naik kereta kebal itu sehingga dia tahu jalan 5 batu kereta kebal itu panas.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Kereta kebal saya tak pernah naik, helikopter Nuri, mampus saya tak berani naik.

Kita membaca dalam laporan-laporan dalam negeri dan luar negeri dan maklumat-maklumat daripada sahabat-sahabat kita.

Rasuah pembelian senjata ini pernah didedahkan dahulunya secara besar-besaran, terutama dalam kes Group Capt. Mohd. Shah dan juga selepas itu berlaku pertukaran Ketua Turus Tentera Udara dan Ketua Turus Tentera Laut. Kita lihat pula bahagian perairan Malaysia begitu mudah diceroboh. Dari tahun 1985 - 1991, 795 kes pencerobohan yang melibatkan 6,944 nelayan asing. Malaysia boleh berbangga kerana dapat mendenda mereka sebanyak \$218.5 juta. Apakah kita bangga dengan kutipan denda sebanyak itu, sedangkan perairan kita berada dalam keadaan yang terancam? Apakah Akta Perikanan yang diwujudkan menyebabkan perairan negara kita tidak disenangi oleh mereka terutama sekali nelayan-nelayan asing. Misalnya, kita melihat kapal-kapal besar yang ditangkap iaitu kapal-kapal nelayan, setelah didapati bersalah didenda \$1 juta, barang mereka dirampas, kemudian bot mereka itu ditenggelamkan ataupun kapal itu ditenggelamkan. Ini barangkali telah menimbulkan kemarahan pihak nelayan asing. Bagi kita, kita hendaklah berkeras menjalankan undang-undang kita, tetapi bagi kita saluran diplomatik juga hendaklah dicari untuk mengelakkan pencerobohan yang begitu banyak

sekarang ini. Misalnya, kita melihat di negeri India, mereka menggunakan satu cara untuk melarang ataupun menggagalkan pencerobohan asing masuk, mereka mendenda \$50,000 dan mereka ambil ikan sekadar 20% kemudian mereka bebaskan kapal tersebut, tetapi kita bertindak keras. Kita sokong tindakan keras itu tetapi sekali lagi saya menyeru supaya saluran diplomatik digunakan sesungguhnya untuk mengelakkan pencerobohan asing yang bertambah-tambah sekarang ini. Nasib baik sekarang ini nelayan asing hanya memiliki pukut tunda sahaja, memiliki peralatan-peralatan nelayan dan mereka tidaklah membawa senjata. Tetapi bagaimana jika di suatu hari perairan kita yang mudah dicerobohi ini, mereka masuk dengan membawa senjata ataupun membawa bahan-bahan yang tidak berguna ataupun bahan-bahan beracun? Kita lihat sahaja baru-baru ini bagaimana lautan dalam kita ataupun laut di sekeliling Malaysia ini tidak dijaga. Maka kita lihat hasil daripada keabaiannya itu menyebabkan mereka daripada luar negeri mengambil peluang untuk mencemarkan ataupun menyalahgunakan kebaikan kita itu untuk merosakkan negara ini.

Baru-baru ini kita melihat kapal yang berulang alik daripada Singapura ke Perak, mereka pulang dengan membawa penuh pasir dan batu dan mereka memunggah hasil negeri kita ke negeri mereka, tetapi sepatutnya mereka datang kosong, sebaliknya dalam perut tongkang mereka itu, mereka isikan barang-barang toxic ataupun barang-barang beracun dan dibawa untuk dilepaskan, ditanam di Tanjong Batu dekat dengan Pantai Remis sedangkan Pantai Remis itu dekat pula dengan Pengkalan Tentera Laut kita. Kita tidak bimbang kalau ini tidak disengajakan, mungkin tidak mengapa, tetapi kita bimbang kalau perkara ini dirancangan dengan teliti oleh pihak mana-mana negara yang cemburu dengan kemajuan Malaysia ataupun mana-mana negara

yang cuba sabotaj alam sekitar Malaysia ataupun mana-mana negara yang cuba sabotaj Pengkalan Tentera Laut kita. Kita bimbang, kapal-kapal yang membawa toxid ini bukan tidak diketahui oleh Kerajaan mereka, tetapi dirancang bersama oleh Kerajaan mereka, maka ini sudah tentulah akibatnya akan lebih buruk berlaku iaitu terjejasnya hubungan di antara negara-negara ASEAN seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian seperti ini kalau dibiarkan tidak melalui saluran diplomatik, kita bimbang kejadian-kejadian seperti ini akan berulang lebih dahsyat dan tidaklah boleh kita salahkan kalau rakyat negeri ini menaruh curiga kepada negeri-negeri jiran yang tidak senang dengan kemajuan Malaysia sekarang ini.

Begitu juga orang-orang asing mudah mencerooboh untuk melakukan jenayah di negara kita, misalnya rompakan-rompakan yang berlaku di Sabah, kadang-kalanya mereka datang dengan bot yang penuh dengan senjata dan senjata yang lebih lengkap daripada tentera kita. Selepas mereka merompak, mereka dapat melarikan diri, melindungi diri daripada negara jiran. Ertinya, kita diancam, kadang-kadang di Johor, di Perak dan juga di Sabah dan Sarawak, negara jiran kadang-kalanya tidak mahu menghormati kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita mahu semua jabatan-jabatan yang bertanggungjawab mempertingkatkan usaha mereka, terutama Jabatan Kastam dan Eksais, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Luar patut mengambil perhatian berat menggembelingkan tenaga sepenuhnya untuk mendaulatkan Malaysia supaya ia tidak dianggap negeri yang tidak bermaruah.

Baru-baru ini di Indonesia seorang menteri telah berucap dan mengkritik Kerajaan Malaysia kononnya Kerajaan Malaysia melindungi golongan fundamentalis sedangkan kita tahu Kerajaan ini di antara Kerajaan yang keras terhadap golongan fundamentalis

di mana bila Akta Keselamatan Dalam Negeri diwujudkan, ahli-ahli PASlah yang paling banyak memenuhi Kem Tahanan Kemunting. Tetapi di Parlimen Indonesia itu mereka mengkritik kononnya Malaysia memberi perlindungan kepada golongan fundamentalis. Ianya barangkali telah disiarkan dalam *Far Eastern Economic Review* pada 4hb Julai dan *Far Eastern Economic Review* itu telah diharamkan. Kita bimbang tekanan-tekanan ini ada motif tertentu supaya Kerajaan Malaysia ini bertindak keras kepada gerakan Islam ataupun kebangkitan Islam. Tiga empat hari yang lalu, saya diberitahu beberapa orang ditangkap di Alor Setar dan ia disiarkan secara besar-besaran dalam akhbar di Thailand ketika ini. Ketika bimbang apa yang berlaku di negara-negara di mana Islam akan kembali memainkan peranan, maka Amerika memainkan peranan begitu hebat untuk melihat negara yang subur dengan kebangkitan Islam ini akan membawa masalah di rantau ini. Oleh itu, kita ingatkan pihak pemerintah supaya mereka berhati-hati dalam mengendalikannya tekanan Amerika Syarikat, terutama sekali kepada negara yang dianggap kebangkitan Islamnya begitu hebat, terutama sekali apabila mereka melihat Kelantan sekarang ini dikuasai oleh PAS, yang dianggap boleh membawa satu era baru kebangkitan Islam di rantau Asia Tenggara ini.

Saya yakin Perdana Menteri kita seorang yang bijak bistari akan melihat yang mana satu perangkap, yang mana satu gesaan, yang mana satu perlu beliau ambil tindakan dan yang mana satu beliau perlu menentang balas segala serangan yang diatur oleh Yahudi dan Amerika untuk memperlambatkan ataupun memerangkap kebangkitan Islam di rantau ini.

Keselamatan negara amat penting. Kita ketahui Barisan Nasional selalu melaung-laungkan bahawa mereka berjaya mempertahankan dan juga membawa keamanan kepada negara ini.

Mereka lupa peranan-peranan Pembangkang juga yang menyebabkan negeri kita berada di dalam keadaan aman. Setakat ini Pembangkang dapat bersabar walaupun apa tindakan yang diambil kepada pihak Pembangkang. Misalnya peristiwa Memali yang dilakukan oleh pemerintah begitu kejam, tetapi pihak Pembangkang dapat bersabar kerana kita melihat keamanan itu lebih penting sebab dalam suasana keamanan itu, maka kita dapat bekerja, dapat membina negara yang lebih baik. Begitu juga peristiwa penangkapan di bawah Operasi Lalang Oktober 1987, kita lihat parti Pembangkang terus bersabar tidak mengadakan himpunan dan tunjuk perasaan, tidak bangun menentang pemerintah tetapi mereka dengan sabar terus juga memilih saluran tong undi, saluran pilihanraya untuk menghadapi parti pemerintah.

Di atas kesabaran parti-parti Pembangkang ini menyebabkan kita dapat menikmati keamanan dan dengan keamanan itu Kerajaan yang memerintah dapat melaksanakan tanggungjawab mereka untuk membangun negara ini. Tetapi tekanan jangan diberi sehingga golongan Pembangkang ini menganggap Kerajaan ini tidak demokrasi lagi. Bila berlaku keadaan yang tidak aman, maka dengan itu akan berlakulah perkara yang tidak baik, pelabor asing enggan datang dan dengan itu negara kita akan menjadi seperti Lubnan dan akan menjadi negara yang dianggap tekanan ataupun pentadbiran tidak betul maka akan terjadilah huru-hara. Dengan itu kita tidak dapat mencapai apa dasar sekalipun.

Rakyat setakat ini boleh bersabar kerana mereka melihat bahawa saluran teguran itu masih ada. Tetapi kita melihat Dasar Ekonomi Baru dan juga permulaan Wawasan 2020 telah mula dengan skandal yang begitu dahsyat. Skandal-skandal kewangan yang diutarakan oleh Ketua Pembangkang iaitu 10 skandal dan banyak skandal-skandal yang lain. Kita

lihat jikalau pemerintah yang mereka amanahkan dan juga keamanan yang wujud, apa ertinya keamanan kalau rakyat terus miskin sedangkan mereka yang berkuasa terus menjadi kaya-raya. Skandal demi skandal yang berlaku dan kita lihat tindakannya tidak seberapa.

Bila skandal Bank Pertanian didedahkan oleh saya dalam Dewan ini, kita melihat pihak BPR telah pergi menyiasat Bank Pertanian tersebut. Pihak BPR telah datang ke Bank Pertanian dan membawa balik beberapa fail dan minit-minit mesyuarat. Mereka telah datang setiap hari mulai dari 2-7-1991 dan telah soal-siasat beberapa orang Pengurus sehingga minggu lepas iaitu pada 12-7-1991. Buat masa ini General Manager dan Deputy General Manager dan beberapa orang tiada dalam negara. General Manager dan bersama 8 orang yang lain telahpun berada di luar negeri. Mereka pergi ke United Kingdom dan akan terus ke Sweden dan ke Perancis dan dijangka balik hanya pada 20-7-1991. Kenapa BPR datang menyiasat di waktu orang-orang besar ini tidak ada? Apakah sebelum BPR ini datang telah diberi arahan kamu hendaklah pergi ke luar negeri supaya siasatan itu tidak dapat berjalan lancar. Begitulah juga dengan skandal-skandal yang lain yang didedahkan kalau ada tindakan pun kita melihat rakyat berada dalam keadaan tidak puas hati. Skandal-skandal ini berterusan dan orang kaya akan terus kaya dan akan menyebabkan kita melihat satu hari nanti rakyat tidak berpuas hati dengan pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Parlimen yang mulia ini Menteri Besar Negeri Kelantan di belasah dan dikecam. Beliau dikatakan hanya pandai membaca khutbah. Bagi kami, kami amat berbangga dengan seorang Menteri Besar yang pandai berkhotbah, seorang Menteri Besar, walaupun telah menjadi Menteri Besar tetapi sampai sekarang masih lagi, walaupun mempunyai anak seramai 11 orang, tetapi tidak ada orang gaji. Menteri Besar yang tinggal di

rumahnya yang tidak berpagar, Menteri Besar yang hidup dalam sederhana yang sanggup memotong elaunnya hampir 50%. Dunia di mana pemimpin-pemimpin negara memiliki kekayaan akan berakhir. Kita lihat di zaman pengembara mencari di mana istana khalifah, ketika mereka tidak jumpa di mana istana Khalifah, di waktu itu. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Satu minit lagi? Di waktu itulah mereka dapat menumbangkan Rome dan Parsi dan kita lihat pula di masa pemimpin-pemimpin umat Islam mempunyai istana yang besar, Istana Morocco, Istana di Riyadh, Istana Sri Perdana dan mana-mana istana lagi di waktu inilah negara umat Islam terlepas ke tangan kuasa besar satu demi satu. Dunia sekarang mula berubah. Imam Khomeini telah mula menunjukkan jalan. Kesederhanaan dengan rumah buruknya itulah beliau melancarkan propaganda sehingga memecahkan Russia dan Selatan Russia sekarang ini. Di Asia Tenggara ini, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat yang hidup di gerobok buruk, yang serba sederhana akan memulakan era baru merobah pemikiran umat Islam. Bukan yang kaya mentadbir, tetapi yang bertaqwa akhirnya akan mentadbir.

Itulah sahaja pandangan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya beri peluang kepada Block C. Batang Sadong.

5.45 ptg.

Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut menyokong usul Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

pada 10hb Julai yang lalu. Seperti lazimnya, tujuan kita berkumpul di Dewan yang mulia ini ialah untuk membincang dan sama-sama memikirkan mengenai isu-isu yang menyentuh kepentingan rakyat dan negara dan seterusnya mencari jalan bagaimana boleh dipertingkatkan ikhtiar-ikhtiar bagi mencapai pembangunan negara yang kita ingini.

Tugas ini bukanlah sesuatu yang mudah atau ringan tetapi, insya Allah, dengan azam dan usaha yang gigih, hasrat kita untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang pengasih dan bertanggungjawab akan tercapai selaras dengan niat baik yang terkandung dalam RRJP2, Rancangan Malaysia Keenam dan Wawasan 2020 itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memikirkan mengenai Wawasan 2020, RRJP2 dan Rancangan Malaysia Keenam ini dan soal-soal pembangunan semasa dan masa depan yang bakal kita tempuhi, ada baiknya kita menyingkap kembali dekad yang baharu sahaja kita lalui dan menilai usaha-usaha yang telah kita jalankan sehingga hari ini. Sambil kita mengukur sejauh mana pencapaian kita dalam usaha membangunkan negara ini, kita harus mengenalpasti kesilapan-kesilapan, kelemahan-kelemahan, ketidak-cekapan kita dalam bidang pengurusan, terutamanya pengurusan kewangan.

Saya percaya pihak Kerajaan telahpun mengambil berat tentang masalah-masalah ini untuk diperbaiki dalam Rancangan Malaysia Keenam seperti mana yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa segala perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini dikawal dengan teliti supaya defisit sektor awam dan luar negeri tidak melebihi paras yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Walaupun beberapa peristiwa genting dan mencabar telah berlalu dalam dekad 80an seperti kemelesetan ekonomi yang

paling buruk sejak Perang Dunia Kedua dan juga pergolakan politik negara yang berkesudahan dengan peristiwa-peristiwa yang amat menyedihkan.

Secara keseluruhannya, dekad 80an itu boleh dikatakan sebagai dekad yang aman dan stabil yang telah membolehkan perkembangan dan pembangunan berterusan bagi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, meninjau Rancangan Malaysia Kelima, ternyata ianya mempunyai kepentingan tersendiri kerana ia merupakan rancangan terakhir dalam RRJP1 iaitu di antara tahun 1970 hingga tahun 1990 yang membuatkan Rancangan Pembangunan Dasar Ekonomi Baru yang menyeluruh, meliputi matlamat Serampang Dua Mata iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pada awalnya Rancangan Malaysia Kelima ini dilaksanakan, pencapaian matlamat-matlamat tersebut, terutama dari segi menyusun semula masyarakat adalah jauh dari memuaskan. Oleh itu, harapan yang besar diletakkan dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima itu untuk meningkatkan prestasi dalam pecutan terakhir ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, tetapi hanya berjaya mencapai matlamat sekadar 20.3% iaitu terdiri daripada 14% syarikat bumiputera yang bernilai \$15,322 juta dan 6.3% bernilai \$6,976.5 juta yang dimiliki oleh agensi-agensi amanah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, usaha ke arah memajukan bumiputra sudah disusun dengan cermat. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad sistem tenaga dan usaha Kerajaan telah disalurkan secara serius untuk pembangunan sosio-ekonomi. Program-program telah digubal bukan sahaja untuk menyusun semula dan mengukuh ekonomi negara tetapi juga untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pertumbuhan ekonomi pula, kita dapat bahawa walaupun keadaan kemelesetan ekonomi dalam tahun 80an, Malaysia mencapai pertumbuhan sebanyak 5.9% setahun dan pada akhir Rancangan Malaysia Kelima, kita telah mengalami pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.7% setahun dan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini adalah dianggarkan pertumbuhan sebanyak 7.5% setahun adalah matlamat negara.

Bagi menjamin pertumbuhan yang sihat, beberapa perubahan baru dari segi strategi ekonomi adalah perlu. Dalam hal ini, penyusunan semula struktur-struktur ekonomi negara merupakan salah satu aspek pembangunan yang perlu diberi pendekatan khusus. Pada dasarnya, ini melibatkan langkah-langkah mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ikhtisas bagi memperkukuhkan lagi asas ekonomi negara dan mengurangkan penggantungan hanya kepada beberapa komoditi eksport sahaja. Sebagai sokongan kepada program industrialisasi misalnya, penyediaan infrastruktur mestilah dipertingkatkan. Ini termasuklah pembangunan zon pemrosesan kayu-kayan di negeri-negeri yang mengeluarkan bahan tersebut. Saya yakin dan percaya, sektor perkilangan ini bukan sahaja menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi juga adalah sumber pekerjaan dan pendapatan yang penting bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sektor yang ingin saya sentuh di sini ialah yang tidak kurang pentingnya ialah sektor pertanian dan pembangunan tanah. Sektor ini juga perlu diberi perhatian secara terperinci memandangkan kepada ianya sering dihubungkan dengan kegiatan pekebun-pekebun kecil dan ekonomi saradiri di mana produktiviti rendah maka sumbangannya kepada KDNK negara juga rendah.

Dalam RRJP2 dan khususnya Rancangan Malaysia Keenam ini, perhatian ditumpukan kepada pertanian dagangan. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti tidak begitu sesuai lagi untuk tanaman padi akan digunakan untuk tanaman lain yang lebih berharga atau sesuai untuk dieksport. Dalam hal ini, saya mencadangkan agar Kementerian Pertanian membuat penyelidikan khusus terhadap tanaman-tanaman alternatif setanding dengan kelapa sawit misalnya, kerana saya percaya di ambang tahun 2020 hampir semua negara di rantau Asia Tenggara ini akan mengeluarkan hasil kelapa sawit masing-masing. Sudah tentulah apabila keluaran komoditi tersebut berlebihterlebih harga di pasaran antarabangsa akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sebahagian besar golongan miskin adalah terdiri daripada pekebun-pekebun kecil dan nelayan-nelayan miskin adalah diharapkan agar Kementerian Pertanian dan Kementerian-kementerian berkaitan akan berusaha dan meneruskan usaha-usaha yang digubal khas untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan mengatasi masalah kekurangan zat makanan di kalangan golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan kerana berjaya memperuntukkan sejumlah \$600 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam ini bagi membantu golongan miskin. \$260 juta daripada jumlah tersebut diperuntukkan bagi meneruskan pelaksanaan program pembangunan golongan ini. \$20 juta lagi untuk Amanah Ikhtiar Malaysia untuk mengembangkan kegiatan pinjaman tanpa faedah kepada golongan termiskin tetapi satu perkara yang harus kita beri perhatian di sini ialah tentang kegiatan pengemis yang kian bertambah di bandaraya-bandaraya besar di negara ini.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Jika tidak ada, saya mencadangkan agar diwujudkan

satu badan untuk mengendalikan hal-hal golongan yang terbiar ini. Saya percaya, kita tidak minta dilahirkan sebagai orang miskin atau seorang pengemis. Dalam konteks ini, kita mestilah berhati-hati menentukan sama ada pengemis itu genuine, dengan izin, dan pengemis sindiket.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan adalah masalah kita bersama. Justeru itu usaha membasmi kemiskinan bukanlah tanggungjawab pihak Kerajaan sahaja, pihak swasta dan rakyat jelata mestilah memainkan peranan masing-masing. Semua pihak mestilah memberi kerjasama dengan Kerajaan dan melibatkan diri secara aktif dalam pelaksanaan program-program pembangunan untuk golongan miskin seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah tertentu yang akan dilaksanakan untuk mewujudkan golongan petani dan nelayan kecil perhatian serius perlulah dipertingkatkan kepada pembangunan tanah dan pertanian secara commercial yang melibatkan kedua-dua sektor awam dan swasta. Di samping memodenkan sektor pertanian, langkah ini juga bertujuan untuk menambah lagi sumbangan aktiviti pertanian bukan sahaja dari segi hasil keluaran dan pendapatan tetapi juga pengwujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa pembangunan manusia adalah asas pembangunan yang menyeluruh, maka penekanan dan pendekatan ke atas sektor ini memanglah wajar. Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat mengadakan lebih banyak kursus dan peluang di peringkat pengajian tinggi dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan bagi menampung kekurangan tenaga-tenaga mahir dan terlatih dalam bidang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya nyatakan mengenai keperluan pembangunan teknologi. Seperti yang kita sedia maklum, kemajuan di bidang teknologi adalah penting dalam menentukan masa hadapan negara untuk bersaing secara berkesan baik di bidang pembuatan, pertanian dan bidang-bidang lain. Kita perlu mempertingkatkan tahap teknologi yang sedia ada di samping memperolehi teknologi-teknologi baru. Di sinilah pentingnya perhatian yang serius patut diberi kepada aspek-aspek pendidikan, teknologi dan penyelidikan. Saya harap usaha juga akan diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan usahawan-usahawan tempatan memperolehi pengalaman teknologi terbaru dalam memproses sumber-sumber asli negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah dapat mencapai kemajuan dan pembangunan melalui dasar-dasar dan strategi-strategi yang digubal oleh Kerajaan dan dilaksanakan oleh pihak Perkhidmatan Awam dan agensi-agensi yang berkaitan. Kita bernasib baik di negara ini kerana mempunyai Perkhidmatan Awam yang cekap, berdisiplin dan yang menjalankan tugas berasaskan professionalism, dengan izin, yang membanggakan. Sesungguhnya peranan positif yang dimainkan oleh kakitangan Kerajaan dalam menjayakan usaha pembangunan amatlah penting. Kejayaan dasar-dasar seperti Persyarikatan Malaysia misalnya banyak bergantung kepada kakitangan awam. Memandangkan tanggungjawab yang begitu besar yang diletakkan di atas bahu mereka, maka pemberian insentif adalah wajar bagi mendorong ke arah mempertingkatkan lagi mutu dan produktiviti mereka.

Dalam kenaikan pangkat umpamanya, pertimbangan haruslah diberi kepada beberapa aspek seperti kebolehan dan pengalaman dan bukan hanya kepada aspek seniority, dengan izin, atau kelayakan akademik semata-mata. Saya percaya dengan wujudnya

sistem insentif yang demikian, mutu dan sumbangan kakitangan awam akan menjadi lebih berkesan. Inilah satu-satunya yang harus diberi perhatian dalam kita melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020, RRJP2 dan Rancangan Malaysia Keenam ini dilancarkan dalam suasana masyarakat Malaysia dalam keadaan bersatu dan bersedia untuk bergerak maju sedangkan Dasar Ekonomi Baru dilancarkan selepas peristiwa hitam, 13 Mei 1969 ketika orang-orang bumiputera amat ketinggalan dalam segenap bidang.

Wawasan 2020, RRJP2 dan perancangan-perancangan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini tidak mungkin dapat kita capai sekiranya tidak wujud suasana yang aman dan damai. Sungguhpun keselamatan negara terkawal dan terjamin, namun kita haruslah sentiasa berwaspada. Satu dekad yang aman dan stabil telah banyak membantu usaha kita membangunkan negara ini. Walaupun kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 80an telah sedikit-sebanyak menjejaskan usaha ini dan biar pun Perang Teluk baru-baru ini telah juga mewujudkan ketidakpastian, namun kita berharap dan berdoa agar pada masa-masa yang akan datang tidak akan terjadi masalah-masalah besar baik dari segi ekonomi mahupun politik. Kita memerlukan suasana aman dan damai dan kestabilan sama ada di peringkat antarabangsa mahupun dalam negeri untuk meneruskan usaha-usaha ke arah pencapaian pembangunan yang hakiki.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas perhatian Kerajaan Pusat memperuntukkan sejumlah \$3,209 juta bagi negeri Sarawak berbanding dengan \$1,946 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima dahulu. Saya telah difahamkan bahawa hampir \$1 bilion adalah untuk

pembangunan infrastruktur. Saya percaya dan yakin rakyat Sarawak khasnya rakyat di kawasan P.161 mengalukan sumbangan dan kelulusan Kerajaan Persekutuan di dalam membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air. Dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, \$3.7 bilion telah diperuntukkan bagi sektor sumber-sumber air, termasuk \$2.85 bilion untuk pembangunan bekalan air untuk seluruh Malaysia. Kajian yang telah dijalankan oleh JKR Sarawak dan Kementerian Kesihatan menunjukkan kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di luar bandar memerlukan \$90 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam ini untuk membekal paip gravity system, dengan izin, dan membekal tangki air berasingan. Anggaran ini tidaklah termasuk pembinaan loji-loji air yang diselenggarakan oleh Antah Biwater.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai anggota negara maju pada tahun 2020 adalah sesuatu yang amat mencabar. Dalam hal ini semua lapisan masyarakat perlulah bersiap sedia untuk sama-sama memainkan peranan bagi membentuk negara Malaysia yang maju dan makmur. Saya berdoa semoga usaha kita ke arah mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 akan berhasil. Kejayaan kita dalam Rancangan Malaysia Keenam ini nanti insya Allah akan memperkuatkan azam kita ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kimanis.

6.04 ptg.

Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli yang mewakili sebilangan besar rakyat di kawasan saya

adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memberi sokongan kepada apa juga rancangan pembangunan yang diadakan oleh Kerajaan bagi faedah rakyat. Dalam hal ini Rancangan Malaysia Keenam yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana sejumlah \$2,307 juta diperuntukkan kepada negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita bandingkan dalam Rancangan Malaysia Kelima, negeri Sabah mendapat peruntukan sebanyak \$2,253 juta, iaitu 6% daripada jumlah peruntukan keseluruhan iaitu \$37,290 juta di mana perbelanjaan pula hanya \$2,083 juta ataupun 5.9% daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan iaitu \$35,300 juta. Pada Rancangan Malaysia Keenam ini negeri Sabah pula menerima \$2,307 juta ataupun 4.2% daripada jumlah peruntukan keseluruhan iaitu \$55,000 juta. Peruntukan ini telahpun turun peratusnya daripada 6% di dalam Rancangan Malaysia Kelima ke 4.2% dalam Rancangan Malaysia Keenam. Walaupun demikian, ia merupakan sejumlah peruntukan yang terbesar pernah diterima oleh negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita merasa gembira mendengar Rancangan Malaysia Keenam, kita haruslah juga meninjau kembali Rancangan Malaysia Kelima yang baru sahaja tamat tempohnya untuk mengkaji sejauh manakah kita benar-benar berjaya dalam melaksanakan semua program dalam Rancangan Malaysia Kelima. Kita juga harus mengambil perhatian terhadap apa-apa juga kelemahan kita yang tentu ada dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima supaya segala kelemahan-kelemahan itu dapat kita kenalpasti dan perbaiki dalam usaha kita melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam.

Peruntukan yang agak besar adalah diperlukan bagi negeri Sabah kerana seperti kita sedia maklum negeri Sabah masih lagi jauh di belakang jika dibanding dengan negeri-negeri yang

ada di Semenanjung Malaysia. Masih banyak yang perlu kita buat untuk meletakkan Sabah setanding dengan negeri-negeri lain. Walau macam manapun, kita berharap apabila tamat tempoh Rancangan Malaysia Keenam kelak, corak dan keadaan pembangunan di Sabah akan berubah.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam telah menggariskan beberapa strategi pembangunan dan di antaranya ialah meneruskan bantuan kepada usahawan-usahawan bumiputera, melonggarkan syarat-syarat dan peraturan bagi pelabur-pelabur asing, mempelbagaikan asas ekonomi yang tinggi dan mengurangkan penglibatan Kerajaan dalam perniagaan. Memang wajar kaum bumiputera terus mendapat bantuan dari Kerajaan dalam meninggikan taraf ekonomi dan perniagaan mereka. Matlamat 30% penyertaan bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru belum kita capai sepenuhnya. Setelah tamat tempoh Dasar Ekonomi Baru hanya 20% sahaja yang dapat kita capai. Menyedari hakikat ini Kerajaan hendaklah terus memberi bantuan-bantuan yang sewajarnya dalam semua bidang jika hasrat kita melibatkan kaum bumiputera terus berjaya.

Sehubungan dengan ini kita juga berharap agar pengusaha-pengusaha bumiputera dapat berusaha dengan lebih gigih demi untuk mencapai kejayaan. Saya amat tertarik dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan penglibatan Kerajaan dalam perniagaan bagi mengurangkan perbelanjaan awam. Dalam hal ini Kerajaan boleh memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa dasar penswastaaan betul-betul dinikmati oleh golongan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan melonggarkan dasar-dasar dan undang-undang yang melibatkan pelabur asing di negara kita. Ini ialah kerana undang-undang yang

ketat tidak boleh menarik minat mereka untuk melabur di negara kita Malaysia. Saya merasa amat gembira kerana dalam Rancangan Malaysia Keenam pelaburan telah diberi perhatian yang serius dan Kerajaan telah bersedia melonggarkan peraturan serta undang-undang yang melibatkan pelabur asing. Saya yakin dengan kelonggaran ini lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing akan menunjukkan minat melabur di negara kita.

Saya juga ingin mencadangkan supaya negeri Sabah dimasukkan sebagai salah satu pusat pelaburan di Malaysia kerana Sabah juga mempunyai segala kemudahan yang diperlukan. Tetapi apa yang kurang ialah pendedahan (exposure) oleh misi-misi ataupun rombongan negara kita apabila membuat lawatan ke luar negara. Apa juga pelaburan yang ada di Sabah adalah hasil usaha Kerajaan Negeri sahaja. Seperti di negeri-negeri lain, Sabah juga memerlukan pelaburan asing untuk menambatkan hasil negara di samping mewujudkan peluang-peluang kerja.

Tuan Yang di-Pertua, asas ekonomi yang kukuh adalah amat perlu jika Rancangan Malaysia Keenam ingin mencapai kejayaan sepenuhnya kerana Rancangan Malaysia Keenam ialah fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang merangkumi Dasar Pembangunan Nasional. Dalam hal ini, negara kita hendaklah berusaha lebih gigih lagi untuk menambah hasil negara dan juga mencari jalan untuk meluaskan pasaran barangan dan rakan dagang di pasaran antarabangsa supaya kita tidak terlalu bergantung kepada segelintir kuasa-kuasa besar dengan kemudahan-kemudahan mereka seperti Amerika Syarikat dengan GSP mereka. Walaupun pada hakikatnya kita masih perlukan GSP (Generalised System of Preference), kita tidaklah boleh selamalamanya bergantung kepada telunjuk kuasa besar ini. Oleh itu, Kerajaan

hendaklah mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Saya berpendapat salah satu cara ialah dengan meluaskan pengaruh negara kita di mata dunia. Dalam hal ini lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama rombongan ke beberapa buah negara di Amerika Selatan baru-baru ini iaitu Chile, Brazil dan Argentina adalah merupakan langkah yang positif dan amat berkesan sekali.

Lawatan itu bukan sahaja berjaya menarik perlaburan pelabur dari ketiga-tiga buah negara itu, malah telah merapatkan lagi Malaysia dengan negara-negara dan rakyat Amerika Latin. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta rombongan atas misi yang penuh bersejarah itu. Lawatan serupa itu hendaklah dibuat lebih kerap lagi.

Dalam hal yang sama, EAEG ataupun East Asian Economic Group yang disarankan oleh Perdana Menteri merupakan salah satu lagi jalan di mana masalah-masalah ekonomi di negara-negara membangun di rantau ini dapat diatasi menerusi gagasan EAEG ini dan dengan itu kurang bergantung kepada negara-negara yang maju. Adalah diharapkan agar EAEG boleh menjadi satu kenyataan kerana menerusi EAEG kita akan dapat manfaat yang lebih baik dan tidak perlu bergantung kepada negara-negara blok Eropah dan Amerika untuk survival kita.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam merupakan satu rancangan yang menyeluruh. Soalnya sekarang ialah adakah kita mampu melaksanakannya dengan penuh kejayaan? Adakah kita sudah membuat segala persediaan yang cukup untuk melaksanakan semua program dalam Rancangan Malaysia Keenam ini? Adakah kita begitu pasti bahawa hospital-hospital kita mempunyai doktor-doktor yang cukup untuk mengatasi kekurangan doktor yang telah

lama kita hadapi? Adakah pula sekolah-sekolah kita sudah cukup tenaga pengajar di mana masalah kekurangan guru-guru telah berterusan kian lama? Saya berpendapat persediaan-persediaan yang lengkap hendaklah terlebih dahulu dibuat dan dipastikan sebelum satu-satu program itu dapat dijalankan dengan sepenuh kejayaan. Kementerian-kementerian berkenaan hendaklah peka terhadap masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi ataupun Jabatan di bawah Kementerian berkenaan.

Salah satu masalah ialah kekurangan pegawai dan kakitangan untuk menjalankan urusan harian. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan dan agensi Kerajaan yang kekurangan kakitangan supaya mengambil kakitangan baru. Tanpa kakitangan yang cukup, jentera pentadbiran akan terbantut dan ini akan melemahkan sistem pelaksanaan Rancangan Pembangunan yang kita rancang.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa pegawai dan kakitangan Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan Rancangan Pembangunan khususnya Rancangan Malaysia Keenam ini. Merekalah orang-orang yang memastikan supaya projek-projek berjalan mengikut jadual. Kita berasa kesal kerana ada terdapat sebilangan kecil pegawai dan kakitangan bukan sahaja tidak menjalankan tugas dengan baik, malah sengaja melambatkan projek yang sepatutnya diselesaikan dengan jangkamasa yang singkat. Ini sudah tentu akan mendatangkan kesan negatif kerana bukan sahaja ia merugikan Kerajaan, tetapi juga rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990, jalanraya Persekutuan di negeri Sabah ialah sebanyak 1067 batang jalan dan Kerajaan Negeri sebanyak 7591 batang jalanraya. Setakat tahun 1990,

jalan yang berturap sebanyak 2,981 dan yang tidak berturap 5,677 batang jalan. Menjadi jumlah keseluruhannya ialah 8,658 batang jalan. Ini juga menunjukkan peratus berturap hanya 34% sahaja, satu penurunan yang dipunyai peratusan yang begitu rendah jika dibanding daripada negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan beberapa projek yang dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam di negeri Sabah seperti projek Jalanraya Tamparuli-Ranau, Sandakan-Lahad Datu dan Beaufort-Sindumin. Kawasan-kawasan ini memang wajar mendapat jalanraya yang baik kerana keperluan-keperluan serta pengguna-pengguna jalanraya telah pun bertambah. Saya merasa satu lagi projek jalanraya yang harus diberi perhatian serius ialah jalanraya Beaufort-Kuala Penyu-Menumbok. Keadaan jalanraya ini adalah teruk sekali dan perlukan perhatian segera. Saya telah berkali-kali membawa masalah jalanraya ini di Dewan yang mulia ini, tetapi belum ada jawapan yang memuaskan selain dari memberi alasan bahawa rekabentuk belum selesai.

Saya ingin pula bertanya kepada Menteri Kerja Raya, berapa lamakah lagi masa yang diperlukan untuk menyiapkan sebuah pelan rekabentuk? Untuk penjelasan kepada pihak yang berkenaan, inginlah saya memberi sedikit latarbelakang jalanraya Beaufort-Kuala Penyu-Menumbok ini. Jalanraya ini terletak di dua buah kawasan Parlimen, iaitu daripada Menumbok ke Nukahen di kawasan Parlimen P147 di mana pula daripada Nukahen ke Beaufort terletak di kawasan Parlimen P148 Limbawang. Projek ini mula dirancang dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan kos yang dianggarkan sebanyak lebih \$100,000 juta. Jumlah ini termasuk kerja-kerja pengubahsuaian ataupun realignment works, dengan izin. Walau

bagaimanapun, projek ini tidak dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat, hanya kerja-kerja pembaikan ataupun repair works, dengan izin, yang telah dijalankan 25% sahaja. Kerja-kerja pembaikan telah dibuat ke atas jalanraya sejauh 74 kilometer itu.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, projek ini juga tidak diberi perhatian yang sewajarnya walaupun keadaan bertambah buruk dan para pengguna jalanraya pula telah bertambah. Hanya yang dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelima ini ialah rekabentuk di tempat yang kritikal yang memakan belanja sejumlah \$5.15 juta dan pada tahun 1990, hanya \$60,000 sahaja untuk gantirugi ataupun pampasan kepada tuan punya tanah yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1991, hanya \$1.5 juta untuk melantik juruperunding untuk membuat kajian kejuruteraan terperinci menjalankan kerja-kerja ukur serta rekabentuk. Provision ataupun peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi projek ini ialah \$30 juta. Dari jumlah ini, \$6 juta diperuntukkan untuk membayar progress payment, dengan izin, dalam tahun 1992. Saya tidak tahu progress payment untuk kerja apakah yang hendak dibayarkan itu. Jumlah wang yang diperlukan untuk projek ini ialah lebih \$100,000 juta dan peruntukan \$30 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam tidak mencukupi untuk menyiapkan projek jalan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, jalanraya Beaufort-Kuala Penyu-Menumbuk ini adalah satu-satunya jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar kecil seperti Menumbok, Mempakul, Kota Klis, Kuala Penyu, Membakut, Beaufort dan Kota Kinabalu. Selain daripada itu peniaga-peniaga dari Sabah yang hendak ke Wilayah Persekutuan Labuan ataupun daripada Wilayah Persekutuan Labuan yang hendak ke Tanah Besar Sabah juga menggunakan jalan raya yang sama.

Pada tahun 1985, jumlah purata pengguna yang menggunakan jalan raya ini setiap hari ialah 600 dan dalam tahun 1990 jumlah ini telah meningkat dua kali ganda. Kesesakan jalanraya ini juga terasa apabila hari-hari keramaian di bandar-bandar kecil di kawasan ini. Di musim hujan, keadaan jalanraya itu menjadi lecek dan berlumpur manakala di musim panas ataupun kemarau, jalanraya itu akan dipenuhi oleh habuk dan debu.

Saya ingin merayu kepada Menteri Kerja Raya agar dapat memberi pertimbangan serius terhadap pelaksanaan projek ini. Saya rasa tidak wajar Kerajaan membelanjakan wang untuk kerja-kerja pembaikan. Apa yang perlu ialah pembinaan sebuah jalanraya yang bertaraf lebuh raya yang dapat memberi banyak faedah kepada sebilangan besar rakyat di kawasan yang berkenaan.

Satu lagi faedah ialah ia dapat membantu ke arah kejayaan Labuan sebagai Pusat IOFC dengan membolehkan ramai peniaga-peniaga dari Tanah Besar Sabah berurusan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah di negeri Sabah ialah berkenaan dengan keselamatan negara. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian Pertahanan oleh kerana menimbangkan satu lagi pusat TLDM sebagai pengkalan kedua di kawasan negeri Sabah. Baru-baru ini, pihak keselamatan telahpun berjaya menembak lima orang perompak yang telah ditembak mati di Kampung Bundusan iaitu di daerah Penampang. Berkaitan dengan pendatang tanpa izin, petugas-petugas khas kita yang sedang sibuk untuk mengesan dan mendaftar pelarian-pelarian ataupun kemasukan tanpa izin yang datang ke negeri Sabah pada ketika ini. Jadi saya berharap petugas-petugas khas ini akan dapat menjalankan kerja secepat mungkin oleh kerana perkara ini adalah menjadi perkara yang penting dan yang serius dari segi keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam Jurnal Parlimen kita ternampak satu artikel tuntutan (claim) Sabah oleh negara jiran kita iaitu negara Filipina. Rakyat-rakyat di Sabah masih lagi tertanya-tanya apakah akan jadi atas tuntutan tersebut. Apakah Kerajaan Persekutuan ini berusaha dengan sewajarnya supaya dapat melepaskan tuntutan tersebut, oleh kerana kita masih lagi membayar pampasan ataupun membayar sewa sebanyak \$12,000 setahun kepada keturunan Sultan Sulu. Dengan ini saya berharap bahawa perkara ini dapat diselesaikan. Kalau tidak masalah ini akan berlarutan, dan rakyat Malaysia di Sabah sentiasa di dalam kekhuatiran dan ketakutan. Pada ketika ini bencana-bencana alam yang terdapat di negara jiran kita, seperti gunung berapi di Pinatubo, ini akan jadi satu masalah yang berlarutan dan mengenai keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan di negeri jiran, ini lagi satu bencana yang mendorong illegal immigrants atau pendatang tanpa izin akan lagi menyeludup masuk dan menjadi satu masalah keselamatan di negara kita. Namun Sabah mempunyai pantai sejauh 1,577 km itu, saya berharap dengan adanya pengkalan TLDM Kedua di negeri Sabah ini, saya yakin dan percaya sedikit-sebanyak kita akan dapat mengesan ataupun dapat mengikiskan masalah seumpama ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah benar-benar mengharap agar Rancangan Malaysia Keenam dapat mendatangkan manfaat menerusi semua program pembangunan yang dirancangkan. Dalam hal ini, kerjasama semua pihak adalah amat penting untuk menjamin kejayaan sesuatu program itu. Sehubung dengan ini kita amat berharap negeri Sabah dan Kerajaan Pusat akan dapat bekerjasama dan bertolak-ansur demi memastikan

kejayaan. Saya percaya jika semua pihak dapat bersatu dan sentiasa memberi kerjasama di antara satu sama lain, tujuan dan matlamat kita dalam Rancangan Malaysia Keenam akan tercapai seperti termaktub dalam Dasar Ekonomi untuk pembangunan negara masa depan iaitu di mukasurat 311 di bawah tajuk "Kesimpulan". Saya petik, Tuan Yang di-Pertua:

"956. "Ternyata daripada Bab ini bahawa asas kepada perpaduan negara ialah komitmen bersama kepada nilai prinsip dan kepada suatu visi masa depan bersama. Perlembagaan Negara dan Rukunegara menjadi asas kepada merealisasikan nilai dan prinsip bersama ini.

957. — "Di atas sebab inilah beberapa prinsip asas yang berhubungkait . . ."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Saya habiskan ayat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kuala Langat.

6.24 ptg.

Datuk Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sebelum itu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan saya

kepada Kerajaan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana wawasan dan kebijaksanaannya merangka satu dasar baru yang begitu ideal dan dinanti-nantikan oleh semua pihak.

Sudah pasti dasar tersebut bukanlah sesuatu yang datang dari langit. Ia digubal, dirancang dan diteliti dengan penuh hati-hati dengan mengambil kira semua aspek. Saya kira kegagalan Kerajaan mencapai sepenuhnya matlamat Dasar Ekonomi Baru dan kejayaan Kerajaan meningkatkan pencapaian ke arah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adalah menjadi asas kepada Dasar Pembangunan Negara.

Untuk mencapai matlamat itu, Kerajaan harus bertindak lebih tegas dan berani dalam menghadapi tentangan dan kritikan dari pembangkang dan juga golongan-golongan tertentu yang sentiasa mencari kesempatan untuk menggagalkan sebarang rancangan baik Kerajaan.

Pengalaman kita sepanjang Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, banyak mengajar kita tentang sikap dan hati budi golongan tersebut. Kita melihat bagaimana mereka mengkhianati pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru; bagaimana mereka memutar-belitkan fakta dar: bagaimana mereka telah menggunakan pertubuhan-pertubuhan dan media massa sama ada dalam atau luar negara untuk memburuk-burukkan Kerajaan. Dalam hubungan ini, saya percaya golongan tersebut tidak akan berdiam diri, sebaliknya mereka akan bekerja lebih keras lagi bagi memastikan bahawa dasar baru ini akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Negara merupakan satu wawasan ke arah menyelesaikan masalah kemiskinan dan keseimbangan sosial antara kaum. Negara dijangka

akan berkembang menuju ke arah sebuah negara maju yang berorientasikan industri. Negara juga dijangka akan bergantung kepada eksport barangan pembuatan bagi pertambahan pendapatan dan gunatenaga.

Wawasan 2020 dan RRJP2 ini sedang meletakkan kita di persimpangan. Dari segi ekonominya kita sedang berada di persimpangan di antara pertanian tradisi dengan pertanian perindustrian dan dari sebuah negara pengeluar hasil utama ke sebuah negara industri. Dari segi sosialnya pula kita sedang berada di zaman peralihan masyarakat tani dengan masyarakat industri.

Sebenarnya satu kejutan dan pertembungan budaya sedang berlaku dalam masyarakat kita. Kita memang mengalu-alukan kehadiran pelabur-pelabur asing ke negara kita. Dan hari ini negara kita sedang dibanjiri oleh pelabur-pelabur asing khususnya di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor. Walau bagaimanapun, industri-industri yang tidak memerlukan teknologi tinggi harus disekat kerana ia akan menutup peluang pengusaha-pengusaha tempatan. Banyak pelabur-pelabur asing yang menjadikan negara ini semata-mata untuk mendapatkan buruh murah. Dan dalam kehairahan kita untuk membasmi kemiskinan ekonomi serta menuju ke arah sebuah negara maju, kita jangan lupa bahawa kemiskinan ilmu, akhlak dan budi bahasa harus juga dibasmi. Dengan kata lain, pembangunan kerohanian dan pembangunan kemanusiaan mestilah diberi penekanan yang sama berat dengan pembangunan fizikal.

Dalam hubungan ini sistem pendidikan dan sistem pentadbiran awam juga harus memberi penekanan ke atas aspek-aspek berkenaan. Kursus-kursus yang berbentuk bina insan, pendidikan komuniti dan lain-lain mesti diperbanyakkan khususnya di kalangan guru-guru, ketua-ketua Jabatan, bukan sahaja di sektor awam tetapi juga di